



*(Signature)*

# **Pentadbiran TENTERA JEPUN DAN THAI DI TERENGGANU 1942-1945**

1985

1986

1987

1988

1989

1990

1991

1992

1993

1994

1995

1996

# Pentadbiran TENTERA JEPUN DAN THAI DI TERENGGANU 1942-1945

Abdullah Zakaria Ghazali



Penerbit Universiti Malaya

Diterbitkan oleh  
**Penerbit Universiti Malaya**  
Lembah Pantai  
50603 Kuala Lumpur  
Malaysia.

© Penerbit Universiti Malaya, Kuala Lumpur 1996

Semua hak terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa cara sekalipun termasuk, elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman, atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada Penerbit.

Pengatur huruf: Zaini bt Ahmad Arif  
Muka taip teks: Clearface  
Saiz taip teks: 9.5/Auto

Perpustakaan Negara Malaysia Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Abdullah Zakaria Ghazali  
Pentadbiran tentera Jepun dan Thai di Terengganu  
1942-1945 Abdullah Zakaria Ghazali.  
Bibliografi: ms. 187-194  
mengandungi indeks  
ISBN 967-9940-97-7  
1. Terengganu-History. 2. Terengganu-Politics and  
government-History. 3. Malaya-History-Japanese  
occupation, 1942-1945. 1. Judul.  
959.5122

Dicetak oleh Penerbit Universiti Malaya, Lembah Pantai, 50603 Kuala Lumpur.

M 19959  
iv

909959

12 DEC 1997  
Perpustakaan Negara  
Malaysia

# Kandungan

Penghargaan	vii
Peta	ix
Singkatan	xiii
Pendahuluan	1
<b>1 Pentadbiran Terengganu Sebelum 1942</b>	5
Pentadbiran Melayu	5
Menerima Ejen British	9
Di Bawah Penasihat British	13
<b>2 Pentadbiran Jepun, 1942-1943</b>	21
Kemaraan dan Penguasaan	21
Struktur Pentadbiran	24
Pengisytiharan, Peraturan, dan Pelaksanaan	31
Kedudukan dan Kuasa Sultan	48
Penerapan Nilai-Nilai Jepun	61
<b>3 Pentadbiran Thai, 1943-1945</b>	69
Perpindahan Pentadbiran	69
Pentadbiran, Peraturan dan Pelaksanaan	80
Kedudukan dan Kuasa Sultan	93
Penerapan Nilai-Nilai Thai	121
Berakhirnya Pentadbiran Thai	124

PENTADBIRAN TENTERA JEPUN DAN THAI DI TERENGGANU, 1942-1945

4 Kesimpulan	127
Nota	129
Lampiran	165
Bibliografi	187
Indeks	195


## Penghargaan

KAJIAN PENTADBIRAN TERENGGANU, 1942–1945 YANG dimulakan sejak tahun 1989, lahir dalam bentuk yang ada sekarang ialah hasil sokongan dan kerjasama daripada berbagai-bagai pihak; orang perseorangan dan institusi tertentu. Dengan itu saya mengambil kesempatan di sini untuk merakamkan ucapan terima kasih kepada Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur; Cawangan Timur Kuala Terengganu serta Kota Bharu, dan Muzium Negeri Terengganu. Di samping itu ucapan terima kasih juga ditujukan kepada kakitangan institusi tersebut atas bantuan dan kerjasama yang diberikan oleh mereka kepada saya ketika penyelidikan ini dijalankan.


Selain itu ucapan terima kasih juga saya tujuarkan kepada Saudara Zainol Abidin Abdul Rahman, Saudara Zamri, Haji Mokhtar bin Ramli, Saudara Mohd. Yusof Abdullah, Cikgu Haji Othman bin Ali, saudara Abdullah Azmi bin Abdul Khalid dan Profesor Dato' Dr. Khoo Kay Kim. Juga tidak lupa ucapan terima kasih kepada Saudara Ahmad bin Idris (Worawit Baru) dan Profesor Madya Dr. M. Rajendran. Di samping itu ucapan terima kasih ini saya rakamkan untuk semua yang terlibat sehingga kajian yang saya jalankan itu berhasil dalam bentuk yang ada sekarang.

Abdullah Zakaria bin Ghazali  
Jabatan Sejarah  
Universiti Malaya  
Kuala Lumpur  
25 Januari 1996






Peta 1  
Kedudukan Pertahanan Tentera British Di Tanah Melayu  
Disember 1941.



Peta 2  
 Serangan Tentera Jepun Ke atas Tanah Melayu  
 Disember 1941—Februari 1942.



Peta 3  
Serangan Tentera Jepun Ke atas Terengganu  
Disember 1941.



## Singkatan

ART	- Annual Report Terengganu
C.O.	- Colonial Office
DYMM	- Duli Yang Maha Mulia
hlm.	- halaman
JMBRAS	- Journal of the Malayan Branch Royal Asiatic Society
JSEAH	- Journal Southeast Asian History
MBOF.Tr.	- Menteri Besar Office File, Terengganu
MBRAS	- Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society
SCAO.Tr.	- Senior Civil Affairs Officer, Terengganu
S.O.	- Surveyor Officer
SUK.Tr.	- Setiausaha Kerajaan Terengganu
T.C.S.	- Terengganu Civil Service
t.t.	- tanpa tarikh
UFMS.Ar.	- Unfederated Malay States Annual Report



## Pendahuluan

SEJARAH MALAYSIA PADA TAHUN 1942–1945 DIKENALI SEBAGAI zaman pendudukan Jepun. Tentera Jepun merancang menyerang Tanah Melayu melalui Thailand sejak tahun 1938. Walaupun begitu hanya pada Oktober 1940, barulah Phibun Songkhram, Perdana Menteri Thailand secara rahsia membenarkan tentera Jepun menyerang Tanah Melayu melalui negaranya. Sebagai menyatakan kerjasama, Thailand membenarkan Jepun mendirikan Konsulnya di Senggora (Songkhla). Dengan itu pada Mac 1941, Konsul Jepun dibuka di Senggora. Tentera Jepun melancarkan serangan melalui Thailand ke atas Kota Bharu, dan seterusnya memasuki Terengganu pada 10 Disember 1941.

Kemudiannya tentera British menyerah kalah di Singapura pada 15 Februari 1942. Dengan itu tentera Jepun pun memerintah Tanah Melayu sehingga mereka dikalahkan oleh Tentera Berikat pada tahun 1945. Sementara tentera Jepun memerintah Tanah Melayu, empat buah negeri Melayu, iaitu Perlis, Kedah, Kelantan, dan Terengganu dipindahkan ke bawah pentadbiran tentera Thai pada tahun 1943. Dengan itu Perlis, Kedah, Kelantan, dan Terengganu ditadbir di bawah tentera Jepun pada tahun 1942–1943 dan tentera Thai pada tahun 1943–1945. Manakala negeri lain di Tanah Melayu terus-menerus berada di bawah pentadbiran tentera Jepun pada tahun 1942–1945.

Perbincangan buku ini menyentuh perjalanan pentadbiran tentera Jepun dan Thai di Terengganu pada tahun 1942–1945.

Dalam hal ini percubaan dibuat untuk melihat bagaimana tentera Jepun dan kemudiannya tentera Thai melaksanakan dasar, undang-undang dan peraturan di Terengganu. Walaupun kajian ini hanya tentang Terengganu, tetapi dapat mencerminkan perjalanan pentadbiran tentera Jepun di Tanah Melayu dan pentadbiran tentera Thai di negeri Perlis, Kedah, dan Kelantan. Dalam usaha menjelaskan perkara ini, peraturan dan undang-undang yang diisyiharkan dan dikuatkuasakan oleh pentadbiran tentera Jepun, tahun 1942-1943 dan pentadbiran tentera Thai, tahun 1943-1945 di Terengganu menjadi rujukan utama. Selain itu surat-menyerat juga digunakan dalam kajian ini. Sebahagian besar dokumen yang digunakan ini terdapat dalam fail Setiausaha Kerajaan Terengganu. Bagi memudahkan perbincangan, dengan sengaja bab buku ini dibahagikan kepada Pentadbiran Tentera Jepun, tahun 1942-1943 dan Pentadbiran Tentera Thai, tahun 1943-1945. Manakala Bab 1, Pentadbiran Terengganu Sebelum tahun 1942 adalah sebagai latar kepada pentadbiran Jepun di Terengganu. Walaupun perbincangan buku ini disentuh secara berasingan: Pentadbiran Terengganu Sebelum tahun 1942, Pentadbiran Tentera Jepun, tahun 1942-1943 dan Pentadbiran Tentera Thai, tahun 1943-1945 tetapi diharapkan kajian ini dapat memaparkan perubahan dan kesinambungan dalam pentadbiran Terengganu.

Dengan mengekalkan bidang kuasa Sultan dalam hal berkaitan dengan agama; tentera Jepun menguruskan pentadbiran Terengganu berasaskan lima Pejabat: Pejabat *Cuji Keimu-bu* (Pejabat khas untuk *Syuciji* Terengganu), Pejabat *Somu-bu* (Pejabat Am), Pejabat *Zaimu-bu* (Pejabat Khazanah), Pejabat *Sangyo-bu* (Pejabat Perniagaan) dan Pejabat *Kotsu-bu* (Pejabat Pengangkutan). Pegawai tempatan yang bertugas sebelum pentadbiran Jepun dikenalpasti. Manakala kuasa tertinggi pentadbiran terletak di tangan Gabenor atau *Syuciji*.

Selain itu, buku ini juga cuba memaparkan berbagai-bagai perubahan yang berlaku dalam pentadbiran Terengganu pada tempoh tahun 1942-1945. Misalnya, ketika pentadbiran tentera Jepun, perjalanan pejabat berdasarkan arahan yang dikeluarkan oleh kerajaan tentera Jepun. Berbagai-bagai arahan dikeluarkan. Antara arahan itu ialah orang ramai memberi hormat kepada pegawai dan tentera Jepun dan mempelajari bahasa Jepun. Pada 1 April 1942 *Syuciji* Terengganu memaklumkan kepada Sultan Terengganu baginda baginda tidak boleh lagi campur tangan

dalam pentadbiran Terengganu. Begitu juga pada 1 April 1942, penduduk Terengganu dimaklumkan bahawa segala peraturan atau undang-undang yang dilaksanakan pada masa pentadbiran tentera Jepun disifatkan sebagai Undang-Undang dan Peraturan *Dai Nippon*. Dengan itu segala undang-undang dan peraturan sebelum ini yang berkuat kuasa atas nama "Duli Yang Maha Mulia dalam Mesyuarat" adalah terbatal. Selain itu pejabat kerajaan diarahkan berjimat cermat dalam penggunaan alat tulis, buku-buku, dan borang-borang bercetak.

Buku ini juga cuba memaparkan dasar pentadbiran tentera Jepun terhadap Sultan dan Mahkamah. Misalnya, kerajaan tentera Jepun tidak membernarkan Sultan menaikkan bendera di Istana Kolam. Arahan juga dikeluarkan untuk melarang pemasangan bendera kerajaan atau Jepun pada kereta sultan atau pegawai. Pihak Jepun hanya akan mengeluarkan sekeping surat dalam tulisan Jepun yang bermaksud "Terengganu Sultan" untuk dilekatkan pada kereta Sultan. Pentadbiran tentera Jepun juga tidak membernarkan orang memakai lambang Kerajaan Negeri Terengganu yang berbentuk mahkota dan keris kerana itu dianggap bukan cap keturunan Sultan tetapi hanyalah cap kerajaan dahulu. Pada 7 Mei 1942 jawatan Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan dimansuhkan. Perubahan juga dilakukan dalam bidang kehakiman. Mahkamah Terengganu dibahagikan kepada tiga jenis, iaitu Mahkamah *Koto Hoin* atau Mahkamah Besar, Mahkamah *Ciho Hoin* atau Mahkamah Jajahan, dan Mahkamah *Kaikyo Hoin* atau Mahkamah Kadi. Di samping itu disentuh juga perubahan yang dilakukan dalam perkhidmatan polis, hari kelepasan, dan waktu pejabat. Hari kebesaran negara Jepun disambut di Terengganu dan menjadi hari kelepasan. Waktu pejabat yang dipinda itu berdasarkan waktuan tempatan Jepun.

Oleh sebab Jepun menyerahkan Terengganu, termasuk Perlis, Kedah, dan Kelantan kepada Thailand beberapa perkara berkaitan sehingga penyerahan dibuat turut sama disentuh. Pada tahun 1943, beberapa langkah diambil oleh kerajaan Jepun dan Thailand untuk memindahkan pentadbiran Perlis, Kedah, Kelantan, dan Terengganu kepada kerajaan Thailand. Sehubungan dengan ini disentuh juga tentang adanya segolongan penduduk Terengganu melalui Sultan dan Mufti yang membantah perpindahan ini. Bantahan ini tidak berkesan dan Jepun terus dengan rancangannya. Apabila mengambil alih

teraju pemerintahan, kerajaan Thai meletakkan Perlis, Kedah, Kelantan, dan Terengganu di bawah pentadbiran Gabenor Jeneral yang berpusat di Alor Setar. Pentadbiran tiap-tiap negeri pula diletakkan di bawah Gabenor.

Dalam pada itu perbincangan juga dibuat terhadap proses perpindahan kuasa tersebut. Pada 15 Oktober 1943, Gabenor dan pegawai-pegawai Thai tiba di Terengganu dan mereka mengambil alih teraju pemerintahan Terengganu pada 18 Oktober 1943. Pentadbiran Terengganu diletakkan di bawah gabenor. Kemudiannya pada 1 November 1943, gelaran Gabenor Jeneral ditukarkan kepada Pesuruhjaya Tinggi Tentera Thai Bagi Empat Buah Negeri (*The Military High Commisioner of Four States*). Manakala gelaran gabenor bagi tiap-tiap negeri ditukarkan kepada Pesuruhjaya Tentera.

Dalam perbincangan pentadbiran tentera Thai ini beberapa perkara diberi perhatian. Ini termasuk bagaimana pentadbiran tentera Thai menyesuaikan pentadbiran Terengganu dengan sistem mereka. Dengan ini kita akan dapat melihat beberapa perubahan yang berlaku, misalnya, waktu kerja diubah mengikut waktu Thailand dan hari perayaan Thailand disambut di Terengganu. Mereka juga membenarkan kerajaan Terengganu mengibarkan bendera di kawasan istana dan di kereta sultan serta memulihkan kembali Jemaah Mesyuarat Negeri dengan nama *Montri Sapha* yang dimansuhkan oleh pentadbiran tentera Jepun sebelum ini. Kini perjalanan pentadbiran negeri Terengganu berlandaskan keputusan terbanyak dalam *Montri Sapha*.

Pentadbiran tentera Thai di Terengganu berakhir setelah Jepun menyerah kalah kepada pihak Berikat pada 15 Ogos 1945. Serentak dengan itu Tanah Melayu diletakkan di bawah Pentadbiran Tentera British. Manakala Terengganu diletakkan di dalam *Region 8*, di bawah pentadbiran Leftenan Kolonel D. Headly.

# 1

## Pentadbiran Terengganu Sebelum 1942

SEBELUM TAHUN 1942 PENTADBIRAN TERENGGANU dikemudikan oleh pegawai Melayu. Dalam tempoh tersebut, iaitu pada tahun 1910 Ejen British dilantik untuk membantu mengendalikan jentera pentadbiran kerajaan Terengganu, kemudiannya pada tahun 1919 ia digantikan dengan Penasihat British untuk menasihati semua perkara, kecuali adat istiadat dan agama Islam.

Kesultanan Terengganu yang wujud pada hari ini diasaskan oleh Tun Zainal Abidin ibn Bendahara Tun Habib Abdul Majid Johor pada tahun 1708.<sup>1</sup> Mengikut buku *Tuhfat al-Nafis*, Tun Zainal Abidin ditabalkan menduduki takhta kerajaan Terengganu dengan gelaran Sultan Zainal Abidin oleh Raja Tua Daeng Menompok<sup>2</sup> dengan titah Sultan Sulaiman Badrul Alam Syah Johor,<sup>3</sup> putera Sultan Abdul Jalil Riayat Shah IV.<sup>4</sup> Raja Tua Daeng Menompok datang ke Terengganu selepas perang antara Raja Kechil dengan Upu-Upu Bugis pada tahun 1726.<sup>5</sup> Selain itu terdapat juga sumber yang menyatakan Tun Zainal Abidin ditabalkan sebagai Sultan Terengganu oleh Raja Patani.<sup>6</sup>

### Pentadbiran Melayu

Setelah menduduki takhta kerajaan Terengganu pada tahun 1708, Sultan Zainal Abidin I memulakan pemerintahan di Tanjung Baru (Kota Batang Mahang), Kuala Berang.

Kemudiannya baginda berpindah ke Langgar, Pulau Manis, Cabang Tiga, dan akhirnya ke tempat berhampiran Bukit Keledang (Kota Lama), Kuala Terengganu. Dalam pentadbiran, baginda dibantu oleh para menteri, mufti, kadi, panglima, dan pengawal keamanan. Menteri Besar baginda ialah Tun Buang.<sup>7</sup> Selain itu jajahan dibentuk dan diletakkan di bawah pentadbiran Raja Anak Sungai. Lazimnya Raja Anak Sungai ini terdiri daripada kerabat diraja dan pembesar negeri. Segala pungutan cukai di jajahan dilakukan oleh Raja Anak Sungai. Sebagai tanda taat setia kepada sultan, pada tiap-tiap tahun sebahagian tertentu cukai yang dipungut itu akan diserahkan kepada Sultan. Dalam pentadbiran, khususnya berkaitan dengan hukuman Sultan akan merujuk mufti atau kadi sebelum hukuman dijatuhkan. Hukuman bagi kesalahan mencuri tangan dikudungkan. Orang yang membunuh akan dikujut dan orang yang berkelahi akan dipenjara.<sup>8</sup> Pengganti baginda, Sultan Mansur (1733–1793) juga dibantu oleh pembesar negeri. Pada masa pemerintahan baginda, terdapat gelaran pembesar negeri seperti Bendahara, Maharaja Dinda, Temenggung, Dato' Dungun, Tun Nara Wangsa,<sup>9</sup> Orang Kaya Padang, dan Orang Kaya Seri Wangsa.<sup>10</sup> Misalnya ketika Sultan Mansur I tinggal di Riau selama kira-kira 14 tahun (1746–1760), pentadbiran Terengganu dipangku oleh Bendahara Bukit Puteri atau Bendahara Tun Husin. Bantuan pembesar diteruskan dalam pentadbiran Sultan berikutnya iaitu Sultan Zainal Abidin II (1793–1808), Sultan Ahmad (1808–1831), dan Sultan Abdul Rahman (1831). Ketika pemerintahan Sultan Abdul Rahman, Kemaman ditadbirkan oleh Encik Abdul Rahim dan seterusnya digantikan oleh Tuan Marta yang berasal dari Pahang. Seperti juga Sultan sebelumnya, Sultan Daud (1831),<sup>11</sup> Sultan Omar (1831),<sup>12</sup> Sultan Mansur II (1831–1836), Sultan Muhammad (1836–1839) dan Baginda Omar (1839–1876)<sup>13</sup> masih bergantung kepada pembesar negeri untuk menguruskan kerajaan.

Baginda Omar misalnya, apabila menaiki takhta kerajaan, melantik Tengku Idris, sepupu Sultan Ahmad (Sultan Terengganu keempat, 1808–1831) sebagai Menteri, Tengku Muda (bapa saudara baginda) sebagai Penasihat Utama Dato' Bentara Haji sebagai Dato' Kaya Bija Diraja, Dato' Kaya Duyong, Imam Perang Losong. Tengku Panglima, Wan Abdul Rahman pula menjadi Orang Kaya Megat Seri Mahkota Diraja, Wan Osman menjadi Orang Kaya Panglima Dalam Setia Raja;<sup>14</sup> Wan

Abdullah menjadi mufti, dan Tengku Ali bin Tengku Abdul Kadir menjadi pemerintah Besut. Apabila Tengku Idris mangkat, jawatan Menteri disandang oleh Yang Dipertuan Muda Tengku Mahmud, dan seterusnya apabila Tengku Mahmud mangkat jawatan Menteri dipegang oleh Syed Zain bin Syed Muhammad dan beliau dianugerahi gelaran Engku Syed Seri Perdana. Memandangkan keadaan kesihatan Engku Syed Zin seringkali tidak stabil, Baginda Omar melantik Tengku Ahmad sebagai pembantu beliau dalam pentadbiran.

Dalam masa pemerintahan Baginda Omar, jawatan Pembesar Daerah yang meninggal dunia, kecuali Orang Kaya Duyong dan Orang Kaya Setiu tidak lagi dipenuhi. Peranan Pembesar ini digantikan oleh Penghulu yang bertanggung jawab di kawasan-kawasan tertentu seperti pembesar dahulu. Penghulu-penghulu ini pula boleh berhubung secara langsung dengan Baginda Omar. Antara penghulu-penghulu yang dilantik oleh Baginda Omar ialah Penghulu Malek yang bertanggung jawab di kawasan Terengganu; Penghulu Said Brueh di Hulu Kerbat dan Sungai Ketir; Penghulu Ali di Sungai Chergui; Penghulu Bakti menjaga kawasan di bawah Hulu Terengganu dan di kawasan atas air terjun Kelemang. Pengganti Baginda Omar,<sup>15</sup> Sultan Ahmad II (1876–1881)<sup>16</sup> meneruskan sistem pentadbiran yang telah wujud sebelum ini.<sup>17</sup> Pada masa pemerintahan baginda, Sultan Ahmad menganugerahkan gelaran Sangsura Pahlawan kepada pembesar baginda, Wan Muhammad Salleh bin Wan Abdul Kadir.<sup>18</sup>

Pentadbiran Terengganu mengalami perubahan lagi apabila Sultan Zainal Abidin III (1881–1918) menggantikan ayahandanya, Sultan Ahmad II yang mangkat pada tahun 1881. Sultan Zainal Abidin III melantik putera baginda, Tengku Muhammad sebagai Raja Muda atau Yang Dipertuan Muda dan Tengku Sulaiman sebagai Tengku Muda. Di samping itu baginda juga memecahkan kawasan Terengganu dan diserahkan kepada kerabat yang dekat dan pembesar kerajaan.<sup>19</sup> Yang Dipertuan Muda Tengku Muhammad menjaga kawasan Sungai Marang. Tengku Musa atau Tengku Embong (putera Sultan Daud — Sultan Terengganu keenam). Menteri dan Bendahari di Pejabat Perbendaharaan menerima Sungai Kerteh. Tengku Khajki (Tengku Woh) bin Tengku Abu Bakar (menantu Sultan Zainal Abidin III) menerima Sungai Nerus, iaitu cabang Sungai Terengganu.<sup>20</sup> Kawasan Sungai Telemong pula diserahkan

kepada Tengku Ngah bin Tengku Abdul Rahim (menantu Sultan Zainal Abidin III, yang beristerikan Tengku Nik Maimunah). Tengku Abu Bakar bin Tengku Abdul Jalil (ayahanda Tengku Khajki, beristerikan saudara Sultan Zainal Abidin III) menjaga Sungai Dungun bersama-sama dengan Tengku Chik bin Tengku Long. Besut pula diserahkan kepada Tengku Hitam bersama-sama dengan anak saudaranya Tengku Long bin Tengku Ngah. Tengku Abdullah atau Tengku Puteh bin Sultan Ali<sup>21</sup> yang beristerikan Tengku Ngah, puteri sulung Sultan Zainal Abidin III menerima Sungai Paka. Sungai Setiu dan Keluang ditadbirkan oleh Tengku Mahmud atau Tengku Muhammad bin Tengku Dalam, bersama-sama dengan Dato' Kaya Lela Wangsa. Sungai Kemaman dan Kijal diletakkan di bawah pentadbiran Tengku Ibrahim, bekas pembesar Johor dan kini menetap di Terengganu. Che Mat bin Abdul Rahim yang bertugas di Pejabat Perbendaharaan menjaga Sungai Kemasik. Sungai Merchang, iaitu sungai di antara Kuala Terengganu dengan Dungun diserahkan kepada Tengku Putera bin Tengku Said Lingga. Hulu Terengganu diserahkan kepada Tuan Bong atau Syed Abu Bakar.<sup>22</sup> Sungai Ibai dan Marang, tidak keluasannya diserahkan kepada sesiapa kerana kecil.

Pembahagian kawasan ini mengakhiri tugas Penghulu berhubung secara langsung dengan Sultan seperti yang telah diwujudkan oleh Baginda Omar dahulu. Namun begitu, ada sedikit pengecualian tentang Abdul Rahman bin Ishak<sup>23</sup> di Kemaman dan Kijal. Beliau bertugas di sini sebagai wakil tempatan kepada Panglima Besar Tengku Long Besar bin Tengku Othman, yang lebih merupakan seperti tugas Penghulu. Apabila Panglima Besar, Tengku Long Besar mangkat, Abdul Rahman bin Ishak meneruskan pentadbiran Kemaman.<sup>24</sup>

Dalam pentadbiran, Sultan Zainal Abidin III dibantu oleh Tengku Musa, Tuan Hitam, dan Che Abdul Rahim.<sup>25</sup> Salah seorang pembesar baginda yang bergelar Dato' Mata-Mata (Che Ali bin Muhammad) bertugas menyambut kedatangan pelawat rasmi atau orang kenamaan ke Terengganu dan mengaturkan waktu perjumpaan dengan Yang Maha Mulia Sultan di istana.<sup>26</sup> Dato' Mata-Mata juga menjalankan undang-undang dan perintah Duli Yang Maha Mulia Sultan.<sup>27</sup> Sultan Zainal Abidin III mempunyai seorang Setiausaha Sulit dan jawatan ini dipegang oleh Haji Ngah Muhammad bin Yusof. Beliau menjalankan urusan pentadbiran dalam dan luar negeri.<sup>28</sup> Di

Terengganu tidak ada Orang Besar Empat dan Orang Besar Lapan dalam pentadbirannya. Ketua<sup>29</sup> Agama bergelar Sheikh-ul-Islam, dipegang oleh Engku Syed Abdul Rahman bin Muhammad al-Idrus.<sup>30</sup> Sultan juga dibantu oleh Jemaah Mesyuarat Kerajaan untuk membuat sebarang keputusan atau pengisytiharan negeri. Anggota Jemaah Mesyuarat digelar sebagai Ahli Mesyuarat. Sultan Zainal Abidin III menghantar bunga emas ke Bangkok.<sup>31</sup>

Pelaksanaan undang-undang di Terengganu berlandaskan Undang-Undang Islam. Terdapat sekumpulan pengawal bergelar Budak Raja yang berkuasa menangkap orang salah dan dihadapkan di mahkamah. Dalam setiap perbicaraan yang hendak dijalankan, dimestikan membayar bayaran kepada mahkamah. Bayaran ini terbahagi dua: pertamanya dipanggil Pembasuh Balai, wang ini akan digunakan untuk membersih balairong yang digunakan untuk perbicaraan. Keduanya, bayaran yang dikenakan kepada pendakwa tiap-tiap kali perbicaraan hendak dijalankan.<sup>32</sup>

Pentadbiran penjara di Kuala Terengganu diletakkan di bawah Dato' Panglima Dalam. Kakitangan, biasanya terdiri daripada enam orang. Pendapatan mereka tidak berdasarkan kepada bulanan; sekali-sekala mereka mendapat bekalan makanan dan wang daripada kerajaan Terengganu. Penjara pula diletakkan di bawah kawalan Pertanda. Pertanda tidak menerima sebarang bayaran daripada kerajaan untuk membekalkan makanan kepada banduan. Namun begitu Pertanda diberi kuasa memungut segantang beras daripada tiap-tiap perahu dagang yang memasuki Kuala Terengganu dan mengutip ikan pada tiap-tiap hari daripada nelayan tempatan.<sup>33</sup> Walaupun Pertanda bebas memungut hasil tetapi kutipan hasil menjadi kurang ketika musim tengkujuh kerana kekurangan perahu dagang memasuki Kuala Terengganu.

### **Menerima Ejen British**

Pada masa pemerintahan Sultan Zainal Abidin III Terengganu menerima pengaruh British. Pengaruh British bermula dalam pentadbiran Terengganu adalah ekoran daripada berkuatkuasa Perjanjian Bangkok yang ditandatangani pada 10 Mac 1909 antara Kerajaan Siam dengan Great Britain. Artikel 1 Perjanjian

tersebut mencatatkan bahawa kerajaan Siam menyerahkan Terengganu (termasuk Kelantan, Kedah, dan Perlis) kepada Great Britain.<sup>34</sup> Raja Siam menetapkan tarikh bagi British untuk mengambil alih Negeri-Negeri Melayu ini—Terengganu pada 24 Julai 1909, Kelantan 19 Julai 1909, dan Kedah pada 19 Ogos 1909.<sup>35</sup>

W. L. Conlay dilantik oleh British sebagai Ejen British yang pertama di Terengganu. Beliau, bersama-sama J. S. Mason (Penasihat British Kelantan, menggantikan W. A. Graham) dan Phya Rajvinichai (wakil kerajaan Siam) datang ke Terengganu berunding dengan Sultan Zainal Abidin III. Dalam rundingan ini Phya Rajvinichai menyerahkan surat kerajaan Siam yang menyatakan penyerahan Terengganu kepada Great Britain.<sup>36</sup> W. L. Conlay pula menyerahkan surat yang menyatakan menerima penyerahan tersebut.<sup>37</sup> Sultan Zainal Abidin III menolak ketetapan yang dibuat oleh kerajaan Siam dengan British. Baginda menyatakan, walaupun Terengganu ada menghantar bunga emas kepada kerajaan Siam, tetapi kerana tidak ada Residen Siam ditempatkan di Terengganu maka Terengganu tidak ada sebarang alasan untuk menerima wakil British.<sup>38</sup> Walaupun demikian rundingan diteruskan antara W. L. Conlay dengan Sultan Zainal Abidin III; begitu juga Gabenor Negeri-Negeri Selat dan Pesuruhjaya Tinggi Negeri-Negeri Melayu Bersekutu turut datang ke Terengganu membincangkan hal penyerahan Terengganu oleh kerajaan Siam ini. Rundingan juga diadakan di Singapura.<sup>39</sup> Rundingan berakhir dengan perjanjian antara kerajaan Terengganu dengan Great Britain pada 22 April 1910.<sup>40</sup> Sebab Terengganu menerima pengaruh British dinyatakan oleh Haji Ngah Muhammad bin Yusof seperti berikut:

Amatlah sukar kita [Terengganu] hendak menolak dia [British] kerana konsul [Wakil British] itu dikatakan tali persahabatan dan perdamaian antara satu negeri sama lainnya daripada dialah mengalir kebijakan antara kedua-dua, maka jikalau kita [Terengganu] menolak dia [British] jadilah kita [Terengganu] seperti memutuskan tali persahabatan dan menolak kebijakan daripadanya.<sup>41</sup>

Kini Terengganu mengalami perubahan dalam pentadbiran kerana dengan berkuatkuasa Perjanjian ini seorang British yang bergelar Ejen British dilantik di Terengganu. Namun begitu

Ejen British tidak mempunyai kuasa dalam pentadbiran. Walaupun kini Terengganu dijadikan sebuah negeri lindungan British<sup>42</sup> tetapi Perjanjian 22 April 1910, masih mengakui bahawa Terengganu ialah sebuah negeri Melayu Islam yang merdeka.<sup>43</sup> Dalam usaha untuk memperteguh kedaulatan Terengganu, pada tahun 1911, Sultan Zainal Abidin III telah mengisyiharkan Undang-Undang Bagi Diri Kerajaan Negeri Terengganu. Dalam Undang-Undang ini ada dicatatkan:

Ketahuilah oleh mu bahawasanya inilah suatu Undang-Undang Bagi Diri Kerajaan Terengganu yang menyatakan punca-punca barang yang bergantung dengan dia dan menentukan segala tertib peraturan yang ditetapkan ke atas kita dan ganti-ganti kita dan atas Menteri-Menteri dan Orang Besar-Besar, Pegawai-Pegawai dan rakyat isi negeri dan ganti-ganti mereka itu sekalian... dan undang-undang itu tiada harus diubah, dipinda, ditukar—diorak—dipecah atau dibinasakan.<sup>44</sup>

Selain itu undang-undang ini juga memperkuat kedudukan Yang Dipertuan Terengganu. Dalam fasal pertama, undang-undang ini berbunyi:

Raja—iaitu Yang Maha Mulia Sultan Yang Dipertuan Besar Terengganu yang memerintah dan memiliki sekalian kuasa kerajaan Terengganu dan sekalian daerah jajahan takluknya dan ialah kepala atas segala pangkat dan darjah di dalam kerajaan Terengganu.

Yang Dipertuan berkuasa melantik dan melucutkan pegawai-pegawai. Kekuasaan Yang Dipertuan ini dapat diperhatikan masa jika keputusan dibuat oleh Mesyuarat tanpa kehadiran Yang Dipertuan, maka Yang Dipertuan boleh meminta diulangkan rundingan jika difikirkan mustahak dan memberi kebaikan. Walaupun demikian mengikut undang-undang Yang Dipertuan mestilah menghadiri mesyuarat pada tiap-tiap kali diadakan.<sup>45</sup>

Manakala dalam artikel 52 pula dicatatkan "Sesungguhnya telah disifatkan dan disebutkan dan ditetapkan selama-lamanya kerajaan Terengganu ini kerajaan Islamiah "Melayuiyah" adalah dikatakan agama negeri dan kerajaan maka tiadalah boleh sekali-kali sebarang agama lain dijadikan atau disebut sebagai agama negeri...."<sup>46</sup>

Di Terengganu terdapat Jemaah Menteri dan Jemaah Mesyuarat Kerajaan Negeri. Ahli Jemaah Menteri dilantik oleh Sultan.<sup>47</sup> Jemaah Mesyuarat Kerajaan adalah sebagai pembantu

umum kepada Raja (Sultan) dan Jemaah Menteri mentadbirkan negeri dan rakyat.<sup>48</sup> Ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri ini pula dilantik atas nasihat Jemaah Menteri. Mereka mestilah orang Melayu dan beragama Islam. Jemaah Mesyuarat Kerajaan ini bertugas sebagai penasihat kepada Yang Dipertuan dalam pentadbiran luar dan dalam negeri. Walaupun bertugas sebagai penasihat tetapi Yang Dipertuan mempunyai mempunyai kuasa dan boleh mengantungkan keputusan yang dibuat oleh Jemaah Mesyuarat Kerajaan.

Pada tahun 1912 Pegawai Daerah dilantik mengendalikan pentadbiran daerah dan bertanggungjawab kepada pentadbiran pusat di Kuala Terengganu. Perubahan ini menyebabkan tugas pembesar daerah sebelum ini telah diambil alih; atau kalau dikekalkan pun mereka digelar sebagai Pegawai Daerah dan menjalankan pentadbiran dan memungut cukai untuk kerajaan. Ketika Sultan Zainal Abidin III berangkat ke Mekah menunaikan fardu Haji pada tahun 1913, takhta kerajaan Terengganu dipangku oleh Yang Dipertuan Muda Tengku Muhammad. Baginda diberikan kuasa penuh menguruskan pentadbiran kerajaan.<sup>49</sup> Pemangku kuasa ini diberitahu kepada Sir Arthur Young, Gabenor Negeri-Negeri Selat dan Pesuruhjaya Tinggi kepada Negeri-Negeri Melayu Bersekutu pada 31 Mac 1913. Namun begitu Sir Arthur Young tetap berharap pentadbiran berjalan dengan baik melalui mesyuarat dengan Yang Dipertuan.<sup>50</sup> Dengan lain perkataan, pentadbiran yang dijalankan itu tidak boleh dilaksanakan tanpa kebenaran Jemaah Mesyuarat Kerajaan.<sup>51</sup> Pada bulan Februari 1913, Yang Dipertuan Muda Tengku Muhammad memberikan kuasa negeri kepada Ejen British untuk menjalankan pentadbiran.<sup>52</sup> Kalau diperhatikan dengan teliti, kuasa yang diberikan itu hanyalah kebenaran kepada Ejen British menduduki dalam Jemaah Mesyuarat Kerajaan sebagai Penasihat dan bukan sebagai ahli yang sah.<sup>53</sup>

Pada tahun 1914, Ejen British telah diberikan tugas dalam Mahkamah Bersama, menjadi hakim bersama-sama hakim Melayu. Ejen British pada tahun 1914 ialah Charlton Maxwell.<sup>54</sup> Beliau telah berselisih faham dengan Sultan Zainal Abidin III, akhirnya beliau digantikan oleh J. L. Humphreys. Pada tahun 1915, Pejabat Tanah ditubuhkan di Terengganu. Pejabat ini didasarkan kepada Pejabat Tanah Johor.<sup>55</sup> Pada tahun 1915 juga sebuah sekolah Melayu didirikan di Kuala Terengganu. Jumlah

murid pula ialah lapan puluh orang. Seorang guru ditugaskan mengajar di sini.<sup>56</sup> Pada tahun 1917, Lembaga Bandaran dibentuk, mengandungi tiga orang ahli rasmi dan dua orang ahli tidak rasmi.<sup>57</sup>

## Menerima Penasihat British

Pada tahun 1918, Pesuruhjaya Tinggi Negeri-Negeri Melayu Bersekutu, Sir Arthur Young membentuk satu Suruhanjaya yang terdiri daripada Sir Alexander Strachey Bucknill, Hayes Marriott, dan Frederick Mitchell Elliot. Pembantunya pula ialah J. W. Simmons, Pesuruhjaya Tanah dan Galian Johor sebagai Setiausaha; Dr. J. Argyll, Profesor Sekolah Perubatan King Edward VII, Singapura sebagai Pegawai Perubatan; N.M. Hashim, Penerjemah Kanan Bahasa Melayu, Mahkamah Tinggi Singapura sebagai penerjemah bahasa Melayu dan J. T. N. Handy, Setiausaha Sulit Ketua Hakim Singapura sebagai kerani ditugaskan menyiasat Terengganu tentang perkara.<sup>58</sup>

1. Pentadbiran Daerah Kemaman
2. Pentadbiran Penjara dan Kematian Orang-Orang Salah Dalam Penjara
3. Tindakan Polis dan Mahkamah Terengganu terhadap kes Syed Muhammad merogol Tengku Selamat.

Ejen British Terengganu, J. L. Humphreys ditugaskan sentiasa mengikut serta dalam penyiasatan yang akan dilakukan oleh Suruhajaya ini.<sup>59</sup> Hasil daripada siasatan yang dijalankan dari 7–16 September 1918 di Kuala Terengganu dan Kemaman tentang penjara Terengganu, penjara polis, kes rogol ke atas Tengku Selamat, serta perjalanan pentadbiran dan Lombong Bundi di Kemaman, Suruhanjaya ini merumuskan bahawa pentadbiran Terengganu adalah lemah. Suruhanjaya ini juga melahirkan rasa tidak puas hati dengan tugas Ejen British yang tidak mempunyai kuasa yang tegas dalam pentadbiran negeri Terengganu dan berpendapat sepatutnya nasihat Ejen British diikuti oleh Sultan. Oleh itu Suruhanjaya memperakarkan setiap nasihat yang diberikan oleh kerajaan British melalui pegawainya dan mesti diikuti oleh kerajaan tempatan.<sup>60</sup>

Pada 26 November 1918, Sultan Zainal Abidin III mangkat, takhta kerajaan Terengganu diduduki oleh putera baginda Yang Dipertuan Muda Tengku Muhammad (1918-1920). Ketika pemerintahan Sultan Muhammad, Terengganu menandatangani perjanjian dengan Kerajaan British pada 24 Mei 1919. Dengan berkuat kuasa artikel II Perjanjian ini, Terengganu akan menerima seorang pegawai British yang dipanggil Penasihat British dan kediaman yang sesuai untuknya disediakan. Penasihat ini akan tinggal di Terengganu dan menasihat dalam semua perkara tentang pentadbiran dan semua persoalan kecuali yang berkaitan dengan agama Islam.<sup>61</sup> Penasihat British pertama dilantik ialah J. L. Humphreys, yang sebelum ini bertugas sebagai Ejen British di Terengganu. Perlantikan beliau berkuat kuasa pada 24 Mei 1919, iaitu pada hari terikatnya perjanjian antara Kerajaan Terengganu dengan Kerajaan British.<sup>62</sup> Penasihat British dibayar gaji bulanan sebanyak 857 ringgit dan 14 sen dan beliau diminta menyediakan laporan belanjawan tahunan untuk tahun 1919.<sup>63</sup>

Walaupun Sultan Muhammad menerima pengaruh British tetapi perselisihan berlaku antara baginda dengan Sir Arthur Young tentang pendapatan baginda dan bidang tugas Penasihat British. Sultan Muhammad tidak puas hati dengan tawaran gaji bulanan baginda sebanyak 3,500 ringgit<sup>64</sup> kerana jumlah itu lebih rendah berbanding dengan pendapatan ayahanda baginda, Sultan Zainal Abidin III, yang menerima sebanyak 6,000 ringgit sebulan.<sup>65</sup> Pertelingkahan juga timbul kerana Sultan Muhammad tidak bersetuju dengan cadangan Sir Arthur Young supaya Penasihat British menyandang jawatan Pesuruhjaya Tanah dan Galian.<sup>66</sup>

Sultan Muhammad juga tidak bersetuju dengan nasihat Sir Arthur Young yang menyatakan bahawa dalam perbicaraan Mahkamah Besar (*Supreme Court*) yang akan dijalankan nanti hendaklah dibicarakan oleh dua orang hakim, iaitu Penolong Penasihat British dan Hakim Melayu; dalam perbicaraan Mahkamah Rayuan (*Appeal Court*) pula hendaklah dibicarakan oleh tiga orang hakim, iaitu Penasihat British dan dua orang Menteri yang dilantik oleh Sultan.<sup>67</sup> Selain itu Sir Arthur Young juga mengeluarkan perintah kepada Penasihat British supaya membuat Kanun Pidana dan hukuman ke atas tiap-tiap kesalahan; segalanya hendaklah didasarkan kepada Undang-Undang Johor dan Kedah. Apabila Undang-Undang ini siap

digubal, hendaklah ia dibawa ke dalam Jemaah Mesyuarat Kerajaan untuk ditentukan sama ada diluluskan atau tidak.<sup>68</sup>

Perselisihan dengan Sir Arthur Young ini telah membawa kepada keputusan Sultan Muhammad turun dari takhta kerajaan Terengganu. Kerajaan Terengganu mengisyiharkan perletakan jawatan Sultan Muhammad pada hari Khamis 11 Mei 1920 (2 Ramadan 1338) jam 1.20 tengah hari dengan alasan keuzuran dan tidak boleh memerintah negeri. Sebagai ganti, Jemaah Mesyuarat Kerajaan memutuskan Tengku Sulaiman, adinda Sultan Muhammad menjadi Sultan Terengganu dengan gelaran Sultan Sulaiman Badrul Alam Syah (1920–1942).

Sultan Sulaiman Badrul Alam Syah menganugerahkan gelaran: Haji Ngah Muhammad bin Yusof sebagai Dato' Seri Amar Diraja; Tengku Ngah Omar bin Tengku Abdul Rahim, Tengku Seri Utama Raja; Tengku Che Ahmad bin Tengku Abdul Rahman, Tengku Seri Bijaya Raja; Tengku Hitam bin Tengku Othman, Tengku Seri Setia Raja; Tengku Ali bin Tengku Mustafa, Tengku Seri Nara Diraja; Tengku Long Besut, Tengku Seri Indera Segara; Tuan Kechil Abdul Kadir, Engku Syed Shaikhu Sadah; Engku Abu Bakar, Engku Seri Wangsa Diraja; Che Da bin Dato' Seri Nara Wangsa, Dato' Seri Andika Diraja; Che Abdul Rahman bin Ishak, Dato Seri Lela Diraja; Che Embong bin Yunus, Dato' Seri Bentara Rakna; Che Taib, Dato' Sangsura Pahlawan; Wan Awang, Dato' Panglima Dalam, dan Che Salim, Dato' Balai.

Perlantikan Penasihat British telah membawa kepada penyusunan pentadbiran dan pengenalan serta penguatkuasaan peraturan baru. Terengganu telah dibahagikan kepada tiga jajahan, iaitu Jajahan Timur, Jajahan Tengah, dan Jajahan Barat. Pusat pentadbiran pula ialah di Kuala Terengganu. Dalam Jajahan Timur termasuklah daerah Kemaman, Kemasik, Kerteh, Paka, dan Dungun. Pusat pentadbiran bagi Jajahan Timur ialah Kemaman. Jajahan ini ditadbirkan oleh Pesuruhjaya Timur dan dibantu oleh Penolong Penasihat British.<sup>69</sup> Jajahan Tengah pula terdiri daripada Kuala Terengganu, Kuala Berang, dan Marang. Pusat pentadbirannya ialah Kuala Terengganu. Akhir sekali Jajahan Barat mengandung daerah Besut dan Setiu. Pusat pentadbirannya pula ialah di Kampung Raja, Besut. Pentadbiran Jajahan Barat dikendalikan oleh Pesuruhjaya Barat dan dibantu oleh Penolong Penasihat British. Tiap-tiap daerah pula diletakkan di bawah pentadbiran Pegawai Daerah yang serentak

bertugas sebagai Hakim. Pada tahun 1922 telahpun wujud Pejabat Daerah di Kuala Terengganu, pentadbirannya merangkumi kawasan Kuala Ibai, Pendalaman Terengganu seperti Kuala dan Hulu Telemong serta Kuala Berang; Kemaman, Dungun, Marang, dan Besut. Pentadbiran Pejabat Daerah Besut merangkumi kawasan Setiu dan Keluang.<sup>70</sup> Apabila Pejabat Daerah Kuala Berang ditubuhkan pada 24 Ogos 1922<sup>71</sup> kawasan pedalaman yang sebelum ini di bawah bidang kuasa Pejabat Daerah Kuala Terengganu dipisahkan dan daerah ini dipanggil Kuala Berang.<sup>72</sup> Kawasan pentadbirannya pula termasuklah Kuala Telemong, Tersat, Tanggul, Jenagar, Hulu Berang, Hulu Telemong, dan Kuala Berang. Daerah Kuala Berang ini diketuai oleh Pesuruhjaya Kuala Berang dan beliau juga bertugas sebagai Hakim di mahkamah Kuala Berang. Selain itu terdapat Pegawai Daerah, pasukan keselamatan (mata-mata), dan pegawai-pegawai lain di jajahan tersebut.<sup>73</sup>

Pada tahun 1920, pasukan mata-mata diperkenalkan di Terengganu. Pada tahun 1925, jumlah mata-mata di Terengganu seramai 223 orang dan Pesuruhjaya Polis ialah M. L. Wynne; Penolongnya ialah Tengku Muhammad bin Sultan Ahmad, keturunan diraja Pahang. Pentadbiran pusat kini menjadi kompleks; selain Sultan pentadbiran Terengganu diuruskan oleh Penasihat British, Menteri Besar, dan Setiausaha Kerajaan. Juga kini wujud pejabat baru selain Pejabat Menteri Besar, Pejabat Setiausaha Kerajaan, iaitu Pejabat Penasihat British. Pelaksanaan pentadbiran adalah melalui Setiausaha Kerajaan dan Menteri Besar. Misalnya segala cadangan yang hendak diperkenalkan, sama ada oleh Penasihat British atau Pesuruhjaya Tanah dan Galian terlebih dahulu akan diajukan kepada Setiausaha Kerajaan untuk diambil perhatian. Dari sini, syor ini akan dipanjangkan kepada Menteri Besar untuk pertimbangan selanjutnya. Apabila menerima syor ini, Menteri Besar akan mencatatkan minit cadangan tersebut dan dipulangkan kembali kepada Penasihat British untuk tindakan seterusnya. Selepas ini Penasihat British mengajukan semula syor tadi kepada Menteri Besar dan berikutnya akan dibentangkan dalam mesyuarat Jemaah Mesyuarat Kerajaan bagi memutuskan segala syor yang dibuat tersebut.

Campur tangan British dalam pentadbiran Terengganu juga telah melahirkan Jabatan khusus yang mengendalikan hal ehwal agama Islam yang diketuai oleh Sheikh-ul-Islam. Sheikh-ul-

Islam yang pertama ialah Tuan Embong, saudara Syed Abdul Rahman al-Idrus. Penubuhan Jabatan ini telah memisahkan secara langsung agama dalam pentadbiran Terengganu. Jabatan-jabatan penting kerajaan terletak di Kuala Terengganu; antaranya Jabatan Kastam, Jabatan Tanah dan Galian, Jabatan Kerja Raya, Jabatan Perubatan, dan Jabatan Hal Ehwal Agama. Semua jabatan ini, kecuali Jabatan Hal Ehwal Agama diletakkan di bawah Penasihat British. Namun begitu segala perbelanjaan Jabatan Hal Ehwal Agama diletakkan di bawah perhatian Penasihat British.

Dengan berkuat kuasa Perjanjian tahun 1919 Mahkamah Bersama (*Joint Court*) yang hakimnya terdiri daripada Agen British dan Hakim Melayu dihapuskan dan digantikan dengan pembentukan dua buah mahkamah, Mahkamah Besar, dan Mahkamah Rayuan. Mahkamah Besar diletakkan di bawah arahan Sultan dan diketuai oleh Hakim Melayu. Mahkamah Rayuan diketuai oleh Penasihat British dan dua orang pegawai yang beragama Islam dan mahir dalam undang-undang Islam yang dilantik oleh Sultan dengan nasihat Jemaah Menteri.<sup>74</sup> Mahkamah Besar pula mempunyai cawangannya di Besut, Kemaman dan dikenal dengan panggilan Mahkamah Daerah. Mahkamah Daerah adalah di bawah bidang kuasa Pesuruhjaya Jajahan dan Penolong Penasihat British. Sekiranya ada perbicaraan tentang masalah tanah, Pesuruhjaya Tanah dan Galian akan turut serta bersama-sama Hakim di Kuala Terengganu dan bersama-sama Pesuruhjaya Jajahan di Besut dan Kemaman. Segala perkara yang bersangkutan dengan hal ehwal agama akan diselesaikan oleh Mahkamah Kadi.

Di bawah pentadbiran British, berbagai-bagai peraturan baru diperkenal dan dikuatkuasakan tentang pentadbiran tanah, mengawal bintang ternakan serta pemburuan, dan pentadbiran perkahwinan, perceraian, beranak, dan mati. Pengenalan dan penguatkuasaan peraturan baru, terutamanya yang melibatkan tanah telah melahirkan resah gelisah, terutamanya di kalangan penduduk pedalaman. Rasa tidak puas hati ini disemarakkan lagi oleh ajaran Haji Musa Abdul Ghani (atau Haji Musa Minangkabau) dan Haji Abdul Rahman bin Abdul Hamid (atau Haji Abdul Rahman Limbong) yang menyatakan peraturan baru itu ialah peraturan kafir. Akibatnya mencetuskan gerakan tentangan pada tahun 1922, 1925, dan 1928.<sup>75</sup>

Pada tahun 1920 hanya empat orang sahaja pegawai British yang bertugas di Terengganu, iaitu Penasihat British, Penolong Penasihat British, Pesuruhjaya Polis, dan Jurutera Negeri.<sup>76</sup> Pada tahun 1932 jumlah pegawai British yang berkhidmat di Terengganu telah meningkat menjadi lapan orang<sup>77</sup> dan pada tahun 1936 berjumlah tiga belas orang dan seterusnya meningkat pada angka tujuh belas orang pada tahun 1937. Peningkatan jumlah pegawai Eropah ini menyebabkan hampir semua jabatan penting dalam pentadbiran negeri Terengganu dikendalikan oleh mereka. Pegawai-pegawai Eropah ini dibantu oleh pegawai Melayu yang diambil bertugas oleh Menteri Besar dengan nasihat Jemaah Menteri dan Penasihat British.<sup>78</sup>

Pada tahun 1931 berlaku perselisihan antara Penasihat British, G. L. Ham<sup>79</sup> dengan Dato' Seri Andika Diraja, Ketua Kastam atau Syahbandar Terengganu tentang kelewatan Dato' Andika Diraja menyerahkan laporan tahunan kastam kepadanya. Perselisihan ini membawa kepada cadangan Dato' Seri Amar Diraja kepada Sultan Sulaiman Badrul Alam Syah supaya memberhentikan G. L. Ham. Akibat daripada perselisihan ini G. L. Ham yang sedang bercuti<sup>80</sup> disambungkan cutinya hingga 3 November 1932,<sup>81</sup> dan berikutnya C. C. Brown yang memangku jawatan tersebut pada 1 Februari 1932,<sup>82</sup> dilantik sebagai Penasihat British.<sup>83</sup> Pada tahun 1936 Penasihat Undang-Undang dilantik di Terengganu, dan pada tahun 1937 sebanyak enam puluh empat enakmen diluluskan. Penasihat Undang-Undang ini pada mulanya dihantar ke Terengganu untuk menjadi Hakim Mahkamah Besar menggantikan Hakim Dato' Bija Sura yang sudah tua. Perlantikan ini disyorkan oleh Penasihat British dan disetujui oleh Sultan. Cadangan ini dibantah oleh Dato' Seri Amar Diraja dengan alasan pegawai British tidak boleh menjadi hakim di Terengganu kerana ia ialah sebuah negeri Islam. Dengan itu hakim yang dicadangkan itu dilantik sebagai ahli Mahkamah dan Penasihat Undang-Undang.

Pegawai-pegawai yang masih bertugas pada tahun 1941, antaranya ialah Dato' Jaya Perkasa, Che Da Omar bin Mahmud; Tengku Bija Wangsa, Tengku Paduka Raja Ismail bin Sultan Zainal Abidin III, Tengku Pekerma Wira, Tengku Jaya Pekerma, Tengku Seri Akar, Che Mohd. Hashim, Dato' Indera Pahlawan, Tengku Ibrahim bin Tengku Lela, Dato' Sangsura Pahlawan,

Engku Bijaya Sura, Che Mohd. Khalid bin Abdul Rahman, Che Yusof bin Long, dan Tengku Indera.<sup>84</sup>

Pada akhir tahun 1941, ketika pemerintahan Sultan Sulaiman Badrul Alam Syah tentera Jepun melanggar dan menduduki Tanah Melayu. Walaupun baginda kekal di atas takhta kerajaan tetapi pentadbiran negeri dikendalikan oleh Tentera Jepun.



## 2

### Pentadbiran Tentera Jepun, 1942–1943

**PERSIAPAN JEPUN MELANCARKAN SERANGAN KE ATAS TANAH MELAYU** melalui Thailand dilakukan sejak tahun 1938.<sup>1</sup> Phibun Songkhram, yang menjadi Perdana Menteri Thai pada tahun 1938, dan mendapat sokongan penuh daripada parlimen<sup>2</sup> percaya kerjasama dengan Jepun adalah perlu untuk mendapatkan semula tanah jajahan Thai yang diserahkan kepada Indo China.<sup>3</sup> Pada Oktober 1940, secara rahsia Phibun membenarkan Jepun melalui Thailand menyerang Tanah Melayu. Keputusan ini dipengaruhi oleh kekalahan Perancis dalam perang dengan Jerman di Eropah dan ingin mendapatkan bantuan Jepun untuk mendapatkan kawasan Thailand di Indo China.<sup>4</sup> Di samping membenarkan tentera Jepun melalui Thailand, kepastian juga perlu diambil supaya tidak berlaku pertelingkahan antara tentera Jepun dengan tentera Thai. Jepun pula hendaklah mengakui kedaulatan Thailand.<sup>5</sup> Kemasukan Jepun ke Indo China yang nanti akan menggunakan Thailand sebagai jalan melancarkan serangan ke atas Tanah Melayu dan Indonesia membimbangkan British.<sup>6</sup> Oleh itu pihak British berpendapat Indo China hendaklah dijadikan benteng utama menghalang kemaraan tentera Jepun.<sup>7</sup>

#### Kemaraan dan Penguasaan

Pada bulan Mac 1941, Konsular Jepun dibuka di Songkhla.<sup>8</sup> Pada Julai 1941, Jepun memasuki Indo China dan pada Disember 1941 menguasainya.<sup>9</sup> Walaupun Jepun menyebarkan

dakiah untuk Lingkungan Kemakmuran Asia Timur Raya tetapi mereka sebenarnya ingin mendapatkan pengkalan tentera dan bekalan, seperti minyak, getah, dan timah.<sup>10</sup>

Setelah mengisyiharkan perang ke atas pihak Berikat pada 8 Disember 1941, melalui Thailand, Jepun melancarkan serangan ke atas Tanah Melayu di Kota Bharu, dan menduduki Terengganu pada 22 Disember 1941. Berita pendaratan tentera Jepun di Kota Bahru disampaikan oleh Pegawai Pemerintah Tentera Malaya, Leftenan General A. E. Percival kepada Pesuruhjaya Tinggi Negeri-Negeri Melayu Bersekutu, Sir Shenton Thomas pada pukul 1:15 pagi, 8 Disember 1941.<sup>11</sup> Akibat daripada serangan Jepun ini pihak British menyerah kalah kepada pihak Jepun di Singapura pada 15 Februari 1942, kira-kira enam puluh sembilan hari setelah tentera Jepun mendarat di Songkhla,<sup>12</sup> Patani, dan Kota Bharu.<sup>13</sup> Dokumen penyerahan ditandatangani oleh Leftenan General Percival pada pukul 6.10 petang, 15 Februari 1942.<sup>14</sup> Tanah Melayu dan Sumatera diletakkan di bawah Tentera Ketumbukan Dua Puluh Lima (*Twenty-Fifth Army*),<sup>15</sup> yang diperintah oleh Leftenan General Yamashita Tomoyuki. Pentadbiran Tentera pula dipertanggungjawabkan kepada Mejai General Manaki Keishi, Ketua Pentadbiran Tentera; tetapi pentadbiran dilakukan oleh Kolonel Watanabe Wataru.<sup>16</sup>

Apabila berita Jepun melancarkan serangan ke atas Kelantan diterima, Jemaah Mesyuarat Kerajaan Negeri Terengganu dipanggil bersidang pada hari Selasa 28 November 1941 (9 Zulkaedah 1360) menimbangkan cadangan Sultan Sulaiman Badrul Alam Syah untuk bersemayam dan memindahkan pentadbiran negeri ke Kemaman. Dalam mesyuarat ini ahli Jemaah tidak bersetuju dengan cadangan tersebut; mengesyorkan supaya Sultan Sulaiman Badrul Alam Syah berpindah ke kawasan pedalaman Kuala Terengganu.<sup>17</sup> Pada pukul 5.00 pagi, 8 Disember 1941 (20.11.1360), Sultan Sulaiman bertitah melalui telefon kepada Setiausaha Sulit supaya memaklumkan kepada pegawai kerajaan bahawa Jepun telahpun melanggar Kelantan pada pukul 1.00 pagi. Tanpa membuang masa titah ini dimaklumkan kepada Dato' Jaya, Tengku Paduka, dan Tengku Setia Menteri Besar. Pada 8 Disember 1941 Sultan Sulaiman Badrul Alam Syah menitah Menteri Besar supaya mengeluarkan surat pengisyiharan menegah membakar mercun dan bunga api. Pada pukul 7.30

pagi 9 Disember 1941 (21.11.1360), Dato' Pahlawan, Pesuruhjaya Besut memaklumkan melalui telefon kepada Setiausaha Kerajaan Terengganu bahawa kelmarin beliau nampak kejadian kebakaran di laut Kelantan; pada malamnya pula kelihatan seperti api kebakaran di Kelantan; mendengar tembakan meriam yang tidak berhenti sejak malam semalam dan di Besut tidak dibom.<sup>18</sup>

Pada 9 Disember 1941, mesyuarat yang dihadiri oleh ahli mesyuarat dan kerabat di Istana Maziah bersetuju Sultan Sulaiman Badrul Alam Syah berpindah ke Kuala Berang. Tetapi pada malamnya datang Penasihat British ke istana menasihati Sultan Sulaiman Badrul Alam Syah berundur ke Pahang; keduanya berpindah kerajaan ke Kemaman dan ketiganya ke Bukit Besi, Dungun. Cadangan ini dirasakan tidak kuat, kerana bukan sahaja banyak cadangannya yang dikemukakan tetapi pihak British telahpun gagal menahan kemaraaan tentera Jepun di Kelantan. Namun demikian pertimbangan ke atas ikatan perjanjian antara Terengganu dengan British sebelum ini diambil kira dan cuba diikuti setakat yang mampu. Pada 10 Disember 1941 pula ketika perbincangan di kediaman Penasihat British, beliau sekali lagi memberi cadangan untuk membawa Sultan Sulaiman Badrul Alam Syah dengan kapal terbang ke Singapura atau ke Pahang. Setelah berbincang panjang hingga tiga jam empat puluh lima minit, Sultan Sulaiman Badrul Alam Syah menyatakan bahawa baginda tetap akan berpindah ke Kuala Berang. Sultan Sulaiman Badrul Alam Syah menegaskan bahawa berdasarkan fasal ke-14, *Undang-Undang Bagi Diri Kerajaan Negeri Terengganu* adalah berdosa sekiranya baginda menyerahkan Terengganu kepada kerajaan lain. Walaupun demikian perbincangan tentang bidang kuasa negeri Terengganu dilanjutkan kerana Sultan Sulaiman Badrul Alam Syah menghargai perjanjian Terengganu dengan British. Kemudiannya Penasihat British menyatakan bahawa askar Jepun telah sampai di Terengganu. Dengan itu Sultan Sulaiman Badrul Alam Syah, keluarga dan pegawai kerajaan berangkat ke Kuala Berang dalam keadaan tergesa-gesa.<sup>19</sup>

Pada 10 Disember 1942 tentera Jepun memasuki Terengganu. Sultan Sulaiman Badrul Alam Syah bersama Dato' Jaya Che Da Omar bin Mahmud datang berjumpa Panglima Agung Jepun, Setiausaha T. Obata, dan S. Ara sebagai jurubahasa di rumah guru Sekolah Inggeris, Kuala Terengganu.

Dalam pertemuan ini Sultan Sulaiman Badrul Alam Syah menyatakan sukacita baginda dapat berjumpa dengan Panglima Agung tersebut dan dengan ikhlas memaklumkan bahawa baginda dan pegawai Melayu tidak memahami peraturan perang, serta pegawai baginda tidak dipanggil mesyuarat oleh pegawai-pegawai British. Baginda mengakui ada menurunkan tandatangan ke atas peraturan dan undang-undang perang di dalam negeri Terengganu, tetapi ini ialah perkara lazim dilakukan oleh seluruh negeri naungan British kerana Sultan diwajibkan menandatanganinya seperti mana perjanjian antara Terengganu dengan British bahawa Duli Yang Maha Mulia Sultan dengan nasihat Penasihat British dan lazimnya menurut nasihat beliau. Segala tindakan Sultan dan pegawai Melayu adalah dengan nasihat Penasihat British. Seterusnya baginda menyatakan bahawa pihak Panglima Agung Jepun sudah mempunyai pertimbangannya dan Sultan Sulaiman Badrul Alam Syah menegaskan bahawa pihak Terengganu hanya ingin berada dalam keadaan aman dan selamat.<sup>29</sup>

### Struktur Pentadbiran

Pada 18 Mac 1942 Manabu Kuji tiba di Kuala Terengganu untuk memegang jawatan *Syuciji* (Gabenor). Seterusnya pada 19 Mac 1942 beliau membuat ucapan kepada Sultan dan pegawai-pegawai kerajaan Terengganu. Dalam ucapan tersebut beliau menyatakan:

Saya telah menerima jawatan *Syuciji* bagi negeri Terengganu ini dan telah tiba di sini semalam. Nama saya yang sebenar ialah Manabu Kuji.

Berkenaan dengan tujuan-tujuan perang sebagai perang sabil yang dilangkah dan dijalankan oleh *The Nippon* dan pada mengadakan tadbiran tentera di merata-rata negeri yang telah diduduki maka hal ini saya percaya tuan-tuan sedia maklum.

Dengan jalan didirikan tadbiran tentera maka sekalian keadaan-keadaan yang ada dalam masa pemerintahan British nyatalah akan berubah banyak yang terutamanya adalah berkenaan dengan hal-hal yang terhadap kepada Sultan dan pegawai kerajaan lain maka hal-hal yang seumpama itu tidaklah akan bersamaan lagi seperti dahulu. Maka perkara ini saya harap pihak tuan-tuan menaruh di dalam ingatan.

Saya percaya tuan-tuan telah sedia maklum dalam hal-hal yang tersebut itu tetapi oleh sebab hal itu tersangat mustahak saya mengambil peluang mengingatkan dan menerangkan kepada tuan-tuan.

Saya ucapkan terima kasih atas layanan tuanku ini dan harap tuanku sudi berhenti lama di sini.<sup>21</sup>

Dengan mengekalkan bidang kuasa Sultan dalam hal berkaitan dengan agama, pentadbiran Jepun di Terengganu berasaskan kepada lima Pejabat; Pejabat *Cuji Keimu-bu* (Pejabat khas untuk Tuan *Syuciji* Terengganu), Pejabat *Somu-bu* (Pejabat Am), Pejabat *Zaimu-bu* (Pejabat Khazanah), Pejabat *Sangyo-bu* (Pejabat Perniagaan) dan Pejabat *Kotsu-bu* (Pejabat Pengangkutan). Pejabat *Cuji Keimu-bu* diketuai oleh G. A. Tu, pegawainya ialah S. Nakayama dan H. Hu Syinu; Pejabat *Somu-bu* diketuai oleh C. Nakatasu, C. Kubayasyi sebagai Setiausaha, pegawainya S. Ara, M. Uziwa dan Nakayama; Pejabat *Zaimu-bu* diketuai oleh G. A. Tu dan pegawainya ialah S. Ara, T. Makinu dan Y. Nakaji; Pejabat *Sangyo-bu* dan Pejabat *Kotsu-bu* diketuai oleh S. H. Uka, Setiausaha Nakakawa dan pegawai Pejabat *Sangyo-bu* ialah T. Kurita dan T. Fukikawa.

Pegawai tempatan yang bertugas sebelum pentadbiran Jepun dikekalkan. Antara mereka yang meneruskan khidmat ialah Dato' Jaya Perkasa, Che Da Omar bin Mahmud; Tengku Bija Wangsa, Tengku Paduka Raja Ismail bin Sultan Zainal Abidin III, Tengku Pekerma Wira, Tengku Jaya Pekerma, Tengku Seri Akar, Che Mohd. Hashim, Dato' Indera Pahlawan, Tengku Ibrahim bin Tengku Lela, Dato' Sangura Pahlawan, Engku Bijaya Sura, Che Mohd. Khalid bin Abdul Rahman, Che Yusof bin Long, dan Tengku Indera.<sup>22</sup>

Pejabat Setiausaha Gabenor (*Cokan Kombo*) di bawah Pejabat *Cuji Keimu-bu* bertanggungjawab menguruskan hal tentang mohor kerajaan dan mohor pegawai; menerima, menghantar, menulis, dan menyimpan surat-menyerat kerajaan; mengeluarkan Warta Kerajaan, Pengisytiharan Kerajaan, menyediakan buku peringatan dan mencetak; menjaga rumah dan kereta kerajaan, serta menjemput tetamu dan menguruskan hal yang bersangkutan dengan pekerjaan Setiausaha Sulit Syucokan. Pejabat *Somu-bu* menguruskan hal yang bersangkutan dengan pegawai kerajaan, termasuk perlantikan dan pemberhentian; kewangan; membantu pentadbiran jajahan; audit dan kemajuan masyarakat, seperti

peningkatan ilmu pengetahuan. Pejabat *Keimu-bu* (Polis) menguruskan hal yang berkaitan dengan pekerjaan polis, mahkamah,<sup>23</sup> dan menjaga kebersihan serta kesihatan. Pejabat *Sangyo-bu* pula menguruskan tugas hal-ehwal tanaman dan isi hutan; perniagaan dan isi laut; pekerjaan kerja raya, membina bangunan dan kapal; tanah, galian, ukuran, bayaran tambang, hubungan mel, telegraf serta elektrik.<sup>24</sup>


Pejabat *Cuji Keimu-bu* mengandungi dua pejabat, iaitu *Syingishitsu* (Pejabat Siasat dan Mesyuarat) dan *Syomuka* (Pejabat Am di bawah *Cuji Keimu-bu*). Segala urusan pejabat dan mesyuarat dalam Pejabat *Singishitsu* adalah menurut perintah *Syuciji*. Pejabat *Syomuka* pula menjalankan urusan tentang Setiausaha Kerajaan, surat-surat kerajaan, dan segala perjalanan pejabat lain. Pejabat *Somu-bu* pula mengandungi di dalamnya beberapa pejabat: Pejabat Mahkamah dan semua mahkamah kerajaan; Pejabat Penjara; Pejabat Agama; Pejabat Pelajaran; Pejabat Ubat; Pejabat menjaga harta musuh; Pejabat Bandaran; Pejabat Cetak dan Pejabat Audit. Pejabat *Zaimu-bu* mengandung Pejabat Khazanah; Pejabat Kastam, Syahbandar, Candu dan Minuman. Pejabat *Sangyo-bu* pula terdiri daripada Pejabat Tanah dan Galian; Pejabat Ukur; Pejabat Tanaman dan Isi Laut; Pejabat Hutan dan Pejabat Kawalan Makanan. Pejabat *Kotsu-bu* terdiri daripada Pejabat Pos dan Telegraf serta Pejabat Kerja Raya. Pejabat Polis diletakkan di bawah Pejabat *Somu-bu*.

Pesuruhjaya Jajahan dan Pegawai Daerah menjalankan tugas masing-masing dalam Jajahan mereka mengikut arahan ketua pejabat masing-masing. Pejabat Polis Daerah di bawah kawalan Pejabat *Somu-bu* dan *Kotsu-bu*. Dengan terbentuknya sistem pentadbiran ini maka Pejabat Setiausaha Kerajaan dan Pejabat Menteri Besar dimansuhkan.<sup>25</sup> Peranan dan tugas Pejabat Setiausaha Kerajaan dan Pejabat Menteri Besar digantikan dengan Pejabat *Syingishitsu* dan Pejabat *Syomuka*. Jemaah Menteri dan Jemaah Mesyuarat Negeri tidak berfungsi lagi pada masa pentadbiran Jepun.<sup>26</sup>

Pentadbiran Negeri Terengganu diletakkan di bawah kendalian *Syuciji*. Manakala jajahan atau daerah, Kuala Terengganu, Kemaman, Dungun, Besut, dan Hulu Terengganu; kecuali Kuala Terengganu ditadbirkan oleh Pesuruhjaya Jajahan berbangsa Jepun. Jajahan Kuala Terengganu ditadbirkan secara langsung oleh *Syuciji*. Di tiap-tiap jajahan ditempatkan seorang

PENTADBIRAN TENTERA JEPUN, 1942-1943

Rajah I  
Pentadbiran Jepun Di Terengganu Peringkat Pusat



ketua jajahan (*Gunco*) berbangsa Melayu; seterusnya mukim di bawah penghulu dan kampung di bawah ketua kampung. Untuk memastikan keselamatan kampung, unit kawalan kampung yang dikenali sebagai *Jikeidan* dibentuk.<sup>27</sup>

Perjalanan Pejabat adalah sama seperti mana pada masa pentadbiran British, kecuali apabila dikeluarkan arahan baru oleh pihak berkuasa Jepun. Pejabat Polis dipertanggung-jawabkan juga menguruskan hal buruh dan orang asing.<sup>28</sup> Pengurusan pentadbiran pejabat diketuai oleh pegawai Jepun; kecuali Pejabat Agama dan Mahkamah diketuai oleh pegawai Melayu. Walaupun demikian mereka dibantu oleh pegawai-pegawai Melayu.<sup>29</sup>

Pentadbiran Tentera Jepun melakukan perubahan ke atas mahkamah Terengganu. Pada 27 Jun 1942 (27 Jun 2602) *Syuciji* Terengganu mengeluarkan isytihar tentang mahkamah di dalam negeri Terengganu. Tiga perkara tentang mahkamah dibangkitkan, iaitu nama mahkamah, tubuh mahkamah dan bidang kuasa mahkamah. Pihak Jepun membahagikan Mahkamah Terengganu kepada tiga jenis; iaitu Mahkamah *Koto Hoin* atau Mahkamah Besar; Mahkamah *Ciho Hoin* atau Mahkamah Jajahan dan Mahkamah *Kaikyo Hoin* atau Mahkamah Kadi. Berkenaan Tubuh Mahkamah pula, Mahkamah Besar (*Koto Hoin*) akan mengandungi dua orang hakim; salah seorang daripadanya akan menjadi Ketua Mahkamah Besar (*Koto Hoin*) dan seorang lagi akan menjadi Ketua Mahkamah Jajahan Kuala Terengganu (*Ciho Hoin*). Mahkamah Jajahan (*Ciho Hoin*) juga akan mengandungi dua orang hakim; salah seorang daripadanya akan menjadi Ketua Mahkamah Jajahan (*Ciho Hoin*). Mahkamah Kadi (*Kaikyo Hoin*) kekal tanpa sebarang perubahan. Bidang kuasa pula; Mahkamah Besar (*Koto Hoin*) mendengar kes rayuan Mahkamah Besar dan hakim pula mestilah seorang pegawai Jepun dan seorang pegawai Melayu, kes rayuan daripada Mahkamah Jajahan, kes yang tidak diterima oleh Mahkamah Jajahan boleh diterima dengan kes rayuan pertama tadi. Mahkamah Jajahan (*Ciho Hoin*) boleh mendengar kes mal yang dendanya kurang daripada \$1,000.00 dan kes jenayah pula, hukumannya di bawah dua tahun penjara atau hukuman denda tidak melebihi \$500.00. Mahkamah Kadi (*Kaikyo Hoin*) mendengar kes yang telah ditetapkan oleh peraturan Mahkamah Kadi.

Tiap-tiap mahkamah diingatkan supaya meletakkan nama berdasarkan tempat masing-masing. Misalnya Mahkamah Besar (*Koto Hoin*) Negeri Terengganu diletakkan di bawah Pentadbiran Tentera (*Military Administration*); dan untuk Mahkamah Jajahan (*Ciho Hoin*) pula, "*Gunseibu Terengganu Ciho Hoin*" yang bermakna Mahkamah Jajahan Kuala Terengganu diletakkan di bawah Pentadbiran Tentera. Di dalam tiap-tiap mahkamah hendaklah dinaikkan bendera Jepun. Juga tiap-tiap mahkamah dikehendaki memakai cop *seal* masing-masing; Mahkamah Besar (*Koto Hoin*) Cop *Seal* hendaklah dua setengah *sun* persegi dan Mahkamah Jajahan (*Ciho Hoin*) dan Mahkamah Kadi (*Kaikyo Hoin*) dua *sun* persegi. Bagi kes hukuman mati atau penjara seumur hidup atau pun kes yang berat mahkamah diminta menerima nasihat daripada *Syuciji* terlebih dahulu sebelum hukuman dijatuhkan. bagi kes mal pula, sebelum keputusan hukuman dijatuhkan adalah lebih baik memberi nasihat kedua kepada kedua-dua pihak supaya berdamai dan menyelesaikan guaman mereka. Kini Mahkamah tidak dibenarkan mengeluarkan waran *seal*, tuntutan mahkamah supaya penyewa keluar daripada rumah pengadu ataupun merombak rumah yang telah didirikan di atas tanah pengadu.<sup>30</sup> Segala kes mal yang ditangguhkan dan belum diputuskan oleh mahkamah daripada dahulu disifatkan semua sekali ditolak. Kes jenayah yang dikendalikan oleh Mahkamah Polis sejak 4 Januari 1942 (4 Januari 2602) dibatalkan apabila peraturan ini dikuatkuaskan; segala kes yang ditangguhkan dan belum diputuskan akan diserahkan kepada mana-mana mahkamah berkenaan oleh Pejabat Polis.<sup>31</sup>

Selain itu perubahan juga dilakukan ke atas polis. Pada 27 Jun 1942 (27 Jun 2602), dalam pekelilingan bilangan 2/2602, *Syuciji* Terengganu mengeluarkan perisyiharan, mulai 1 Julai 1942 (1 Julai 2602) berlaku perubahan dalam Pejabat Polis, merangkumi pangkat, pakaian seragam, bidang tugas, dan pejabat polis. Pangkat pegawai polis mengikut susunan, (i) *Kesatchu Kyoku Cho* (Ketua Pejabat Polis), (ii) *Keibu*, (iii) *Keibu Ho*, (iv) *Junsa Bucho*, (v) Junsa Kelas I, Junsa Kelas II, Junsa Kelas III, (vi) *Kyoshusei* (rekrut), (vii) *Keiji Junsa* (Mata-Mata Gelap) Kelas I, *Keiji Junsa* Kelas II, *Keiji Junsa* Kelas III, *Keiji Junsa* Kelas IV. Ketua Pejabat Polis ialah *Kesatchu Cho*, Penolong Ketua ialah *Keibu* yang kanan, Inspektor menjadi *Keibu*, SubInspektor menjadi *Keibu Ho*, Sarjan Major menjadi

Junsa *Bucho*, Sarjan, dan Lans Sarjan menjadi Junsa Kelas I, Koperal dan Lans Kopral menjadi Junsa Kelas II, Mata-Mata Kelas I dan II menjadi Junsa Kelas III. Rekrut tidak berubah dan dikenal dengan panggilan *Kyoshusei*. Begitu juga dengan Mata-Mata Gelap tidak ada perubahan, kecuali namanya diubah menjadi *Keiji* Junsa. Mata-Mata Gelap Kelas I menjadi *Keiji* Junsa I, Mata-Mata Gelap Kelas II menjadi *Keiji* Junsa II, Mata-Mata Gelap Kelas III menjadi *Keiji* Junsa Kelas III dan Mata-Mata Gelap IV menjadi *Keiji* Junsa Kelas IV.

Pakaian untuk Ketua Pejabat Polis tidak mengalami sebarang perubahan. Begitu juga dengan pakaian seragam untuk *Keibu* Kanan, *Keibu*, *Keibu Ho*, Junsa *Bucho*, Junsa Kelas I, II, III, *Kyoshu Sei* dan juga *Keiji* Junsa (tidak memakai pakaian seragam). Ketua Pejabat Polis menjadi ketua bagi pejabatnya dan diletakkan di bawah perintah Ketua *Somubu*. Segala perintah yang akan diberikan oleh ketua polis kepada pegawai polis seluruh negeri Terengganu adalah menurut perintah Ketua *Somubu*. Di dalam Pejabat Polis pula terdapat tiga cawangan, *Keimu Ka*, *Hoan Ka*, dan *Tokko Ka*. Tiap-tiap satu mempunyai ketua masing-masing. *Keiku Ka* akan menjaga tatatertib latihan polis, termasuk menerima dan membuang pekerja, kemajuan pasukan polis, kesalahan disiplin, naik dan turun pangkat; mengatur dan mentadbirkan cawangan rumah pasung seluruh negeri; menguruskan hubungan dengan pejabat lain; pekerjaan am dan kewangan, dan perkara yang tidak termasuk di mana-mana cawangan. *Hoan Ka* menguruskan kenaikan, papan tanda, dan peraturan jalan raya; menjaga senjata api, letupan, dan senjata tajam; mengawal keadaan ekonomi, misalnya barang yang dijualkan dengan harga yang berpatutan; menjaga keamanan dan menjadi pendakwa. *Tokko Ka* pula dikhaskan menjalankan siasatan rahsia dalam perkara yang berkait dengan gerakan menentang pemerintah, membuat huru-hara dan kegemparan, dan menjaga kegiatan *Keiji* Junsa.

Rumah Pasung (Balai Polis) pula dibahagikan kepada tiga cawangan iaitu *Keimu Kakari*, *Hoan Kakari*, dan *Tokko Kakari*. Tiap-tiap cawangan *Kakari* akan diletakkan seorang ketua. Rumah Pasung Terengganu; cawangannya ialah Chabang Tiga, Bukit Payung, Kuala Berang, Telemong, Manir, Seberang Takir, Batu Rakit, Marang, dan Merchang. Rumah Pasung Kemaman; cawangannya ialah Air Putih, Jabor, dan Bandi. Rumah Pasung Kemasik; cawangannya ialah Kijal Air Jernih dan Kerteh.

Rumah Pasung Dungun; cawangannya ialah Bukit Besi dan Paka. Rumah Pasung Besut; cawangannya ialah Kuala Besut, Jertih, Kampung Buluh, dan Setiu. Tempat dan kawasan jagaan cawangan rumah pasung tidak berubah.<sup>32</sup>

### Pengisytiharan, Peraturan, dan Pelaksanaan

Ketika pemerintahan Tentera Jepun di Terengganu, berbagai-bagi surat pengisytiharan dan peraturan dikeluarkan. Pada 1 Januari 1942 (14 Zulhijah 1360) Pejabat Setiausaha Kerajaan dengan titah Sultan Sulaiman Badrul Alam Syah mengeluarkan isytihar merakamkan rasa dukacita dan menyeru penduduk kampung dan pembesar serta pegawai yang meninggalkan rumah sejak huru-hara berbangkit pada 8 Disember 1941 supaya pulang ke rumah masing-masing. Mereka juga diminta menjalankan tugas harian, sama ada bertani atau datang ke pejabat meneruskan tugas mereka. Bagi penduduk desa seruan Sultan ini akan dimaklumkan oleh penghulu masing-masing.<sup>33</sup> Pada 6 Januari 1942 (19 Zulhijah 1360) kerajaan mengeluarkan isytihar bilangan 1/60 menyeru penduduk Terengganu menyerahkan senjata, letupan, bedil, pistol, dan benet kepunyaan pasukan polis, sama ada mereka mengambil, terjumpa, dan menyimpannya hendaklah diserahkan kepada rumah pasung yang berhampiran.<sup>34</sup> Pada 7 Januari 1942 (20 Zulhijah 1360) Sultan Sulaiman Badrul Alam Syah memasyurkan perlantikan Tengku Indera Segara, Tengku Muhammad bin Besar sebagai Penolong Pesuruhjaya Polis Terengganu pada masa darurat. Antara lain baginda bertitah:

Berkualasah Tengku Indera Segara dengan secukup-cukupnya kuasa boleh menjalankan segala pekerjaan yang berkenaan dengan polis Terengganu dan jajahan takluknya dengan mengikut undang-undang dan peraturan polis Terengganu yang dijalankan pada masa ini atau akan datang.<sup>35</sup>

Pada 7 Januari 1942 (20 Zulhijah 1360), pengisytiharan dikeluarkan menyeru supaya mengambil perhatian terhadap perjalanan pentadbiran pada masa darurat. Semua pegawai digalakkan berkerjasama menjalankan pertadbiran dengan pihak Jepun dan bersabar menghadapi kesusahan akibat perang. Sesiapa yang mengungkitkan kemosyikilan akan dianggap tidak

berterima kasih kepada pertolongan Jepun. Kerajaan Jepun memberi kuasa kepada T. Obata untuk menguruskan pentadbiran negeri Terengganu. Semua kakitangan hendaklah menanggung segala tugas yang diberikan; sekiranya tidak dapat menguruskan tugas, mereka akan dihukum. Sekiranya kakitangan rajin berusaha menjalankan pekerjaan akan dipertimbangkan untuk kenaikan pangkat. Sesiapa yang malas akan diberhentikan kerja; mereka yang menentang Jepun atau membuat pekerjaan yang menyalahi peraturan akan dibuang negeri atau dibunuhi. Pengisytiharan ini ditandatangani oleh Sultan Terengganu, Menteri Besar, dan Setiausaha Kerajaan. Di samping itu pengisytiharan ini juga mengambil perhatian untuk menambahkan kewangan perpendaharaan, menjaga harta musuh, keamanan, makanan, harga barang, dan orang Cina serta India.<sup>36</sup> Kerajaan Terengganu juga telah mengeluarkan isytihar bertarikh 25 Januari 1942 (8 Muharram 1361) memaklumkan kepada seluruh penduduk di sekitar Kuala Terengganu bahawa berita perang dan hal yang mustahak untuk diketahui oleh orang ramai akan disiarkan melalui pembesar suara di pejabat bekas Bank Mercantile di hadapan pejabat Syahbandar Kuala Terengganu, pada tiap-tiap hari Ahad, Selasa, dan Khamis pada pukul 7.10 petang waktu Jepun dan 5.20 waktu tempatan.<sup>37</sup> Pada 25 Januari 1942 (8 Muharram 1361) Pejabat Setiausaha Kerajaan Terengganu mengeluarkan pengisytiharan memaklumkan bahawa Sultan Sulaiman Badrul Alam Syah menerima nasihat Panglima Agung Tentera Kerajaan Yang Maha Kuasa Nippon, T. Obata menjadi Penasihat Kerajaan Terengganu. T. Obata menegaskan bahawa:

...segala undang-undang dan peraturan negeri Terengganu tiadalah dikehendaki apa-apa perubahan dan segala pekerjaan pejabat-pejabat atau negeri menurut sebagaimana yang biasa dijalankan serta menggantikan pegawai-pegawai Melayu kepada mana-mana jawatan yang ditinggalkan oleh pegawai-pegawai Eropah itu.<sup>38</sup>

Setelah pihak Tentera Jepun menjalankan pentadbiran di Terengganu, Majlis Mesyuarat Negeri tidak lagi bersidang.<sup>39</sup>

Pada 26 Januari 1942 (9 Muharram 1361), Pejabat Setiausaha Kerajaan Terengganu mengeluarkan surat pekelilingan bilangan 1/1361, tentang "Anggaran Hasil dan Perbelanjaan Tahun 1942". Pekelilingan ini menarik perhatian

ketua-ketua pejabat bahawa pindaan anggaran belanjawan terpaksa diambil ekoran daripada keadaan kesempitan perbelanjaan negeri. Oleh itu ketua-ketua pejabat hendaklah sama-sama bertanggungjawab menjalankan tugas mengikut perintah yang dikeluarkan. Ketua-ketua pejabat dikehendaki berusaha mendapat hasil seperti anggaran dibuat. Dalam hal perbelanjaan pula, mereka diingatkan supaya menggunakan wang dengan cermat yang mungkin. Perbelanjaan melawat sesuatu tempat hanya boleh digunakan untuk pekerjaan yang sangat mustahak sahaja. Segala elaun kenaikan diberhentikan. Manakala elaun, seperti elaun bermalam, sewa rumah, dan elaun kerja lebih masa hendaklah dibayar separuh sahaja.<sup>40</sup> Kesempitan kewangan yang dihadapi ini menyebabkan berbagai-bagi langkah diambil oleh kerajaan untuk mengatasi masalah ini. Kerajaan Terengganu mengeluarkan pekelilingan 2/1361, bertarikh 26 Januari 1942 (9 Muharram 1361) mengarahkan potongan gaji, elaun, dan bayaran pencen sebagai langkah menghadapi kekurangan pendapatan hasil negeri. Dalam pekelilingan tersebut Sultan Sulaiman Badrul Alam Syah menyatakan keputusan pemotongan ini dibuat setelah menimbangkan hal-hal keadaan kekurangan hasil dan kesempitan perbendaharaan kerajaan negeri Terengganu. Pemotongan ke atas elaun, gaji, dan bayaran pencen akan berkuat kuasa mulai 1 Januari 1942. Baginda bersetuju bahawa segala tambahan kenaikan gaji yang bermula pada 1 Januari 1942 dibekukan sehingga keadaan kewangan negeri pulih. Jumlah potongan gaji, elaun, dan pencen yang dikenakan adalah seperti Jadual I.

Arahan dikeluarkan supaya di dalam penyata gaji hendaklah dicatatkan pendapatan yang sebenar, jumlah potongan yang dikenakan dan pendapatan bersih setelah potongan dibuat. Wang potongan ini akan menjadi bantuan kepada kerajaan negeri untuk memulihkan perbendaharaan negeri Terengganu yang menghadapi kekurangan pendapatan hasil. Apabila kewangan negeri pulih semula, kerajaan akan menimbangkan untuk membayar balik kepada mereka yang menyumbang.<sup>41</sup>

Pada 28 Januari 1942 (11 Muharram 1361), Setiausaha kerajaan Terengganu mengeluarkan isytihar menyatakan bahawa dengan persetujuan Sultan Sulaiman Badrul Alam Syah, kerajaan akan mengenakan bayaran satu ringgit (\$1.00) bagi tiap-tiap seekor lembu atau kerbau yang hendak disembelih.

PENTADBIRAN TENTERA JEPUN DAN THAI DI TERENGGANU, 1942-1945

Jadual I  
Potongan Gaji, Elaun, dan Pencen

Pendapatan bulanan (Ringgit)	Jumlah Potongan (Ringgit)
bawah 20.00	dikecualikan
21.00	1.00
22.00	2.00
23.00	3.00
24.00	4.00
25.00	5.00
26.00	6.00
27.00	7.00
28.00	8.00
29.00	9.00
30.00	9.00
32.00	10.00
34.00	10.00
35.00 – 200.00	40 persen
201.00 ke atas	50 persen

Sumber: SUK. Tr., 24/1361, "Menjalankan Potongan Gaji, Elaun, dan Pencen Bagi Sementara Kekurangan Ferolehan Hasil", Pekeliling 2/1361, Pejabat Setiausaha Kerajaan, Kuala Terengganu, 9 Muharram 1361 (26 Januari 1942).

Dalam pada itu pengecualian bayaran pas diberikan kepada penyembelihan untuk korban.<sup>42</sup> Peraturan ini akan dikuatkuasakan pada 15 Februari 1942 (29.1.1361). Peraturan ini juga menyebut bahawa segala penyembelihan lembu atau kerbau dimestikan mendapatkan kebenaran terlebih dahulu daripada kerajaan. Namun kelonggaran diperuntukan ke atas lembu atau kerbau yang sakit dan memerlukan penyembelihan segera, di mana boleh disembelih terlebih dahulu dan mendapatkan kebenaran dengan segera selepas penyembelihan tersebut. Surat kebenaran ini boleh didapati di semua rumah pasung Kuala Terengganu atau daripada penghulu yang ditetapkan oleh kerajaan. Sekiranya ada antara mereka melaksanakan penyembelihan ke atas lembu atau kerbau tanpa mengambil kebenaran mereka akan ditangkap oleh polis; dihadapkan ke muka pengadilan dan jika bersabit dengan kesalahan akan dijatuhkan hukuman yang setimpal dengan peruntukan undang-undang.<sup>43</sup> Pada 1 Februari 1942 (15 Muharram 1361) Sultan Sulaiman Badrul Alam Syah

menitahkan Menteri Besar supaya memberikan perhatian ke atas bekalan makanan. Memandangkan negeri Terengganu menghadapi kekurangan makanan maka Sultan Sulaiman Badrul Alam Syah mengarahkan supaya melantik pegawai yang berkelayakan untuk menguruskan pertanian bagi mengatasi masalah kekurangan makanan di Terengganu.<sup>44</sup>

Pada 4 Februari 1942 (18 Muharram 1361) Pejabat Setiausaha Kerajaan mengeluarkan isytihar bilangan 1/1361 khusus untuk orang-orang Cina dan India. Pengisyiharan ini berbunyi:

1. Bahawa maka dalam masa darurat ini telah ditimbulkan mustahaklah dikawal orang-orang Cina dan orang-orang India yang diperanakan di dalam negeri-negeri yang ditakluki oleh musuh kepada kerajaan Yang Maha Besar Maharaja Nippon atau mereka yang mengaku dirinya menjadi rakyat British.
2. Oleh yang demikian maka dalam tempoh satu bulan daripada tarikh isytihar ini maka hendaklah orang-orang Cina dan orang-orang India yang diperanakkan di luar dari Tanah Melayu (Negeri-Negeri Yang Bersekutu dan Negeri-Negeri Yang Tidak Bersekutu) mendaftarkan namanya di rumah-rumah pasung yang berhampiran dengan tempat kediaman mereka itu supaya memberi nama, umur, tempat diperanakkan, pekerjaan, tempat kediaman pada masa sekarang, serta kenyataan yang sebegini juga berkenaan dengan anak-anak dan ahlinya jika ada. Siapa-siapa yang ingkar daripada menyempurnakan syarat-syarat isytihar ini akan didakwa dan dihukumkan apakala sabitnya.<sup>45</sup>

Kerajaan juga mengeluarkan amaran kepada pemilik motorbot dan perahu bahawa tidak boleh menyeberangi sungai-sungai Jertih, Besut, Kuala Ibai, dan Losong antara pukul 7.00 petang hingga 6.00 pagi (waktu biasa) kecuali mendapat kebenaran daripada polis yang mengawal di situ. Mereka juga dilarang menyimpan motorbot atau perahu dalam jangkamasa tegahan ini di tebing sungai Jertih, Besut menghala ke Kelantan; Chendering menghala ke Marang, dan Pengkalan Bukit Datu. Namun demikian mereka dibenarkan menyimpan motorbot dan perahu mereka di tebing sungai Jertih dan Besut menghala ke Kuala Terengganu; di tebing sungai Ibai,

menghala ke Kuala Terengganu dan di Losong, iaitu di sebelah pengkalan Losong. Barangsiapa yang ingkar akan dihukum penjara. Pihak polis yang bertugas pula berkuasa menahan sebarang motorbot atau perahu menyeberangi sungai dalam sebarang masa jika disyaki digunakan oleh pihak musuh. Larangan ini dikeluarkan untuk memastikan segala kemudahan menyeberang sungai tidak digunakan oleh pihak musuh kerajaan Yang Maha Besar Maharaja Nippon. Oleh itu sekiranya ada antara mereka memberi bantuan menyeberangi sungai kepada pihak musuh akan dihukum dengan berat; sebaliknya kepada tentera kerajaan Yang Maha Besar Maharaja *Nippon* hendaklah diberi bantuan seberapa yang boleh apakala diminta dalam sebarang masa.<sup>46</sup> Penduduk kampung dinasihatkan supaya memberi maklumat kepada kerajaan sekiranya mendapat berita persembunyian orang British. Kerajaan percaya bahawa selepas perang ada antara orang British bersembunyi di dalam hutan di Tanah Melayu; pihak polis pula sedang menjalankan penyiasatan yang rapi untuk mengesani dan menangkap mereka. Mereka biasanya akan mendampingi penduduk kampung dengan berkerjasama dan memberi bantuan dengan harapan akan mendapat maklumat yang diperlukan. Penduduk kampung yang memberi maklumat sebenar kedudukan musuh atau menangkap mereka akan diberikan satu hadiah yang setimpal oleh kerajaan.<sup>47</sup>

Pada 12 Februari 1942 (26 Muharram 1361) Pejabat Setiausaha Kerajaan, Kuala Terengganu mengeluarkan isytihar menyeru penduduk Terengganu menyerahkan senjata dan alat-alat pasukan polis yang hilang. Barang siapa yang ingkar menyerahkan alat-alat tersebut dalam tempuh tiga puluh hari daripada tarikh isytihar ini dikeluarkan mereka akan ditangkap dan dihukum dengan beratnya sekiranya bersabit dengan kesalahan tersebut. Barang-barang tersebut sama ada dijumpai atau mengambilnya, atau menyimpannya hendaklah diserahkan kepada rumah pasung yang berhampiran dengan kediaman mereka. Barang-barang pasukan polis yang hilang antaranya ialah: senapang polis, silang senapang (tali penggalas senapang), benet, sarung benet, tali tarik penyuci senapang, butir minyak senapang, pistol, sarung pistol, peluru pistol dan senapang, tali pinggang, caperas (tempat menyangkut benet), katung (tempat isi peluru), beg kain, tali beg kain, seti dengan rantai, hook tali pinggang, kunci butir dengan anaknya (kunci ambung),

kerawan polis tiga bangsa, nombor polis, selendang kain, butang bintang, kasut polis, butang besar dan kecil, songkok dengan penyetarnya, terendak, baju campar dan kemeja (kemeja berbulu), seluar pendek dan panjang, tali pinggan dan krus belit (bagi pakaian seragam putih), sarung kaki pegawai dan mata-mata, baju hujan, kelambu, butir (ambung), kain selimut banduan, berus kasut dan butang, sepit butang, kain sarung polis, tongkat tangan, sen berawan bilat (tali selendang kulit dan ikat pinggang), dan pedang dengan sarungnya. Sementara itu kerajaan melonggarkan tempoh berkurung di bandar dan pekan, dari 8.30 malam (10.00 malam waktu negeri Jepun) hingga pukul 10.00 waktu tempatan.<sup>48</sup>

Pada tahun 1942 Jemaah Mesyuarat Negeri menghadapi kekurangan ahli mesyuarat. Menyedari kekurangan ini, hanya lapan orang selain Menteri Besar dan pegawai berjawatan, maka pada 24 Februari 1942 (7 Safar 1361), Sultan Sulaiman Badrul Alam Syah mengesyorkan supaya ditimbangkan beberapa orang ahli baru dilantik dan dibawa ke dalam Jemaah Mesyuarat Negeri. Mereka yang dicadangkan ialah Dato' Sangsura Pahlawan Besut, Encik Muhammad Hashim bin Dato' Wangsa, Tengku Asmara Raja, dan Encik Yusof bin Long. Walaupun Sultan Sulaiman Badrul Alam Syah menyedari bahawa adalah sukar bagi Dato' Sangsura Pahlawan yang berada di Besut untuk datang menghadiri mesyuarat tetapi kedudukannya sebagai Pesuruhjaya Besut wajar ditimbangkan ke darjah ahli Jemaah Mesyuarat Negeri. Encik Muhammad Hashim pula kerana ketekunan dan kegigihan beliau menjalankan tugas yang dipertanggungjawabkan kepada beliau.<sup>49</sup>

Kemudiannya pada 25 Februari 1942 (9 Safar 1361) suatu mesyuarat diadakan untuk menetapkan harga beras dan padi. Keputusan ketetapan ini dihantar oleh Ketua Pejabat Kawalan Makanan kepada Setiausaha Kerajaan Terengganu pada 11 Mac 1942 (22 Safar 1361) untuk tindakan selanjutnya.<sup>50</sup> Oleh sebab Jemaah Mesyuarat tidak bersidang maka keputusan mesyuarat ini dihantar kepada Menteri Besar<sup>51</sup> dan beliau panjangkan lagi kepada T. Obata.<sup>52</sup> Setelah T. Obata bersetuju<sup>53</sup> perkara ini dipanjangkan kepada Sultan Sulaiman Badrul Alam Syah oleh Menteri Besar.<sup>54</sup> Sultan Sulaiman Badrul Alam Syah pula bersetuju dengan undang-undang kawalan makanan yang dibentangkan itu.<sup>55</sup> Pada 25 Februari 1942 (9 Safar 1361), pukul 8.15 malam di Istana Maziah Sultan Sulaiman Badrul Alam

Syah mengadakan jamuan makan malam kerana meraikan perlantikan T. Obata sebagai Penasihat Kerajaan Terengganu.<sup>56</sup> Jamuan ini dihadiri oleh Sultan Sulaiman Badrul Alam Syah, Gabenor, dan pegawai Melayu; antaranya, Tengku Abdul Aziz, Tengku Seri Setia Raja, Dato' Jaya Perkasa, Dato' Bija Sura dan Tengku Asmara; pegawai Jepun pula, antaranya Kimura, Nizuman, dan Nakayama.<sup>57</sup>

Seterusnya pada 27 Februari 1942 (11 Safar 1361) Sultan Sulaiman Badrul Alam Syah mengadakan jamuan teh dan perlawanan golf di Padang Negara, pada pukul 4.30 petang, sempena menyambut kesyukuran kejatuhan Singapura ke tangan Jepun.<sup>58</sup> Jamuan ini dihadiri oleh pegawai Melayu dan Jepun.

Berikutnya dalam surat pekeliling bilangan 3/1361, bertarikh 25 Mac 1942 (8 Rabiul-Awal 1361) menyatakan perbelanjaan untuk membeli pakaian pelayan, penghantar notis, saman, dan penarik pangkah yang ada dalam tiap-tiap pejabat bagi tahun 1942 dibekukan untuk menjaga keselamatan perbelanjaan negeri. Mereka dinasihatkan menggunakan pakaian yang telah ada.<sup>59</sup> Kerajaan Terengganu juga telah membuat pengumuman bertarikh 28 Mac 1942 ke seluruh negeri Terengganu supaya penduduknya memberi hormat kepada pegawai dan tentera Jepun. Penghormatan ini diberikan sebagai mengenang jasa mereka. Antara lain pengumuman ini berbunyi:

... dengan sebab kebijakan yang telah dibuat oleh askar Yang Maha Besar Sri Maharaja *Nippon* melepaskan kita daripada bahaya himpitan perahan bangsa British selama ini. Maka hendaklah kita mengucapkan syukur dan berterima kasih kepada segala askar Yang Maha Besar Sri Maharaja *Nippon* itu.<sup>60</sup>

Dengan itu rakyat Terengganu dikehendaki memberi hormat kepada pegawai besar dan ketua askar Jepun dalam setiap masa berjumpa; askar Jepun ketika bertugas dan tentera pengawal (*sentry guard*). Peraturan memberi hormat pula adalah seperti berikut: Apabila berjumpa hendaklah menundukkan kepala. Sekiranya menaiki basikal dan ketika hendak melintasi tentera yang sedang berkawal hendaklah turun dan tunduk memberi hormat; ketika menaiki kereta, apabila melalui di hadapan tentera yang sedang berkawal hendaklah menundukkan kepala kepadanya dan jika masing-masing memakai topi atau terendak

hendaklah membuka terendak terlebih dahulu sebelum menundukkan kepala kepadanya.<sup>61</sup>

Berbangkit daripada masalah ekonomi yang belum stabil, pada pagi 28 Mac 1942 *Syuciji* Terengganu datang berjumpa Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan memaklumkan tentang kedudukan pegawai-pegawai kerajaan dan gaji mereka. Pejabat Besar Tentera Jepun mengingatkan bahawa mulai 8 Disember 1941, semua pegawai kerajaan yang sebelum ini berkhidmat dengan kerajaan British dikira tamat perkhidmatan mereka; tetapi kerajaan *Nippon* akan menyerap mereka semula dengan syarat yang ditetapkan oleh Pejabat Besar. Jaminan diberikan bahawa syarat yang tetap akan diisytiharkan kira-kira penghujung tahun 1942. Dengan itu Pejabat Besar telah menetapkan syarat sementara tentang jawatan pegawai dan kedudukan gaji mereka. Syarat ini berkuat kuasa sehingga keadaan ekonomi pulih dan barulah syarat tetap akan dikemukakan. Semua pegawai kerajaan disifatkan sebagai pegawai sementara. Mereka yang berpendapatan 50 ringgit ke bawah dikecualikan daripada potongan. Pendapatan kurang daripada 100 ringgit dikenakan potongan sebanyak 80 peratus; tetapi jika baki daripada potongan tersebut kurang daripada 50 ringgit maka hendaklah dibayar sebanyak 50 ringgit. Pendapatan antara 100—200 ringgit dikenakan potongan sebanyak 80 peratus untuk 100 ringgit yang pertama; dan 60 peratus untuk bakinya. Pendapatan yang melebihi 200 ringgit dikenakan potongan sebanyak 70 peratus untuk 200 ringgit yang pertama dan 40 peratus untuk bakinya.<sup>62</sup> Segala elau tidak akan dibayar. Elau melawat boleh dibayar berdasarkan perbelanjaan yang sebenar. Pembayaran pence nyalas dibatalkan; tetapi pertimbangan untuk menetapkan peraturan baru akan dilaksanakan apabila keadaan ekonomi mula pulih. Jaminan diberikan bahawa pada akhir tahun 1942 pemerintah Jepun akan meneliti pendapatan dan perbelanjaan negeri dan akan dipertimbangkan untuk membayar sedikit elau kepada pegawai-pegawai. Pejabat-pejabat diarahkan memenuhi jawatan untuk 70 peratus sahaja; tetapi sekiranya pejabat merasakan mustahak untuk menggunakan lebih daripada 70 peratus akan dipertimbangkan. Segala syarat di atas akan dikuat kuasakan mulai 1 April 1942. Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan diarahkan memaklumkan syarat-syarat tersebut kepada sekalian pegawai kerajaan.<sup>63</sup>

Pada 30 Mac 1942 (13 Rabiul Awal 1361) Pejabat Setiausaha Kerajaan mengeluarkan lagi pengisytiharan tentang penyerahan barang-barang pasukan polis termasuk senjata, peluru, dan pakaian serta tempoh berkurung. Perisytiharan ini berbunyi:

1. Berkehendak serahkan senjata-senjata, letupan-letupan, pistol-pistol, peluru-peluru, benet-benet dan lain-lain alatan senjata dan barang-barang pasukan polis yang telah hilang;
2. Tegahan mereka-mereka berjalan pada hari malam tidak boleh lewat daripada pukul 10 malam jam biasa;
3. Kesalahan kerana mengambil atau menyimpan apa-apa harta atau barang-barang yang dipunyai oleh orang-orang putih;
4. Kesalahan kerana tidak menyerahkan ke polis akan minyak petrol yang didapati di Sungai Buaya;

. . . mana-mana mereka yang melanggar sebarang syarat-syarat ini bolehlah dihukumkan apakala sabit dengan denda tidak lebih daripada 100 ringgit atau penjara sama ada dengan kerja ringan atau berat selama tidak lebih daripada enam bulan.<sup>64</sup>

Pada 1 April 1942 *Syuciji* menghantar surat kepada Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan Terengganu supaya memaklumkan tentang kuasa Raja Terengganu. Dalam surat tersebut dicatatkan:

Bahawa Duli Yang Maha Mulia Tuanku tidaklah boleh bercampur dalam sebarang hal pekerjaan kerajaan melainkan dalam yang berkaitan dengan agama dan adat istiadat dan jika apa-apa perkara *Shuchiji* Terengganu hendak berunding dan mendapat syor Sultan dan syor-syor Duli Yang Maha Mulia atas apa-apa perkara yang berkenaan dengan negeri Terengganu itu bolehlah ditimbangkan dengan sepenuh-penuhnya.<sup>65</sup>

Setiausaha Kerajaan Terengganu, Dato' Jaya Perkasa Che Da Omar bin Mahmud menjawab surat ini pada 2 April 1942 (16 Rabiul Awal 1361) kepada *Syuciji Kakka* dan memaklumkan akan mempersembahkannya kepada Sultan Sulaiman Badrul Alam Syah.<sup>66</sup> Perkara berkenaan kuasa Raja ini dipersembahkan kepada Sultan Sulaiman Badrul Alam Syah dalam surat Setiausaha Kerajaan bertarikh 2 April 1942 (16 Rabiul Awal 1361).<sup>67</sup> Pada 2 April 1942 Sultan Sulaiman Badrul Alam Syah

menitahkan Setiausaha Kerajaan, Dato' Jaya Perkasa Che Da Omar bin Mahmud dan Tengku Setia Raja mengadap. Dalam pertemuan ini, setelah diminta penjelasan oleh Sultan Sulaiman Badrul Alam Syah, Setiasaha Kerajaan menerangkan kedudukan kuasa raja seperti yang ditetapkan oleh *Syuciji Kakka* Terengganu.<sup>68</sup>

Pejabat Setiausaha Kerajaan Terengganu mengedarkan pengisyiharan memaklumkan kepada penduduk Terengganu bertarikh 1 April 1942 (15 Rabiul Awal 1361) bahawa segala peraturan atau undang-undang yang dilaksanakan sekarang disifatkan sebagai Undang-Undang dan Peraturan *Dai Nippon*; perkataan yang berbunyi "Duli Yang Maha Mulia dalam Mesyuarat" yang tercatat di dalam segala peraturan dan undang-undang adalah terbatas.<sup>69</sup> Namun demikian perkara pertama pengisyiharan yang bertarikh 1 April 1942 (15 Rabiul Awal 1361) yang berbunyi:

Diberi ketahui kepada sekalian yang hadir dan lain-lainnya bahawa pada dan kemudian daripada tarikh pemberitahu ini sekalian undang-undang dan peraturan-peraturan yang dijalankan pada masa ini hendaklah disifatkan undang-undang dan peraturan kerajaan *The Nippon*.<sup>70</sup>

dibatalkan dalam pengisyiharan bilangan 5/1361, bertarikh 20 April 1942 (4 Rabiul Akhir 1361), digantikan seperti berikut:

Diberi ketahui kepada sekalian yang hadir dan lain-lainnya bahawa walaupun daripada tarikh 8.12.41 sekalian undang-undang dan peraturan-peraturan yang lazim dijalankan masa ini, maka tidaklah dihilangkan kuatkuasanya lagi di bawah pemerintah Tentera *Nippon*, melainkan jika ada ketetapan yang khas.<sup>71</sup>

Pada 11 April 1942 (25 Rabiul Awal 1361) Pejabat Setiausaha Kerajaan mengeluarkan isytihar supaya penduduk Terengganu menyerahkan barang-barang orang British yang diambil oleh mereka. Dalam pengisyiharan ini kerajaan melanjutkan lagi tempoh menyerahkan barang-barang tersebut selama dua bulan, mulai tarikh 15 April 1942 (29 Rabiul Awal 1361) atau sehingga perintah lain dikeluarkan. Perlanjutan tempoh ini untuk memberi peluang kepada mereka menyerahkan barang-barang tersebut kepada polis atau Ketua Kawalan atau di Pejabat Menteri Besar. Mereka yang menyerahkan barang-barang ini

dan yang memberi maklumat sehingga barang-barang ini dijumpai akan diberikan hadiah. Hadiahnya pula akan didasarkan kepada jenis barang yang diserah atau dijumpai. Apabila tempoh penyerahan telah tamat, mereka yang masih menyimpan barang-barang tersebut akan dikenakan hukuman yang berat.<sup>72</sup>

Dalam usaha mengawal penggunaan peralatan pejabat, *Somubu* Terengganu mengeluarkan pengisyiharan supaya ketua-ketua pejabat menggunakan alat tulis, buku-buku, dan borang-borang yang bercetak dengan cermat. Pengisyiharan ini dibuat kerana kekurangan simpanan dan dalam jangka pendek bahan-bahan itu boleh habis serta masalah kesukaran untuk mendapatkan bekalan. Hinggakan ketua-ketua pejabat diarahkan menjalankan siasatan terlebih dahulu di pejabat masing-masing tentang kedudukan keperluan, seperti alat-alat tulis dan kertas sebelum tempahan dibuat. Manakala pejabat yang membekal pula hendaklah memastikan bahawa barang-barang yang ditempah itu dihantar pada kadar yang diperlukan sahaja. Penjimatan ini untuk memastikan bekalan tidak habis sebelum tempahan baru dihantar.<sup>73</sup>

Dalam hal pentadbiran pula, ketua-ketua pejabat diingatkan supaya segala surat-menjurut mulai dari tarikh 8 April 1942 (22 Rabiul Awal 1361) yang hendak dihantar ke Pejabat *Syuciji* hendaklah dialamatkan kepada Tuan *Syuciji Kakka* dan tidak lagi kepada Penasihat Kerajaan. Ketua-ketua Pejabat di Kuala Terengganu diingatkan supaya pada tiap-tiap pukul 9.00 pagi menelefon Pejabat *Syuciji* memaklumkan sama ada mereka berada di pejabat, melawat, bercuti, atau uzur supaya kedudukan mereka diketahui oleh Pejabat *Syuciji*.<sup>74</sup> Arahan juga dikeluarkan pada 8 April 1942 (22 Rabiul-Awal 1361) bahawa cuti kelepasan hanya satu hari sahaja dan segala cuti yang jatuh pada hari kelepasan, hari Jumaat tidak boleh digantikan kepada hari Sabtu. Arahan ini berkuat kuasa pada 8 April 1942 (22 Rabiul Awal 1361). Dengan itu peraturan cuti yang bertarikh 21 Februari 1942 (5 Safar 1361) tentang perkara di atas dibatalkan.<sup>75</sup> Ketua-ketua pejabat juga diarahkan oleh Pejabat Setiausaha Kerajaan melalui pekeliling 6/1361, "Lawatan Ketua-Ketua Pejabat", bertarikh 21 April 1942 (5 Rabiul Akhir 1361), sebelum membuat lawatan hendaklah mengemukakan permohonan kepada Setiausaha Kerajaan selewat-lewatnya dua hari sebelum berangkat. Dalam permohonan itu pula hendak

dinyatakan tempat hendak dilawati, tarikh berangkat dan balik. Mereka juga diingatkan supaya mendapatkan surat kelulusan dahulu sebelum membuat lawatan.<sup>76</sup>

Pada 28 April 1942 (28 April 2602) Jabatan Maklumat yang mendapat arahan daripada S. Ara, *Syuku Taku Kunisimu Syumubu* telah mengeluarkan pengisyiharan untuk makluman penduduk Terengganu. Dalam pengisyiharan ini rakyat Terengganu diberitahu yang Terengganu, seperti juga negeri-negeri lain di Tanah Melayu, termasuk Singapura kini menjadi takluk Seri Maharaja Jepun. Orang-orang Melayu Terengganu dikehendaki memberi pertolongan dan kerjasama kepada tentera Jepun; dengan itu kerajaan tentera Jepun akan membala di atas kerjasama tersebut. Tiap-tiap negeri, termasuk Terengganu akan ditadbir oleh Gabenor; di Terengganu bergelar *Syuciji Kakka*. *Syuciji Kakka* ialah pemerintah Terengganu; Sultan tidak boleh campur tangan dalam urusannya. Namun begitu dalam hal tertentu, seperti yang bersangkutan dengan agama Sultan akan menguruskannya. Selain itu semua pegawai kerajaan dianggap terhenti khidmat mereka mulai 8 Disember 1941, tetapi kerajaan Jepun menerima mereka semula dan kini mereka ialah pegawai kerajaan Jepun. Begitu juga rakyat negeri-negeri Melayu menjadi rakyat Maharaja Jepun.<sup>77</sup>

Pada 29 April 1942 (29 April 2602), *Syuciji Kakka* Terengganu telah mengeluarkan pemasyturan pentadbiran Terengganu dan seluruh Terengganu menjadi tanah jajahan Jepun akan mengikut kerajaan Jepun. Pengisyiharan ini berbunyi:

Diberi ketahui kepada sekalian mereka isi penduduk negeri dan takluk jajahan Terengganu.

1. Bahawa pada masa sekarang negeri-negeri Melayu telah menjadi tanah jajahan takluk kepunyaan kerajaan negeri The Nippon T. A. Kuku dengan sepenuhnya serta kekal selama-lamanya.
2. Maka segala perintah pertadbiran negeri adalah menurut perintah kerajaan The Nippon T. A. Kuku yang dijalankan oleh ketua-ketua pentadbir yang telah dilantikkan oleh kerajaan Seri Maharaja The Nippon T. A. Kuku itu.
3. Oleh yang demikian penduduk-penduduk di dalam seluruh negeri Terengganu hendaklah faham dan mengerti dengan

secukup-cukupnya tentang keadaan kejadian salsilah keturunan negeri *The Nippon* itu yang tidak ada tolak bandingan dengan mana-mana negeri dalam dunia dan hendaklah faham berkenaan tujuan yang sebenar pererangan di Timur Asia Raya serta janganlah tersilap faham lagi bahawa kita sekalian ini adalah menjadi rakyat yang taat setia kepada pemerintahan kerajaan *The Nippon*. *T. A. Kuku* itu demikian adanya.<sup>78</sup>

Pada 7 Mei 1942 (7 Mei 2602) pengisyiharan dikeluarkan memaklumkan memberhentikan jawatan Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan; serta perubahan pentadbiran dalam sekalian pejabat.<sup>79</sup> Pada 7 Mei 1942 (7 Mei 2602) juga Pejabat *Syuciji* Terengganu mengeluarkan pengisyiharan memaklumkan bahawa segala perkara bersangkutan dengan menukar, memindah atau mengubah sebarang bangunan atau tanah; rumah gudang, kilang atau tempat perniagaan; getah, bijih timah, minyak, kereta motor, engin atau perkakasnya bermula dari tarikh 1 Disember 1942 (1 Disember 2602) hendaklah mendapat tandatangan pengesahan daripada *Syuciji* Terengganu. Dengan itu segala surat pajakan dan geran tanah yang ditandatangani oleh Sultan Terengganu selepas 1 Disember 1942 (1 Disember 2602) dianggap batal dan mereka diwajibkan mendapat tandatangan *Syuciji* Terengganu. Sekiranya tidak dilakukan demikian maka surat tersebut dianggap tidak sah.<sup>80</sup> *Syuciji* Terengganu juga mengeluarkan pengisyiharan pada 7 Mei 1942 (7 Mei 2602) memaklumkan supaya segala barang keperluan dan makanan yang dijual di Terengganu hendaklah pada harga yang dijualkan sebelum 8 Disember 1941. Sekiranya terdapat mereka yang ingkar, akan dikenakan hukuman yang berat. Namun begitu kelonggaran diberikan, sekiranya barang yang didapati itu selepas 8 Disember 1941 pada harga yang tinggi maka mereka yang berkenaan boleh merayu kepada Pejabat Kawalan Makanan di Pejabat *Syuciji* Terengganu untuk mendapat pertimbangan tentang harga yang hendak ditetapkan.<sup>81</sup> Pada 25 Mei 1942 (25 Mei 2602) Pejabat *Syuciji*, Kuala Terengganu mengeluarkan perisyiharan bilangan 9/2602 yang bertandatangan Manabu Kuji, *Syuciji* Terengganu, Reizaemon Muramatsu, Ketua *Keibitai* Terengganu, menyatakan bahawa keamanan negeri Terengganu telah pulih semula dan menggesa semua penduduk

yang lari meninggalkan rumah masing-masing ketika perang yang lalu pulang semula ke rumah masing-masing dan menguruskan kembali pekerjaan harian mereka. Penduduk Terengganu dikehendaki berbuat demikian sebelum 31 Mei 1942 (31 Mei 2602). Sekiranya didapati ada antara mereka mengingkari perintah ini, akan dianggap dengan sengaja menentang niat bersih kerajaan *Dai Nippon* dan enggan berkerjasama atas kejayaan matlamat perang ini. Mereka yang bersikap demikian pihak Jepun tidak akan memberi perlindungan kepada kehidupan mereka dan keluarga, serta harta mereka akan dirampas. Dengan itu pihak Jepun mengingatkan supaya penduduk Terengganu yang meninggalkan rumah tersebut taat kepada perintah kerajaan Jepun dan dengan seberapa segera pulang ke rumah masing-masing.<sup>52</sup>

Kemudiannya berlaku serangan penyakit haiwan ke atas kerbau dan lembu di Kampung Wakaf Mempelarn, Mukim Gelugur. Dengan itu pada 8 Jun 1942 (8 Jun 2602), *Syuciji* Terengganu dengan nasihat pegawai perubatan negeri mengeluarkan isytihar, bilangan 19/2602 menegah membawa masuk dan keluar binatang, seperti lembu, kerbau, kambing, biri-biri, babi, dan belulang serta lain-lain yang berkaitan sebelum mendapat izin daripada pegawai perubatan kerajaan.<sup>53</sup>

Pentadbiran Tentera Jepun juga mengeluarkan pengisytiharan tentang sistem pajak. Pada 17 Jun 1942 (17 Jun 2602) Pejabat *Syuciji* Terengganu mengeluarkan pengisytiharan bilangan 18/2602 tentang "Undang-Undang Pemajak Gadai 1356". Dalam pengisytiharan ini dinyatakan lesen pajak gadai akan tamat pada 31 Mei 1942 (31 Mei 2602). Dengan itu mereka yang berhajat untuk membuka pajak gadai hendaklah memohon kembali lesen tersebut yang akan dibuka untuk tempoh 1 Jun 1942 (1 Jun 2602) hingga 31 Mei 1943 (31 Mei 2603). Kebenaran membuka pajak gadai boleh didapati daripada Pesuruhjaya Polis Terengganu. Selain itu mereka perlu memenuhi syarat-syarat yang diperuntukkan. Misalnya, membuat permohonan, mengemukakan wang cengkeram setelah permohonannya berjaya, mengadakan papan tanda bertulis "Kedai Pajak Gadai", dan perjanjian gadaian serta faedahnya.<sup>54</sup>

Pada 19 Julai 1942 (19 Julai 2602), G. Kawana, Pejabat *Kotsubo* Terengganu mengeluarkan pengisytiharan, bilangan

*Kotsubo* 1/2602 tentang perjalanan bas dari Kuala Terengganu ke Kelantan dan ke Dungun dengan kadar bayaran sebanyak lima sen pada satu batu (1.6 kilometer). Bas akan berlepas dari Kuala Terengganu ke Kelantan dan Dungun pada tiap-tiap hari jam 10.00 pagi.<sup>85</sup>

Bagi menjaga kebajikan keluarga polis, mereka yang meninggal dunia ketika menjalankan tugas, Pejabat *Somubu* Terengganu yang menjaga pentadbiran polis mengeluarkan pengisytiharan, bilangan 6/2602, bertarikh 27 Julai 1942 (27.7.2602) yang menyatakan Syuciji Terengganu akan memberi hadiah kepada keluarga polis yang meninggal dunia. Peraturan ini adalah sementara dan ia akan berkuat kuasa pada 1 Mei 1942 (1 Mei 2602). Namun demikian menurut perintah Kerajaan Jepun, pegawai polis yang berjawatan sebagai Pegawai Polis Kerajaan Jepun yang meninggal ketika menjalankan tugas sebelum surat pekeliling ini dikeluarkan boleh dimasukkan ke dalam peraturan ini. Apabila berlaku kematian, ketua rumah pasung hendaklah melaporkan kepada *Syuciji* Terengganu melalui *Keisutsu Kyokuco* (Pejabat Polis) dengan mengemukakan nama, pangkat, dan gaji pegawai yang mati; tarikh kejadian; tempat kejadian; ringkasan laporan kejadian, dan sebab-sebab kematian; keadaan keluarga si mati yang tinggal, pendapat dan cadangan ketua rumah pasung.<sup>86</sup> Jumlah hadiah yang akan dibayar sebagai kenang-kenangan kepada waris pegawai polis yang meninggal dunia adalah seperti Jadual II.

Jadual II  
Wang Hadiah Kenang-Kenangan Kepada Waris  
Pegawai Yang Mati Ketika Menjalankan Tugas

Pangkat Pegawai Polis	Jumlah Hadiah (Ringgit)
Keibu	350.00 – 500.00
Keibu Ho	250.00 – 350.00
Junsa Bucho	150.00 – 250.00
Junsa	80.00 – 150.00

Sumber: SUK. Tr., 81/2602, "Pekeliling Kerajaan - Perkara Hadiah Bagi Pegawai-Pegawai Polis Yang Mati Di dalam Masa Menjalankan Pekerjaannya". bilangan 6/2602, Pejabat *Somubu* Terengganu, 27.7.2602.

Pentadbiran Jepun juga mengambil perhatian ke atas masa bertugas pada bulan puasa. *Syucokan* Terengganu melalui Pejabat *Kambo*, Kuala Terengganu mengeluarkan pekelilingan bilangan 7/2602, bertarikh 7 September 1942 (7 September 2602) tentang waktu bertugas pada bulan puasa. Waktu bertugas untuk bulan puasa ditetapkan dari pukul 10.30 pagi hingga 3.00 petang; hari Jumaat dan kelepasan am ditutup; kecuali jika ada perkara mustahak dan diarahkan datang oleh ketua pejabat maka lazimnya pegawai-pegawai hendaklah hadir membuat pekerjaan walaupun dalam waktu di luar daripada ketetapan tersebut. Pihak *Syucokan* juga bersetuju memberi sehari kelepasan pada 12 September 1942 (12 September 2602) untuk menyambut awal Ramadan atau awal puasa dan pada 11 Oktober 1942 (11 Oktober 2602) hingga 13 Oktober 1942 (13 Oktober 2602) kerana akhir puasa serta menyambut Hari Raya.<sup>87</sup>

Pada 1 Oktober 1942 *Syucokan* Terengganu mengeluarkan peraturan bagi pengambilan polis (*Kyosyusei*) dan ia berkuat kuasa pada hari yang sama. Dalam peraturan ini mereka yang diambil menjadi *Kyosyusei* dikehendaki menjalani latihan dan pelajaran selama tiga bulan. Mereka yang lulus dalam latihan tersebut akan dilantik sebagai Junsa III atau *Keiji Junsa IV*. Mereka yang gagal dikehendaki menjalani latihan sehingga tempoh yang ditetapkan.<sup>88</sup> Pada 10 Oktober 1942 (10 Oktober 2602) *Syucokan* Terengganu mengubah waktu pekerjaan pejabat dan akan berkuat kuasa pada 14 Oktober 2602. Tujuan pertukaran waktu kerja ini dinyatakan seperti berikut:

Maksud per-ubahan waktu ini ia-lah separa menambah-an kemajuan pekerjaan, oleh itu hendak-lah pegawai2 Kerajaan sekelian menurut waktu yang ditetap-kan dan juga didalam masa pekerjaan hendak-lah ber-usaha dan menambah-kan kejayaan lagi kuat dan lagi apa2 jua perkara yang patut disemporna-kan pada hari itu ia-itu walau pun sudah lepas waktu pekerjaan sekali pon maka hendak-lah menyemporna-kan perkara itu dan hendak-lah menjaga kuat separa tidak ketinggalan pekerjaan.<sup>89</sup>

Mengikut waktu kerja baru, pejabat dibuka pada pukul 10.00 pagi; makan tengah hari pukul 1.30 hingga 3.00 petang dan waktu pulang pejabat pukul 5.00 petang. Waktu lama, pejabat dibuka pada pukul 10.30 pagi; makan tengah hari pukul 1.30 hingga 3.30 petang dan waktu pulang pukul 6.00 petang. Waktu mempelajari bahasa Jepun di sekolah bahasa Nippon ditetapkan

pada pukul 8.30 hingga 9.30 pagi. Pegawai-pegawai digalakkan belajar dengan tekun pada tiap-tiap hari.<sup>90</sup> Pada 4 November 1942 (4 November 2602) *Syucokan* Terengganu mengeluarkan pengisyntiharan bilangan 12/2602 meminta ketua-ketua pejabat membenarkan cuti satu hari pada 17 November 1942 (17 November 2602), sama ada kepada pegawai dan buruh bagi membolehkan mereka menyambut Hari Deepavali.<sup>91</sup>

### Kedudukan dan Kuasa Sultan

Pentadbiran Tentera Jepun mengekalkan Sultan Sulaiman Badrul Alam Syah di atas takhta kerajaan Terengganu. Tetapi kuasa pentadbiran negeri terletak di tangan Gabenor Jepun Terengganu. Sultan hanya berkuasa dalam hal yang berkaitan dengan agama sahaja. Pada 5 April 1942 (19 Rabiul Awal 1361) Sultan Sulaiman Badrul Alam Syah berangkat ke Singapura untuk menyertai Sultan-Sultan Tanah Melayu memberi hormat kepada Yang Terutama Ketua Pegawai Agung dan Pegawai Tinggi Pemerintah Tentera Jepun atas kejayaan tentera Jepun menawan Singapura. Atur cara ini ialah rancangan pentadbiran tentera Jepun.<sup>92</sup> Sepeninggalan baginda ini, kerajaan Terengganu akan dipangku oleh Dato' Jaya Perkasa dan Dato' Bija Sura. Perlantikan ini dibuat di atas surat yang dimeterai dengan cop mohor dan tandatangan Sultan Sulaiman Badrul Alam Syah. Antara lain surat ini berbunyi:

Bahawa kita al-Sultan Sulaiman Badrul Alam Syah yang empunya perintahan negeri Terengganu dan sekalian daerah jajahan takluknya telah mentauliah dan menentukan Dato' Jaya Perkasa dan Dato' Bija Sura menjadi pemangku kita di dalam masa sepeninggalan kita belseyar ke Syonan Tu pada hari Ahad 19 Rabiul Awal 1361.

Maka berkuasalah Dato' Jaya dan Dato' Bija Sura selama masa sepeninggalan kita ini boleh menjalankan segala pekerjaan yang teradat bagi kita sendiri.

Demikianlah sah dan nyatanya dimeterai mohor cop dan tandatangan kita al-Sultan kerajaan Terengganu dan di atas surat ini adanya.<sup>93</sup>

Rombongan Sultan berangkat ke Singapura pada 5 April 1942. Dalam perjalanan ini mereka melalui Kemaman, Kuantan,

Jerantut, dan Kuala Lumpur. Rombongan ini bermalam di Kemaman (satu malam), Kuantan (dua malam), sebelum tiba di Kuala Lumpur pada pukul 7.00 pagi, 9 April 1942.<sup>94</sup> Seterusnya rombongan ini berangkat ke Singapura pada pukul 12.30 tengah hari, 9 April 1942 dan tiba di Singapura pada pukul 12.00 malam. Pada 10 April 1942 berangkat pula ke Johor Bahru untuk menyertai rombongan raja-raja dari Johor ke Singapura tiga hari berturut-turut, 11-13 April 1942. Antara atur cara Sultan-Sultan Tanah Melayu adalah bertemu dengan pegawai-pegawai tentera Jepun dan Putera Tokugawa serta melawat beberapa tempat di Singapura.<sup>95</sup>

Raja-Raja Tanah Melayu berjuma dengan Putera Tokugawa pada pukul 5.30 petang, 13 April 1942 (13 April 2602). Putera Tokugawa memberikan ucapan yang panjang dan pihak raja-raja Melayu juga membuat ucapan balas dengan memuji segala layanan yang diberikan oleh pihak Jepun kepada mereka ketika berada di Singapura. Raja-raja Melayu juga menarik perhatian, supaya segala perkara yang berkaitan dengan agama Islam di dalam wilayah sultan di tiap-tiap negeri terpelihara daripada diganggu. Begitu juga raja-raja Melayu menyatakan persetujuan akan memungut wang untuk disumbangkan kepada pihak Jepun bagi mendirikan tugu peringatan di Bukit Timah untuk memperingati tentera Jepun yang telah terkorban dalam peperangan di Tanah Melayu.<sup>96</sup>

Rombongan Sultan Sulaiman Badrul Alam Syah berangkat pulang dari Singapura pada pukul 6.00 pagi, hari Jumaat 17 April 1942 (1.4.1361/17 April 2602). Setelah bermalam di Melaka, pada pagi 18 April 1942 (18 April 2602) berangkat ke Kuala Lumpur; langsung ke Kuantan dan tiba pada pukul 9.00 pagi, 19 April 1942 (3.4.1361/19 April 2602). Kemudiannya meneruskan perjalanan, tiba di Kemaman pada pukul 8.00 malam 19 April 1942 dan bermalam di sini, di rumah Pesuruhjaya Besar Kemaman. Pada hari Isnin, pukul 7.30 pagi, 20 April 1942 (4.4.1361/20 April 2602) rombongan itu meneruskan lagi perjalanan dan tiba di Kuala Terengganu pada pukul 1.30 tengah hari.<sup>97</sup>

Ketika memerintah negeri, Sultan Sulaiman Badarul Alam Syah bercadang memasang huruf *The S Tr* pada kereta baginda. Dengan itu pada 11 April 1942 (22.5.1361), Sultan Sulaiman Badrul Alam Syah meminta Engku Bijaya mendapatkan seorang tukang untuk membuat dan memasang dengan segera tulisan

*The S Tr* pada kereta baginda.<sup>98</sup> Sebaliknya Engku Bijaya mengemukakan cadangan beberapa nama lain untuk pertimbangan Sultan Sulaiman Badrul Alam Syah. Cadangannya ialah *Sultan TR*, *Sultan Of Trengganu*, *SN OF TRU*, *S.OF TR.*, *Sultan TR* dan *S.TR* kepada kereta Sultan Terengganu.<sup>99</sup> Engku Bijaya dengan menggunakan alasan bahawa beliau merujuk kepada nasihat daripada orang yang tahu bahasa Inggeris, adalah kurang munasabah memakai nama *The S Tr* dan adalah memadai memakai *S.TR* untuk kereta Sultan Terengganu.<sup>100</sup> Dalam pada itu pula pihak pentadbiran Tentera Jepun di Terengganu membangkitkan soal bendera yang dipakai oleh Sultan, Tengku Ampuan, putera Sultan dan pegawai kerajaan supaya ditimbangkan semula warna bendera yang digunakan masing-masing supaya tidak timbul kekeliruan dengan bendera pegawai-pegawai Jepun. Perkara ini dimaklumkan oleh S. Ara kepada Abu Bakar Mustafa di Pejabat *Syuciji Kakka* pada 13 April 1942. Abu Bakar Mustafa memaklumkan perkara bendera ini kepada Dato' Bija Sura yang menjadi Pemangku Raja ketika itu, dan bersetuju mengeluarkan surat kepada putera Sultan, antaranya Tengku Ali dan Tengku Abdul Rashid supaya tidak lagi memakai bendera kerana kluatirkan timbul kesamaran dengan bendera yang dipakai oleh pegawai Jepun. Sultan Sulaiman Badrul Alam Syah diingatkan juga supaya tidak menggunakan bendera kuning-putih kerana warna itu dipakai oleh Jeneral Jepun. Bendera merah dipakai oleh Kolonel dan Mejar; warna hijau dipakai oleh Kapten dan Leftenan. Perkara bendera ini dibawa ke dalam pertimbangan ahli jawatankuasa dan memohon persetujuan Tengku Setia Raja, Omar bin Osman.<sup>101</sup> Setelah mendapat maklumat, Tengku Seri Setia Raja Omar bin Osman mempersembahkan kepada Sultan Sulaiman Badrul Alam Syah pada 26 April 1942 (9 Rabiul Akhir 1361), yang mana sebelum ini telahpun dinyatakan melalui mulut kepada baginda.<sup>102</sup> Sultan Sulaiman Badrul Alam Syah bersetuju perkara bendera ini diedarkan kepada jawatankuasa menimbaangkan warnanya supaya tidak menimbulkan kesamaran. Tentang bendera baginda dan Tengku Ampuan, Sultan Sulaiman Badrul Alam Syah akan menimbangkan sendiri warnanya, dan akan memastikan warna tersebut tidak akan menghilangkan asasnya.<sup>103</sup>

Dalam pertemuan Raja-Raja Melayu dengan putera Tokugawa dan pegawai Jepun yang berlangsung pada 13 April

1942 di Singapura mereka bersetuju menyumbang wang kepada pembinaan tugu peringatan tentera Jepun yang terkorban dalam perperangan di Tanah Melayu. Sultan Terengganu tidak terkecuali dalam persetujuan ini. Sebagai tindakan susulan atas persetujuan ini, pada 11 Jun 1942 (26 Jamadil Awal 1361/11 Jun 2602) Menteri Besar Johor, Ungku Abdul Aziz bin Abdul Hamid menghantar surat kepada Sultan Sulaiman Badrul Alam Syah Terengganu memaklumkan bahawa kerajaan Johor telahpun menjalankan pungutan derma tersebut. Dengan itu kerajaan Johor berharap kerajaan Terengganu juga menjalankan pungutan supaya wang tersebut dapat diserahkan kepada Putera Tokugawa yang akan pulang ke Tokyo tidak berapa lama lagi.<sup>104</sup> Engku Jaya Sura, Setiausaha Sulit Sultan dengan titah Sultan Sulaiman Badrul Alam Syah menjawab surat Menteri Besar Johor ini pada 24 Jun 1942 (10 Jamadil Akhir 1361) dengan menyatakan bahawa ingin mendapatkan anggaran perbelanjaan pembinaan tugu tersebut supaya mudah untuk membuat anggaran kutipan derma nanti.<sup>105</sup> Dalam pada itu *Syuciji* Terengganu yang mendapat maklumat tentang pungutan derma untuk membina tugu peringatan tersebut telah dilaksanakan di Johor, menyatakan persetujuannya kepada Sultan Sulaiman Badrul Alam Syah supaya memungut derma sebanyak 10,000 ringgit daripada orang Melayu Terengganu.<sup>106</sup> Dengan itu Sultan Sulaiman Badrul Alam Syah menjelaskan kepada *Syuciji* Terengganu bahawa baginda akan menjalankan pungutan wang daripada semua orang Islam di dalam negeri Terengganu.<sup>107</sup> Manakala Menteri Besar Johor hanya menjawab surat Engku Jaya, Setiausaha Sulit Sultan pada 11 Ogos 1942 (11 Ogos 2602) dengan menyatakan bahawa perbelanjaan pembinaan tugu tersebut adalah tergantung kepada pihak berkuasa Jepun. Pihak orang Melayu hanya menyumbangkan derma sekadar yang terdaya.<sup>108</sup>

Sebagai tindakan susulan ke atas pungutan derma ini, Engku Jaya Sura, Setiausaha Sulit Sultan mengedarkan surat arahan kepada pejabat kerajaan yang menyatakan bahawa kerajaan Terengganu dikehendaki mengemukakan 10,000 ringgit untuk pembinaan tugu peringatan di Bukit Timah, Singapura. Dalam arahan ini dinyatakan bahawa mereka yang telah menderma untuk membaiki jalan yang menghubungkan Geliga dengan Beserah tidaklah dikenakan lagi. Segala pungutan hendaklah dihantar kepada Pejabat Setiausaha Sulit

Sultan. Bersama-sama surat arahan ini dilampirkan surat salinan titah Sultan Sulaiman Badrul Alam Syah, yang berbunyi:

4 Julai 1942

Pungutan Wang Sebanyak \$10,000 [10,000 ringgit]

Untuk Kumpulan Perbelanjaan Membina

Bangunan Peringatan di Bukit Timah, Syonan

Bahawa adalah kita al-Sultan Sulaiman Badrul Alam Syah Terengganu menyatakan kepada rakyat-rakyat negeri Terengganu dan jajahan, iaitu adalah di dalam masa diadakan perjumpaan Yang Amat Mulia *Prince Tokugawa* di Syonan 13 April 2602 dengan Sultan-Sultan negeri Melayu, maka Sultan sekalian telah bersetuju membinakan di Bukit Timah (Syonan) suatu bangunan yang akan jadi peringatan dari semua orang-orang Melayu di Semenanjung ini bagi Tentera Dai Nippon yang telah mengorbankan jiwanya di dalam peperangan di Tanah Melayu. Oleh yang demikian hendaklah kita menjalankan pungutan yuran dari semua orang-orang Islam di dalam negeri dan jajahan Terengganu bagi menyediakan wang untuk perbelanjaan itu. Kita serukan kepada siapa-siapa yang ada berdaya upaya hendaklah memberi yuran seberapa kadar yang ikhlas menurut kelayakan masing-masing supaya dapat disempurnakan pekerjaan ini dengan segera dan dengan inilah menjadi sekuat-kuat dalil bagi menunjukkan dengan tidak syak lagi bahawa kita semua orang-orang Melayu bekerjasama dengan kerajaan Yang Maha Besar Dai Nippon. Adanya.<sup>109</sup>

Pada hari Sabtu, 6 Jun 1942 (6 Jun 2602), pukul 6.00 petang ahli jawatankuasa derma bermesyuarat di dewan, Pejabat *Syingishitsu* dan menimbangkan jumlah pungutan bagi tiap-tiap seorang seperti Jadual III.

Jumlah pungutan yang ditimbangkan ini dipersetujui oleh *Syuciji* Terengganu.<sup>110</sup> Dalam satu senarai nama ahli yang lain dalam jawatan kuasa pungutan derma tersebut juga dicatatkan jumlah yang akan dipungut oleh tiap-tiap orang. Senarai ini sudah mencatatkan jumlah yang berjaya dipungut oleh ahli tertentu dan juga baki yang belum dipungut. Senarainya adalah seperti Jadual IV.

**PENTADBIRAN TENTERA JEPUN, 1942-1943**

**Jadual III**  
Nama dan Jumlah Pungutan yang diputuskan

Bilangan	Nama	Jumlah (Ringgit)
1	Dato' Bija Sura	2,000.00
2	Dato' Sangsura Pahlawan	1,000.00
3	Haji Awang bin Khatib Ahmad	500.00
4	Haji Abdul Rahman	500.00
5	Haji Mahmud	500.00
6	Encik Mat bin Omar	800.00
7	Dato' Purba Wangsa	500.00
8	Haji Awang bin Haji Said	1,000.00
9	Wan Long bin Haji Embong	1,000.00
10	Haji Yusuf bin Haji Muhammad	500.00
11	Encik Muhammad bin Haji Ismail	500.00
12	Haji Yusuf Saudagar	500.00
13	Encik Muda bin Abdul Rahman	500.00
14	Wan Muda bin Ngah	1,000.00
15	Haji Wan Nik	1,000.00
16	Haji Yunus Kuala Berang	500.00
<b>Kemaman</b>		
17	Haji Tahir	10,000.00
18	Haji Wan Muhammad	5,000.00
19	Haji Awang bin Mat Kiah	1,500.00
20	Haji Wan Ngah	500.00
21	Engku Haji Mahmud	1,000.00
<b>Jumlah</b>		30,300.00

Sumber: SUK. Tr., 80/1361, Pertimbangan Mesyuarat Tentang Pungutan Derma, hari Sabtu, pukul 6.00 petang, pada 6.6.2602.

**Jadual IV**  
Senarai Nama Ahli-Ahli Jawatan kuasa

Bil.	Nama	Pungutan (Ringgit)	Jumlah Pungutan (Ringgit)	Baki (Ringgit)
1	Haji Su bin Haji Muhammad	10,000.00		
2	Haji Abdul Rahman Abdullah	5,000.00		
3	Haji Salleh	3,000.00		
4	Haji Abdul Rahman Banggol	1,000.00	300.00	700.00
5	Encik Muhammad Ali Muhammad	1,000.00	300.00	700.00
6	Encik Tahir	500.00	150.00	350.00
7	Encik Ali bin Muhammad Jana	750.00	300.00	450.00
8	Haji Sulong	750.00	150.00	600.00
<b>Jumlah</b>			22,000.00	

Sumber: SUK. Tr., 80/1361, List Nama Ahli-Ahli Komiti, t.t.

Walaupun ketetapan ditimbangkan untuk tiap-tiap seorang memungut derma daripada orang Islam di Terengganu tetapi dalam surat edaran, Sultan Sulaiman Badrul Alam Syah menegaskan derma tersebut adalah pada kadar keupayaan masing-masing.<sup>111</sup> Begitu juga dengan derma yang akan dikutip untuk dihantar kepada pihak Jepun bagi membina tugu di Bukit Timah, Singapura itu adalah terserah kepada jumlah yang dapat dikutip daripada orang Melayu. Perbelanjaan pembinaan tugu tersebut terserah kepada pihak berkuasa Jepun.<sup>112</sup>

Pihak jajahan pula setelah mendapat surat arahan daripada Setiausaha Sulit Sultan yang dititahkan oleh Sultan Sulaiman Badrul Alam Syah telah menjalankan pungutan masing-masing. Misalnya, Pegawai Daerah Marang mengiringkan surat berserta wang berjumlah 112 ringgit yang beliau pungut di sekitar bandar Marang kepada Setiausaha Sulit Sultan. Kebanyakan penduduk daerah Marang masih belum bersedia untuk menyumbangkan derma mereka. Namun Pegawai Daerah Marang berharap beliau akan dapat menghantar jumlah pungutan derma nanti setelah pungutan dijalankan ke atas penduduk di luar dari bandar Marang.<sup>113</sup>

Pada 4 Ogos 1942 (22 Rajab 1361/4 Ogos 2602) Sultan Sulaiman Badrul Alam Syah melantik Sheikh Hasan bin Said al-Yamani sebagai mufti kerajaan Terengganu. Dalam surat tauliah baginda, Sultan Sulaiman Badrul Alam Syah mencatatkan:

Bahawa adalah kita al-Sultan Sulaiman Badrul Alam Syah negeri Terengganu dan jajahan takluknya telah mentauliah dan menjadikan Sheikh Hasan bin Said al-Yamani mufti kerajaan Terengganu. Maka berkuasalah Sheikh Hasan bin Said al-Yamani dengan secukup-cukup kuasa pada menjalankan wazikah mufti kerajaan di dalam negeri dan jajahan Terengganu atas jalan syariah.

Kita wakillkan kepada Sheikh Hasan bin Said al-Yamani akan sebagai wakil khas bagi diri kita pada menjalankan pekerjaan dan perkara-perkara agama, dan boleh mengesyorkan apa-apa yang mendarangkan kebajikan dengan persetujuan kita.

Demikianlah sah dan nyata dimeteraikan mohor cop dan sain kita di atas ini.<sup>114</sup>

Pada 7 September 1942 (7 September 2602/26 Syaaban 1361) dengan titah Sultan Sulaiman Badrul Alam Syah, Setiausaha

Sulit Sultan, Syed Akil bin Abdul Rahman mengajukan surat kepada Tengku Indera Segara, Ketua Pejabat Polis Terengganu memaklumkan menaikkan bendera Sultan di atas tiang Bukit Puteri pada petang memegang puasa dan pada Hari Raya Fitrah (puasa), tahun 1942 kerana menghormati dan mentakzimkan hari yang mulia dalam agama Islam sebagaimana menurut istiadat yang lazim dilakukan pada tiap-tiap tahun.<sup>115</sup> Pada 8 September 1942 (8 September 2602), Sultan Sulaiman Badrul Alam Syah mengingatkan rakyat Terengganu supaya berpegang teguh kepada ajaran agama Islam, terlibat dalam pertanian, pertukangan perniagaan, dan rajin berkerja.<sup>116</sup>

Setelah menduduki takhta kerajaan Terengganu selama 22 tahun 14 hari, ketika berusia 48 tahun 3 bulan 1 hari, pada 24 September 1942, dalam bulan Ramadan (puasa),<sup>117</sup> Sultan Sulaiman Badrul Alam Syah mangkat di istana Timur, Padang Negara. Jenazah almarhum dibawa ke Istana Badariah, dan dibawa ke tanah permakaman pada 25 September 1942.

Tengku Ali, putera sulung Sultan Sulaiman Badrul Alam Syah dengan Tengku Ampuan Mariam dilantik sebagai Sultan Terengganu. Tengku Ali diputerakan di Kuala Terengganu, di sebuah rumah berhampiran dengan Bukit Puteri, dalam Kota Maziah pada hari Sabtu, 24 Januari 1915 (9 Safar 1333). Ketika dilantik sebagai pengganti ayahandanya, Sultan Ali berusia 27 tahun 8 bulan 1 hari. Perlantikan Tengku Ali di atas takhta kerajaan Terengganu diakui oleh pentadbiran Tentera Jepun. Dalam surat akuan yang dikeluarkan oleh pihak *Manabu Kuji Si Ju Kit* Terengganu, pentadbir Tentera Jepun mengaku menjadikan Tengku Ali sebagai Sultan Terengganu pada 25 September 1942. Begitu juga dalam ucapan *Su Ju Kit* kepada Tengku Ali pada 30 September 1942 (30 September 2602), antara lain menegaskan bahawa pihak pentadbiran tentera Jepun mengurniakan gelaran Sultan kepada Tengku Ali.<sup>118</sup> Tengku Ali telahpun dilantik oleh ahli Jemaah Mesyuarat Negeri sebagai Yang Dipertuan Muda Terengganu dan bakal Sultan dalam mesyuarat yang berlangsung pada malam Khamis 29 Januari 1942 (20 Ramadan 1350).<sup>119</sup> Sultan Ali dalam satu ucapan pada bulan September 1942, ketika menyeru rakyat Terengganu mematuhi ajaran agama Islam, mengerjakan suruhan Allah, dan meninggalkan tegahan-Nya; serta tolong menolong antara satu sama lain demi keamanan dan kesejahteraan bersama Asia Raya menyatakan:

Tuan-tuan sekalian sudah termaklum bahawa Seri Paduka ayahanda saya yang dikasihi al-Sultan Sulaiman Badrul Alam Syah telah mangkat (kembali ke rahmatullah) maka dengan kehendak Tuhan yang maha kuasa telah dilantik akan saya pengganti al-marhum seri paduka ayahanda saya itu menjadi Sultan bagi negeri Terengganu sebagaimana disahkan oleh surat akuan Tuan Terutama Syucokan yang disampaikan kepada saya.<sup>120</sup>

Pada 28 September 1942 (28 September 2602) Sultan Ali memberi tauliah pula kepada Sheikh Hasan bin Said al-Yamani sebagai Mufti Terengganu; berkuasa menjalankan wazifah pekerjaan mufti di dalam negeri Terengganu dan jajahan takluknya. Sheikh Hasan bin Said al-Yamani juga diberikan kuasa boleh mengesyorkan cadangan berkaitan dengan agama dan mendatangkan kebijakan dengan kebenaran Sultan.<sup>121</sup> Pentadbiran Jepun di Terengganu bersetuju melantik Sheikh Hasan bin Said al-Yamani sebagai Pesuruhjaya Agama Terengganu pada 12 Disember 1942 (12 Disember 2602); dan dengan ini perlantikan Sultan Terengganu sebagai Pesuruhjaya Agama sejak 26 Julai 1942 dibatalkan.<sup>122</sup> Sultan Ali menyatakan puas hati dan bersetuju dengan perlantikan tersebut.<sup>123</sup>

Pada 10 November 1942 (10 November 2602) Sultan Ali mengajukan surat kepada *Syucokan* Terengganu dengan melampirkan wang kutipan derma sebanyak 2,805 ringgit dan 88 sen yang dipungut sejak Sultan Sulaiman Badrul Alam Syah untuk pembinaan tugu peringatan tentera Jepun yang terkorban dalam perperangan di Tanah Melayu di Bukit Timah, Singapura. Sultan Ali mengharapkan wang ini akan disampaikan oleh *Syucokan* Terengganu<sup>124</sup> kepada Putera Tokugawa.<sup>125</sup> *Somubo-cho* Terengganu menulis catatan kepada Setiausaha Sulit Sultan menyatakan menerima sebuah bungkus yang dimeterai dan dikatakan mempunyai wang sebanyak 2,805 ringgit dan 88 sen untuk pembinaan tugu peringatan di Bukit Timah.<sup>126</sup>

Pada 29 Disember 1942 (29 Disember 2602), menjawab surat Sultan Ali bertarikh 24 Disember 1942 (24 Disember 2602), *Somubo* Terengganu memberi arahan tentang cop sultan, memakai bendera, membunyikan Nobat, dan cop negeri Terengganu. Tentang cop sultan *Somubo* menyatakan:

Nampaknya seal ini di-kehendaki di-pakai kerana jawatan. Lazimnya di-mana2 negeri pon seal jawatan tidak termasuk

nama2 orang oleh itu chontoh2 yang tuan telah hantar itu kita berstuju[bersetuju] memakai chontoh No. 1 serta di-buang-kan perkataan "Sultan Ali ibn Almarhum Sultan Suleiman" dan kita shorkan kepada tuan jikalau berstuju di-tengah2 seal di-masukkan hurof Kata Kana ia-itu "Trengganu Sultan".<sup>127</sup>

Pada contoh cop tersebut dicatatkan dalam tulisan jawi "Al-watik billah al-Sultan Ali ibn almarhum Sultan Sulaiman Badrul Alam Syah Terengganu sanat 1361".<sup>128</sup> Hasil daripada cadangan ini menyehabkan Sultan Ali ada menggunakan cop yang dicatatkan "Al-watik billah al-Sultan Terengganu" dalam bulatan kecil di dalamnya dan huruf kana di bulatan luar.<sup>129</sup> Di samping itu Sultan Ali juga memiliki cop yang dicatatkan "A-watik billah al-Sultan Ali Ibn Almarhum AlSultan Sulaiman Badrul Alam Syah Terengganu sanat 1361".<sup>130</sup>

Kemudiannya pentadbiran Tentera Jepun di Terengganu tidak membenar menaikkan bendera di Istana Kolam. Larangan ini dikeluarkan kerana pihak pentadbir Jepun tidak membenarkan negeri-negeri di Tanah Melayu menaikkan bendera. Pentadbiran Tentera Jepun berpendapat menaikkan bendera bukan sebahagian daripada agama. Sehubungan dengan itu arahan dikeluarkan supaya menurunkan bendera tersebut segera. Di samping itu pentadbiran Tentera Jepun juga mengeluarkan arahan melarang Sultan dan pegawai kerajaan memakai bendera Jepun atau kerajaan pada kereta masing-masing.<sup>131</sup> Namun begitu pihak Jepun akan mengeluarkan satu surat dalam huruf Jepun yang bererti "Terengganu Sultan" yang mana akan dilekatkan pada kereta sultan. Begitu juga dengan bunyian nobat, pihak Jepun tidak boleh menerima alasan yang bunyian nobat adalah untuk istiadat sultan. Pihak Jepun juga menyatakan yang bunyian nobat tidak ada kaitan dengan agama serta memahami bahawa agama melarangkan buni-bunyian. Dengan itu pentadbir Jepun tidak bersetuju bunyian nobat untuk perkara yang berkaitan dengan agama. Pihak pentadbir Jepun juga tidak membenarkan memakai lambang Kerajaan Negeri Terengganu yang berbentuk mahkota dan keris kerana pada tanggapannya bukan cop bagi keturunan sultan tetapi hanyalah cop bagi kerajaan dahulu. Oleh itu pemakaianya, seperti pada kereta tidak dibenarkan lagi.<sup>132</sup>

Namun begitu pentadbiran Tentera Jepun mengubah dasar kedudukan Sultan dalam persidangan Raja-Raja Melayu yang berlangsung di Singapura pada Januari 1943. Dalam pertemuan

ini jaminan diberi; antara lain Sultan akan dihormati oleh pegawai Jepun sebagai ketua agama. Dalam pertemuan ini Sultan Ali ikut serta. Sultan Ali berangkat ke Singapura bersama Tengku Seriwa, Encik Abdul Ghani dan dua orang pelayan; Sulong dan Pak Wei pada hari Khamis 14 Januari 1943 (14 Januari 2603). Rombongan ini tiba di Kemaman pada pukul 6.00 petang, Khamis 14 Januari 1943 (14 Januari 2603) dan bermalam di rumah Pesuruhjaya Kemaman. Pada hari Jumaat, 15 Januari 1943 (15 Januari 2603) pukul 10.00 pagi berangkat dari Kemaman, sampai di Kuala Lipis pada pukul 10.00 malam dan bermalam di rumah Pegawai Daerah Kuala Lipis, Tengku Mustafsa. Perjalanan diteruskan lagi pada pukul 11.00 pagi, hari Sabtu 16 Januari 1943 (16 Januari 2603) dan sampai di Selangor pada pukul 5.00 petang. Bermalam di Istana Mahkota Selangor selama dua malam. Pada hari Isnin, 18 Januari 1943 (18 Januari 2603) pukul 8.00 pagi rombongan Sultan Ali berlepas dari Selangor ke Syonan Tu, sampai pada pukul 10.00 malam dan bermalam di Hotel *Seaview*, Katung.<sup>133</sup>

Pada 20 Januari 1943 (20 Januari 2603), pukul 10.00 pagi Sultan-Sultan Melayu (Malai) berlepas dari Hotel *Seaview* untuk berjumpa Yang Terutama Panglima Agung Tentera *Dai Nippon* di kediamannya. Kedudukan kereta sultan-sultan dalam perangkatan ini; Johor, Perak, Selangor, Negeri Sembilan, Pahang, Kedah, Kelantan, Terengganu, Siak, Sumatera, dan Perlis. Dalam pertemuan tersebut sultan tunduk memberi hormat kepada Panglima Agung. Panglima Agung memberi ucapan dalam bahasa Jepun. Ucapan itu diterjemahkan ke dalam tulisan jawi. Sultan-sultan bergambar di sini. Kemudiannya sultan berangkat pula ke Rumah Kerajaan bertemu Gabenor di sini. Sekali lagi sultan-sultan Melayu bergambar di sini. Berikutnya rombongan sultan ini berangkat ke Bukit Timah memberi hormat kepada roh tentera yang mati dalam peperangan. Dan berikutnya berangkat pula ke tempat pemujaan orang Jepun dan tunduk memberi hormat. Kemudiannya rombongan sultan pulang ke Hotel *Seaview* menikmati jamuan makan tengah hari. Sekali lagi sultan bergambar di halaman Hotel *Seaview*. Pada pukul 8.00 malam sultan-sultan Malai menghadiri jamuan di Kelab Renang Katung.<sup>134</sup>

Pada 21 Januari 1943 (21 Januari 2603), pukul 10.30 pagi rombongan sultan tiba di Pejabat Besar untuk menerima hadiah

sebilah pedang dan sebuah bungkusan. Sultan mengikut susunan atur cara tunduk menerima hadiah masing-masing. Sementara itu ucapan yang bersemangat diberikan oleh Yang Terutama dalam majlis tersebut. Pada pukul 4.30 petang pula rombongan sultan menyaksikan pertunjukan gambar peperangan laut di Hawaii dan Malai serta serangan ke atas kapal perang *Prince of Wales*.<sup>135</sup> Pertunjukan ini kerana memuja dan memuliakan pahlawan-pahlawan Jepun yang telah gugur di dalam peperangan laut tersebut.<sup>136</sup> Kemudiannya sultan menghadiri jamuan makan secara Jepun.<sup>137</sup> Dalam satu jamuan malam, Sultan Johor, sebagai wakil Sultan, Raja-Raja Tanah Melayu, dan Sumatera memberi ucapan. Ucapan baginda adalah seperti berikut:

Bagi Pihak Seri Paduka saudara-saudara saya, sultan raja Tanah Melayu, dan Sumatera yang hadir di sini pada malam ini, saya mengambil kesempatan mengucap berbanyak terima kasih kepada Tuan Yang Terutama.

Saya sekalian ulangi memberi terima kasih kepada Tuan Yang Terutama kerana ucapan tuan pagi ini.

Saya sekalian sangat sukacita beroleh peluang berjumpa dengan Tuan Yang Terutama, istimewanya di majlis jamuan yang besar mewah ini.

Sekarang ini Tentera Diraja *Dai Nippon* telah beroleh kejayaan yang cermelang dalam Malai dan Sumatera. Maka orang-orang di dalam jajahan ini boleh duduk di dalam keamanan dan kemakmuran dengan bijak pemimpin dan tadbir tuan Yang Terutama. Yakinlah saya sekalian serta berdoa yang Tentera *Dai Nippon* akan mencapai kemenangan yang akhir di dalam peperangan di Asia Timur Raya ini. Saya sekalian dengan sukacita maklumkan yang saya sekalian akan bekerjasama seboleh-boleh dan berkhidmat kepada negeri-negeri saya sekalian menurut sebagaimana perintah Tuan Yang Terutama.<sup>138</sup>

Pada 22 Januari 1943 (22 Januari 2603), pukul 4.00 rombongan Sultan berangkat ke rumah Marquis Tokugawa menikmati jamuan teh. Pada waktu malamnya pula, pukul 8.00 sultan-sultan hadir dalam jamuan makan malam yang disediakan oleh orang Melayu kepada sultan-sultan di Kampung Gelam.<sup>139</sup> Dalam persidangan ini, Mejar General Nishioeda Hitoshi, Pengarah *Malay Military Administration* dan Letenan General Saito Yaheita, Ketua Turus Ketumbukan Tentera Tomi (*Commander-in-Chief of the Tomi Group Army*), masing-

masing menggesa Sultan supaya yakin kepada kerajaan Jepun dan mendorong rakyat negeri masing-masing menyokong dasar pentadbiran tentera Jepun. Sultan diberi jaminan bahawa kedudukan, kehormatan, dan harta mereka akan dilindungi. Mereka juga dikehendaki berkerjasama dengan Pegawai Tentera Jepun di negeri masing-masing.<sup>140</sup> Jaminan juga diberikan kepada sultan bahawa mereka akan dihormati oleh pegawai Jepun, diakui sebagai ketua agama dan akan dibayar gaji dan penceran seperti mana mereka nikmati sebelum pentadbiran Jepun.<sup>141</sup>

Sekembalinya di Terengganu Sultan Ali memaklumkan perkembangan yang berlaku ketika baginda bersama Sultan-Sultan Tanah Melayu dan Sumatera berada di Singapura. Di samping menyatakan Pemerintah Tentera Agung, Gabenor, dan pegawai-pegawai Jepun memberi layanan yang baik dan sempurna, baginda menegaskan bahawa Pemerintah Tentera Agung Jepun memberi tanggungjawab kepada sultan sebagai penolong pemerintah *Dai Nippon* dan dengan itu baginda merasakan adalah tanggungjawab baginda untuk memberi keterangan dan pemahaman. Sultan Ali juga menegaskan bahawa matlamat peperangan Jepun ialah satu tugas yang mulia untuk menghapuskan pemerintahan British dan Amerika yang mengikut hawa nafsu mereka dan untuk membina Asia bagi orang Asia dan membinakan keamanan yang kekal di Asia Timur dan hendak menolong mengamankan dunia. Sultan Ali berseru:

Kewajipan tuan-tuan sekalian daripada segala puak dan darat manusia mestilah berkerjasama serta menghapuskan segala mereka yang melawan akan *nippon* dan menetapkan keamanan serta taat mengikut ketetapan peraturan baharu supaya kita akan menjadi bersatu dengan sekuat-kuatnya. Barangkali ada juga khabar-khabar angin dakyah daripada pihak musuh yang menyusahkan hati tuan-tuan sekalian. Maka hendaklah kita mentetapkan keyakinan dan kepercayaan bahawa *nippon* bersedia untuk menghapuskan kiranya ada terjadi serangan balas daripada Inggeris atau Amerika pada tanah Malai dan Sumatera dan mustahil yang musuh itu boleh dapat balik lagi masa sekarang. Wajiblah kita pada masa sekarang hilangkan ingatan secara kehidupan zaman Inggeris dan Amerika dan hendaklah kita membinakan saraan hidup yang baharu dengan sempurna mengikut cara keadaan sendiri dengan tidak bergantung pada negeri luar. Di dalam bahagian agama Islam patutlah kita

mengucap setinggi-tinggi terima kasih kepada kerajaan *Dai Nippon* yang telah memberi sepenuh-penuh peluang untuk kita menjalankan agama kita dengan tiada sekali-kali diganggu.<sup>142</sup> Maka sultani-sultan tetaplah berkuasa dalam perkara agama seperti dahulu hendaklah kita menjalankan pekerjaan-pekerjaan agama dengan sempurna dan wajib taat pada undang-undang Islam. Maka jika kita tidak mendirikan agama pada hari ini hanyalah kesalahan dan ketafhiran itu di atas kita sendiri.<sup>143</sup>

Pada 5 April 1943 (5 April 2603) Sultan Ali sekali lagi menghantar wang pungutan derma yang dikutip untuk pembinaan tugu peringatan di Bukit Timah sebanyak 1,322 ringgit dan 35 sen kepada *Syucokan* Terengganu untuk dihantar kepada Putera Tokugawa.<sup>144</sup> *Somubu* Terengganu mengeluarkan resit kepada Sultan Ali menyatakan menerima jumlah wang tersebut.<sup>145</sup> Pada 17 Jun 1943 (17 Jun 2603), *Syucokan* Terengganu mengeluarkan surat akuan menggelarkan Tengku Ainul Jamil, isteri Sultan Ali sebagai Tengku Ampuan.<sup>146</sup> Seiringan dengan pengesahan ini Tengku Ampuan Ainul Jamil diberikan wang sara hidup berjumlah 4,800 ringgit setahun, yang mana berkuat kuasa mulai 17 Jun 1943 (17 Jun 2603).<sup>147</sup> Pada 2 September 1943 (2 September 2603), melalui telegram Sultan Ali memaklumkan kepada Sultan Pahang yang Tengku Ainul Jamil dikurniakan gelaran Tengku Ampuan Terengganu dengan elaun 400 ringgit sebulan.<sup>148</sup> Sultan Pahang yang menerima telegram tersebut bersyukur atas anugerah gelaran itu.<sup>149</sup> Surat pengurniaan gelaran Tengku Ampuan dan memberi elaun 400 ringgit sebulan diserahkan kepada Tengku Ainul Jamil di istana Kolam pada 17 Jun 1943 (17 Jun 2603), pukul 12.00 tengah malam.<sup>150</sup> Sehubungan gelaran ini, Setiausaha Sulit Sultan mengajukan surat kepada S. Ara pada 28 September 1943 (28 September 2603), meminta dipertimbangkan melengkapkan alat perkakas rumah untuk Tengku Ampuan Ainul Jamil.<sup>151</sup>

## Penerapan Nilai-Nilai Jepun

Ketika mengendalikan pentadbiran Terengganu, pemerintah Tentera Jepun menjalankan usaha menerapkan nilai-nilai Jepun di Tanah Melayu. Pada 31 Mac 1942 Pesuruhjaya Pendidikan Terengganu menghantar peringatan kepada Setiausaha Sulit

Sultan menyatakan bahawa pihaknya akan mengendalikan kelas bahasa Jepun<sup>152</sup> di bangunan bekas Sekolah Inggeris Sultan Sulaiman pada tiap-tiap hari kecuali hari Jumaat dan kelepasan pejabat. Kelas tersebut akan diadakan pada jam 7 hingga 8.30 pagi. Oleh itu pihak pendidikan mengharapkan masing-masing pejabat kerajaan akan menghantar nama pegawai untuk mengikuti kursus bahasa Jepun ini. Setelah senarai nama didapati pihak pendidikan akan membuat pilihan sebanyak lima puluh orang sahaja.<sup>153</sup> Pejabat Setiausaha Sulit Sultan menghantar senarai nama<sup>154</sup> dan Pejabat Pendidikan memilih Muhammad bin Haji Omar untuk mengikuti kursus bahasa Jepun yang bermula pada hari Isnin 18 Mei 1942 (18 Mei 2602) pada tiap-tiap hari mulai pukul 7.30 pagi.<sup>155</sup> Dengan itu Muhammad bin Haji Omar diarahkan mengikuti kursus bahasa Jepun tersebut.<sup>156</sup> Kemudiannya pada 20 Disember 1942 (20 Disember 2602) Pejabat Setiausaha Sulit menghantar Engku Bijaya Sura, Encik Abdul Fatah bin Ishak dan Tengku Mustaffa bin Ismail untuk mengikuti kursus bahasa Jepun mulai hari Isnin, 21 Disember 1942 (21 Disember 2602).<sup>157</sup>

Selain itu pada tiap-tiap 8 haribulan, perayaan menyambut permulaan perang (*Imperial Rescript Resolution of War*) diadakan di Kuala Terengganu. Pegawai kerajaan, wakil rakyat, pegawai polis, guru sekolah dan murid sekolah, dikehendaki hadir dalam upacara tersebut. Pada 8 Julai 1942 (8 Julai 2602) upacara begini telahpun diadakan di Padang Paya Bunga Kuala Terengganu. Untuk maksud ini, *Syuciji* Terengganu mengeluarkan arahan supaya hadir di Padang Paya Bunga, Kuala Terengganu pada 8 Ogos 1942 (8 Ogos 2602), jam 10.30 pagi, waktu Jepun untuk menyambut perayaan tersebut. Ingatan juga dibuat, tiap-tiap buah rumah pegawai kerajaan, sekolah, rumah sakit, dan semua rumah di dalam bandar memasang bendera Jepun. Atur cara yang disusun untuk perayaan pada 8 Ogos 1942 (8 Ogos 2602) adalah seperti berikut:

1. Permulaan membuka istiadat.
2. Sekalian yang hadir hendaklah tunduk kepala.
3. Memasang bendera.
4. Sekalian yang hadir hendaklah tunduk kepala menuju hala ke Istana Seri Maharaja *Nippon*.
5. Menyanyi lagu *Kimigayo*.

6. Sekalian yang hadir hendaklah tunduk kepala berdoa kepada arwah askar yang mati dalam perang dan berdoa kepada Tuhan supaya sekalian askar yang luka dan sakit dalam perang itu segera mendapat kepulihan dan berdoa mudah-mudahan Tuhan selamatkan perang - sekalian yang hadir tunduk satu minit.
7. Menyanyi lagu Aikoku Koshin Kyoku.
8. Sekalian yang hadir bersorak Banzai tiga kali.
9. Sekalian yang hadir tunduk kepala.
10. Majlis Kehormatan ditutup oleh Syuciji Kakka.<sup>158</sup>

Pihak Jepun juga meminda waktu tempatan. Pada 30 Mei 1942 (30 Mei 2602) Pejabat *Syuciji* Terengganu mengeluarkan pengisytiharan bilangan 8/2602, memaklumkan mulai dari tarikh pengisytiharan ini perjalanan waktu tempatan ditukarkan kepada waktu yang dipakai oleh kerajaan Jepun. Perselisihan waktu tempatan dengan waktu Jepun sebanyak satu setengah jam. Dengan itu semua penduduk di dalam di negeri Terengganu diarahkan bertindak demikian.<sup>159</sup>

Di samping itu pejabat *Syuciji* juga mengeluarkan peraturan pada 27 Jun 1942 (27 Jun 2602) yang menyatakan bahawa Hari Jadi Sultan Terengganu tidak dikira sebagai hari kelepasan. Namun demikian pihak *Syuciji* tidak berhalangan membenarkan pegawai kerajaan yang ingin hadir dalam upacara sambutan tersebut, seperti membaca doa selamat atau menjamu fakir miskin di masjid dengan mendapatkan sehari cuti daripada ketua pejabat masing-masing.<sup>160</sup> Dalam pada itu *Syuciji* juga mengambil perhatian terhadap sikap dan nilai pegawai kerajaan. Beliau tidak mahu pegawai kerajaan memberi ihsan kepada saudara mara atau menerima hadiah dalam menjalankan pekerjaan, kerana perbuatan ini akan menjatuhkan kehormatan diri pegawai dan menghilangkan kepercayaan rakyat terhadap mereka. Sikap dan nilai pegawai kerajaan ini dinyatakan oleh *Syuciji* Terengganu dalam pengisytiharan Kerajaan Terengganu, bilangan 4/2602, bertarikh 30 Jun 1942 (30.6.2602) seperti berikut:

1. Saya banyak duka-chita kadang2 saya ada dengar daripada luar ada Pegawai2 Kerajaan apabila ia menjalan-kan pekerjaan2-nya di-dapati ia mengguna-kan timbangan menurut hati-nya sendiri dengan jalan ber-ehsan dan

menimbang rasa kepada warith2 dan sahabat2-nya atau pon menerima hadiah wang atau barang2 daripada rakyat2 dan dengan bagitu menerbit-kan faedah kepada merika2 yang memberi hadiah itu. Maka perbuatan yang sa-umpama ini saya bimbang akan menghilang-kan kepercayaan raayat2 negeri dan menjatoh-kan kehormatan diri-nya kemdian hari kelak.

2. Oleh yang demikian saya harap sekalian Pegawai2 Kerajaan menjalan-kan pekerjaan masing2 dengan hati yang sechukop benar dan adil dan jangan-lah berchampor di-dalam perkara2 luar yaani private. Hendak-lah menjaga diri serta berhati berseh sepaya dapat menunjok-kan tauladan yang baik kepada orang2 raayat. Jikalau kita menjalankan kewajipan kita begitu baharu-lah dapat kita akan keperchayaan orang2 raayat lagi pon baharu-lah semporna pekerjaan mentadbir.
3. Yang demikian apabila kita dapat tahu sesiapa Pegawai2 Kerajaan melanggar nasihat ini maka orang2 itu tidak-lah akan di-ampon dan akan di-hukom dia dengan hukoman yang keras. Demikian-lah saya harap sekalian Pegawai2 Kerajaan hendak-lah menjaga diri sepaya memegang aturan2 dan tegahan ini ada-nya.<sup>161</sup>

Pihak pentadbir Jepun juga berusaha untuk mewujudkan jalinan persahabatan dan berkerjasama yang erat antara pegawai kerajaan supaya ia menjadi contoh kepada rakyat. Bagi mencapai matlamat ini Pejabat *Somubu* Terengganu mengeluarkan Pekeliling Kerajaan, bilangan 5/2602, bertarikh 27 Julai 1942 (27.7.2602) yang ditandatangani oleh *Syuciji*. Dalam pekeliling ini pegawai kerajaan dinasihatkan supaya memberi hormat kepada pegawai yang lebih kanan, terutamanya kepada pegawai dan tentera Jepun. Cara memberi hormat pula ialah dengan mengangkat tangan ke atas dahi atau memberi tabik; mereka yang menerima penghormatan itu hendaklah membalaik tabik juga. Bagi orang yang tidak memakai topi atau songkok beliau hanya dikehendaki menundukkan kepala sahaja.<sup>162</sup>

Kerajaan tentera Jepun juga menyambut hari kebesaran dan kelepasan Jepun di Tanah Melayu. Kelepasan am diberikan kerana menyambut hari bersamaan siang dengan malam (*Autumnal Equinox*). Oleh sebab hari kelepasan ini jatuh pada

24 September 1942 (24 September 2602), bersamaan dengan Hari Peladang Padi Jepun mengadakan istiadat mempersembahkan padi kepada Duli Yang Maha Besar Maharaja; dan Duli Yang Maha Besar Maharaja akan menunaikan sembahyang kepada almarhum kerabat baginda, mengucap kerana memewahkan hasil padi pada musim tersebut, maka penduduk di dalam negeri Terengganu dikehendaki menaikkan bendera (*Hinomaru*) mulai pukul 7.30 pagi waktu Jepun.<sup>163</sup>

Begitu juga dengan sambutan memuja semangat *Yasukuni* diadakan di Terengganu. Pada 22 Oktober 1942 (22 Oktober 2602) *Syucokan* Terengganu mengeluarkan pekeliling kerajaan bilangan 11/2602, menyatakan pada 23 Oktober 1942 (23 Oktober 2602) negeri Jepun akan mengadakan sambutan ulang tahun puja Semangat *Yasukuni* di rumah Pujaan Pasukuni, tempat pengebumian mayat pahlawan Jepun bagi memuja semangat pahlawan Jepun yang mengorbankan jiwa kerana bangsa, tanah air, dan Seri Maharaja. Dengan itu pada 23 Oktober 1942 (23 Oktober 2602) pegawai-pegawai dan kaki tangan kerajaan dikehendaki hadir di Padang pada pukul 10.00 pagi untuk istiadat pemujaan roh tentera Jepun yang terkorban. Tiap-tiap rumah diarahkan mengibarkan bendera kerajaan (*Hinomaru*).<sup>164</sup>

Pihak kerajaan tentera Jepun juga menyambut ulang tahun peperangan Asia dan mengisytiharkan cuti am. Pada 6 Disember 1942 (6 Disember 2602) *Syucokan* Terengganu mengisytiharkan cuti am pada 8 Disember 1942 (8 Disember 2602) kerana menyambut hari ulang tahun yang pertama Peperangan Asia Raya. Pada 9 Disember 1942 (9 Disember 2602) berbagai-bagai pertunjukan diadakan di Sekolah Jepun, Padang Paya Bunga, dan Padang Istana Maziah. Walaupun pejabat kerajaan tidak tutup tetapi mereka boleh dibenarkan hadir dalam sebarang pertunjukan yang diadakan.<sup>165</sup> Dalam pada itu hari kebesaran Islam seperti Hari Raya Puasa, Hari Raya Korban, Maulidul Rasul dan israk-mikraj diterima sebagai hari kelepasan am di Terengganu. Oleh itu ketika Hari Raya Korban jatuh pada hari Jumaat, 18 Disember 1942 (18 Disember 2602), *Syucokan* Terengganu mengisytiharkan bahawa kerajaan menetap hari Sabtu, 17 Disember 1942 (17 Disember 2602) sebagai cuti kelepasan am. Namun begitu ingatan dikeluarkan bahawa hari Khamis 17 Disember 1942 (17 Disember 2602) pejabat tidak tutup.<sup>166</sup>

PENTADBIRAN TENTERA JEPUN DAN THAI DI TERENGGANU, 1942-1945

Jadual V  
Jadual Hari Kelepasan Am 1943 (2603)

Bil.	Hari Kelepasan	Hari	Haribulan
1	Awal Tahun Kerajaan Nippon	Jumaat	1.1.2603
2	Hari Jadi Nenekanda Nenekanda Seri Maharaja Tenno Heika (Gensyisai)	Ahad	3.1.2603
3	Jamuan kerana awal tahun di istana Seri Maharaja Tenno Heika	Selasa	5.1.2603
4	Ulang Tahun Kejadian Kerajaan Dai Nippon	Khamis	11.2.2603
5	Ulangan Hari Kejatuhan Singapura dan Pembinaan Malai Baharu	Isnin	15.2.2603
6	Maulidul Rasul	Khamis	18.3.2603 (12.3.1362)
7	Hari Persamaan Jam siang dan Malam ( <i>Vernal Equinox</i> )	Ahad	21.3.2603
8	Ulang Tahun Duli Yang Maha Besar Tenno Heika Maharaja Jimmu	Sabtu	3.4.2603
9	Hari Jadi Duli Yang Maha Besar Seri Maharaja Tenno Heika	Khamis	29.4.2603
10	Hari Israk-Mikraj	Khamis	29.7.2603 (27.7.1362)
11	Hari Nasfu	Isnin	16.8.2603 (15.8.1362)
12	Hari bersamaan jam siang dan malam ( <i>Autumnal Equinox</i> )	Jumaat	24.9.2603
13	Hari Raya Puasa	Khamis	30.9.2603 (1.10.1362)
		Jumaat	1.10.2603 (2.10.1362)
		Sabtu	2.10.2603 (3.10.1362)
14	Hari <i>Kannamesai</i>	Ahad	17.10.2603
15	Ulang tahun Duli Yang Maha Besar Tenno Heika Maharaja Meiji	Rabu	3.11.2603
16	Hari Besar <i>Niinamesai</i>	Selasa	23.11.2603
17	Hari Raya Haji	Selasa	7.12.2603 (10.12.1362)
18	Ulangan hari mulai perperangan Asia Timur Raya	Rabu	8.12.2603
19	Ulangan tahu Duli Yang Maha Besar Tenno Heika Maharaja Taiso	Sabtu	25.12.2603

Sumber: SUK. Tr., 81/1361, "Jadual Hari-Hari Kelepasan Am", *Syucokan Terengganu*, 29.12.2602.

Pada 29 Disember 1942 (29 Disember 2602) *Syucokan* Terengganu mengeluarkan Jadual Hari Kelepasan Am Bagi Tahun 1943(2603). Jadualnya adalah seperti Jadual V.

Cuti dan sambutan juga diadakan oleh kerajaan tentera Jepun sempena permulaan tahun baru. Pada akhir tahun 1942 (2602), hari Khamis, 31 Disember 1942 (31 Disember 2602) suatu perhimpunan pegawai diadakan di Sekolah Jepun pada pukul 1.00 tengah hari. Dalam perhimpunan ini Yang Terutama memberi ucapan kepada pegawai-pegawai yang hadir tentang penghabisan pekerjaan pada tahun 1942 (2602). Selepas ucapan semua pegawai pulang ke rumah masing-masing. Pada 1 Januari 1943 (1 Januari 2603) adalah hari kelepasan am awal tahun. Dengan itu upacara *Syihohai* diadakan di Sekolah Jepun pada pukul 11.00 pagi. Dalam atur-cara istiadat ini, memberi hormat kepada Tuan Yang Terutama, istana Seri Maharaja, roh pegawai dan tentera Jepun, menyanyikan lagu *Kimigayo*, bersorak *banzai*, semua yang hadir tunduk memberi hormat, dan majlis bersurai.<sup>167</sup>

Selain itu, sambutan hari keputeraan Duli Yang Maha Besar, Baginda Seri Tenno Heika yang keempat puluh diadakan di Terengganu. Dalam upacara ini, Sultan Ali mewakili segala kerabat diraja, pegawai dan anak negeri serta rakyat Terengganu mengucapkan setinggi-tinggi syukur kepada Tuhan dan berdoa semoga Tuhan melanjutkan usia baginda dengan keadaan yang sihat dan berkekalan bersemayam di atas takhta kerajaan dan memerintah Asia Timur dengan berkekalan. Baginda juga mengucapkan terima kasih kepada pegawai-pegawai Jepun yang menguruskan pentadbiran di Terengganu dan kerana menjemput baginda serta pegawai-pegawai Melayu ke jamuan upacara tersebut.<sup>168</sup>



# 3

## Pentadbiran Thai, 1943–1945

KETIKA PEMERINTAHAN SULTAN ALI, TERENGGANU MENGALAMI perubahan dalam pemerintahan di mana pihak Jepun menyerahkan pentadbirannya kepada pihak Thai pada tahun 1943. Pentadbiran Thai di Terengganu telah menyebabkan sistem dan masa pentadbiran negeri mengalami perubahan. Begitu juga, perayaan menyambut ulang tahun yang dahulunya diambil daripada hari kebesaran Jepun kini bertukar kepada hari kebesaran Thai.

### Perpindahan Pentadbiran

Sekumpulan pegawai tentera Jepun telahpun merancang untuk menyerahkan negeri-negeri Melayu Kedah, Perlis, Kelantan, dan Terengganu kepada kerajaan Thai. Rancangan dan cadangan ini dipersetujui oleh persidangan Maharaja pada 5 November 1941. Perkara ini dan kemasukan tentera Jepun di Thailand hanya dikemukakan kepada Kabinet Thai pada 8 Disember 1941. Dalam tawaran ini pihak Jepun mensyaratkan kerajaan Thai mengisyiharkan perang ke atas Amerika dan Britain. Sekiranya kerajaan Thailand bersetuju, negeri-negeri Perlis, Kedah, Kelantan, dan Terengganu; juga beberapa kawasan di Burma akan diserahkan kepadanya. Walaupun demikian penyerahan wilayah tersebut hanya diluluskan dalam Persidangan Maharaja pada 31 Mei 1943. Pada 5 Julai 1943, ketika melawat Bangkok, Perdana Menteri Tojo dan Perdana Menteri Siam, Phibun

Songkhram telah membuat pengisytiharan bersama-sama bahawa kerajaan Jepun akan menyerahkan kembali wilayah Thai yang hilang dahulu.<sup>1</sup> Pihak Thailand menubuhkan Jawatankuasa terdiri daripada berbagai-bagai Kementerian yang diketuai oleh Menteri Luar Vichitra Vadhakarn untuk membincangkan perpindahan negeri-negeri tersebut. Dalam mesyuarat yang diadakan pada 7 Julai 1943 (7 Julai 2603), Jawatankuasa ini berpendapat tidak ada sebarang masalah untuk mengambil alih pentadbiran Kengtung dan Mongpan, kerana kawasan dalam negeri Shan ini pernah ditadbirkan oleh tentera Thai, tetapi perpindahan pentadbiran Kedah, Perlis, Kelantan, dan Terengganu akan menghadapi masalah. Oleh sebab menyedari adanya masalah maka Jawatankuasa ini akan bermesyuarat lagi.<sup>2</sup>

Pada 7 Julai 1943 (7 Julai 2603), Kuji Manabu, *Syucokan* Terengganu mengeluarkan surat pengisytiharan memaklumkan kepada penduduk Terengganu bahawa Kerajaan *Dai Nippon* telah menyatakan pada 5 Julai 1943 (5 Julai 2603), negeri Kedah, Perlis, Kelantan, dan Terengganu akan dipindahkan kepada kerajaan Thailand. Walaupun perpindahan dilakukan tetapi negeri-negeri ini masih lagi di dalam Lingkungan Kemakmuran Bersama Asia Raya dan kerajaan Jepun masih lagi berkuasa (menjadi 'Pertua') dan rakyat diingatkan supaya terus berusaha dalam pekerjaan masing-masing serta menyempurnakan Peperangan Timur Asia Raya.<sup>3</sup>

Setiausaha Sulit Sultan, Haji Ali juga ada menerima surat daripada Perdana Menteri Tojo pada 5 Julai 1943 (5 Julai 2603) di Singapura yang menyatakan bahawa Negeri-Negeri Kedah, Perlis, Kelantan, dan Terengganu dipindahkan di bawah pentadbiran kerajaan Thailand. Surat ini juga meminta semua sultan dalam empat buah negeri tersebut memberi taat setia dan kerjasama kepada kerajaan Thailand. Perpindahan ini pula dengan restu Maharaja Jepun, Teino Heika.<sup>4</sup> Perkara ini disembahkan pada pengetahuan Sultan Ali. Pada 11 Julai 1943 (11 Julai 2603), Setiausaha Sulit Sultan(Haji Ali) berjumpa S. Ara dan Acuka, Pemangku Gabenor, dan menyatakan bahawa Sultan Ali akan datang berjumpa pada 12 Julai 1943 (12 Julai 2603). Pada pukul 6.00 petang, 12 Julai 1943 (12 Julai 2603), Sultan Ali datang ke kediaman Pemangku Gabenor. Di sini mereka menikmati jamuan minuman teh. Dalam pertemuan ini Sultan Ali menyatakan seperti berikut:

Berkenaan dengan serahan pemerintahan negeri ini kepada kerajaan Thailand itu telah menjadi dukacita kepada saya oleh sebab baharu sahaja saya mendapat pimpinan dan bekerjasama dengan kerajaan Yang Maha Besar Teino Heika yang saya sangat-sangat puas hati dengan pemerintahan dan sekarang akan berpindah pula kepada kerajaan yang lain maka perubahan ini tidaklah dapat saya berkata lain lagi kerana perubahan itu pun dengan kehendak kerajaan Yang Maha Besar Seri Maharaja yang wajib ditaatkan dalam pada itu perasaan dukacita tidaklah mudah ditolak dalam peringatan saya. Dalam perkara taraf seorang sultan yang dilantik oleh kerajaan Seri Maharaja kepada saya yang bersamaan taraf juga dengan sultan yang lain di negeri-negeri Melayu. Maka saya telah bercadang membuat suatu surat kepada Yang Terutama supaya dapat timbangannya tuan Yang Terutama Pemerintah Agung Tentera di Syonan supaya dapatlah saya berada di dalam suatu keadaan yang sama dengan apa-apa kebebasan yang telah diberi kepada sultan di negeri-negeri Melayu yang lain dan surat itu saya harap dapat perhatian Tuan Yang Terutama negeri ini dengan perhatian yang saksama dan keadilan jua dan maksud ini saya katakan termasuk di dalam adat istiadat Melayu.<sup>5</sup>

Sultan Ali sangat berharap kedudukan sultan, adat istiadat Melayu, perkara agama, dan bendera diperhati dan dipertimbangkan oleh Yang Terutama Pemangku Gabenor sebelum pentadbiran Terengganu diambil alih oleh Kerajaan Thailand. Sultan Ali berangkat pulang pada pukul 7.00 petang.<sup>6</sup> Sultan Ali, setelah membandingkan dengan sultan Melayu di Negeri-Negeri Melayu merasakan bahawa baginda tidak mendapat segala keistimewaan yang dinikmati oleh sultan lain. Oleh sebab itulah baginda membangkitkan perkara ini kepada Yang Terutama Pemangku Gabenor Terengganu.<sup>7</sup>

Dengan itu dalam surat baginda bertarikh 14 Julai 1943 (14 Julai 2603), yang diserahkan dengan tangan kepada S. Ara pada hari yang sama, Sultan Ali meminta pertimbangan daripada Tuan Yang Terutama Pemangku Gabenor sebelum Terengganu dipindahkan kepada kerajaan Thailand. Perkara-perkara yang dibangkitkan ialah:

- (1) Darihal tempat ka-dudokan beta pada masa ini sudah-lah termaalom kepada Tuan maka harap-lah beta rumah istana Maziah itu dapat balek beta menggunakan bagi tempat kediaman beta.

- (2) Yang dipertua Ugama di-bawah tadbiran Sultan sendiri sebagaimana yang di-jalankan oleh Negeri Melayu yang lain sekarang dan membuat perhubungan dengan Kerajaan supaya katetapan sakalian hati raayat dan mendapat saperloh2 ka-amanan.
- (3) Taraf Sultan di-minta bersamaan dengan taraf yang di[beri] kepada Sultan2 di-tanah Malaya [Tanah Melayu] yang lain.
- (4) Pension karabat2 harap-lah di-timbangkan saperti sed[ia] (sebelum perang).
- (5) Adat istiadat bagi Sultan itu di-kekalkan.
- (6) Ka-tandaan saperti bendera pergunaan Sultan yang ka-[la]ziman bagimana yang ada di-gunakan oleh lain Sultan di-tanah Malaya.<sup>8</sup>

Pada 15 Julai 1943 (15 Julai 2603), Sultan Ibrahim Johor bersama-sama sembilan Sultan yang lain menyerahkan derma untuk Tentera Jepun dan Hospital Tentera Laut di Pejabat Tentera Jepun di Singapura. Derma ini adalah ekoran daripada lawatan Perdana Menteri Hideki Tojo di Singapura dan sebagai tanda sokongan atas kejayaan Jepun menegakkan keamanan di Asia.<sup>9</sup>

Dalam pada itu terdapat juga sekumpulan rakyat yang tidak bersetuju dengan langkah kerajaan Jepun menyerahkan Terengganu kepada Thailand. Antara alasan yang dikemukakan ialah rakyat telah merasakan sesuai dengan perjalanan dan pemerintahan Jepun; buruh-buruh pula berpendapat bahawa mudah mendapatkan pekerjaan dan wang kerana peluang pekerjaan banyak; ada juga yang yang berpendapat sementara perperangan, dan negeri belum aman adalah lebih sesuai negeri Terengganu diletakkan di bawah pentadbiran Jepun, pegawai-pegawai Melayu sudah memahami perjalanan pentadbiran Jepun serta sudah dapat membantu pegawai Jepun menjalankan pekerjaan dan pihak Jepun memberi kebebasan kepada agama dan adat Melayu.<sup>10</sup> Perkara ini disembahkan kepada Sultan Ali di kediaman baginda di Telaga Panchor, pada pukul 10.00 malam, 17 Julai 1943 (17 Julai 2603).<sup>11</sup>

Mufti Kerajaan Terengganu, Syeikh Hassan Yamani<sup>12</sup> juga mengajukan surat kepada Sultan Ali bertarikh 18 Julai 1943 (18 Julai 2603) menyatakan adanya perasaan kurang senang dengan perpindahan negeri Terengganu ke dalam pentadbiran kerajaan Thailand. Namun beliau menyatakan bahawa lahirnya

perasaan demikian bukanlah menandakan tidak mentaati arahan kerajaan Jepun tetapi sekadar memaklumkan kepada sultan, dengan harapan dapat dipanjangkan kepada pentadbiran Jepun. Mufti menegaskan bahawa beliau sentiasa menghebahkan berita perpindahan negeri Terengganu kepada kerajaan Thailand dan mengharapkan rakyat Terengganu tidak mengubahkan dasar berkerjasama untuk Kemakmuran Asia Timur Raya. Dalam pada itu Mufti mendapat maklumat bahawa terdapat ramai penduduk Terengganu menerima perpindahan itu dengan terpaksa. Beliau mengemukakan pandangan beberapa orang yang menjadi ikutan orang ramai seperti berikut:

- I. Kata merika: Negeri Trengganu ini walau pun telah menjadi ta'alok perentah Kerajaan Dai-Nippon ia-itu salah sabuah Negeri yang di-dapati-nya dengan kekuasaan pedang tetapi kami semua amat perchaya bahawa Kerajaan Dai-Nippon tidak hendak menjadi-kan ra'ayat Trengganu sebagai hamba a'bedi yang di-tebus, dan kami yakin benar bahawa Kerajaan Dai-Nippon mena'alok-kan kebenaran, membantu yang dzai'f, serta mendatang-kan kemá'amoran untuk bersama di-dalam lengkongan Timor Asia Raya, maka ketika itu pada pendapat kami tetap-lah kami menderita kerugian yang maha besar menakala kami dipimpin dan di-perentah oleh sabuah Kerajaan yang ia sendiri berhajat ka-pada pimpinan Penaong besar bagi Asia Timor ia-itu Kerajaan Dai-Nippon.
- II. Di-dalam bahagian Ugama pula kata merika kami amat-lah bersedih hati menakala kami telah sempat melihat di-Trengganu ini bahawa pengakuan Kerajaan Dai-Nippon hendak membantu Ugama Islam itu sebenar-nya telah dilaku-kan, lihat-lah sekarang bagimana perjalanan Ugama di-Trengganu ? Berapa banyak Sekolah Ugama yang telah terdiri di-dalam masa pemerentahan Kerajaan Dai-Nippon dan lain2 perubahan yang telah dapat di-saksi-kan oleh ramai dengan pertulungan Kerajaan Dai-Nippon, tetapi sebalik-nya pula berbagai2 perkhabaran yang menduka-kan hati telah kami mendengar dari kaum Islam yang mendiami di-bawah perentahan Thai kata merika hingga pakayan2 kaugama'an pun tidak di-benar-kan orang2 Islam memakai-nya. Bagitu-lah panjang lebar merika berkata di-dalam bahagian Ugama yang memada-lah di-sebut-kan

dengan rengkas sahaja di-sini, Demikianlah bunyi sungutan 95% dari-pada ra'ayat jelata Terengganu.<sup>13</sup>

Setelah mendapat surat ini, pada hari yang sama 18 Julai 1943 (18 Julai 2603), Sultan Ali mencatatkan di dalam memo untuk mendapatkan tindakan susulan daripada Setiausaha Sulit baginda tentang perkara yang dibangkitkan oleh Mufti ini.<sup>14</sup> Kedua-dua surat ini, surat mufti dan memo baginda, Sultan Ali membawa sendiri dan diberikan kepada Setiausaha Sulit baginda pada pukul 3.30 petang, 18 Julai 1943 (18 Julai 2603); serta menyatakan bahawa perkara ini adalah mustahak. Sultan Ali meminta supaya perkara ini dipanjangkan kepada kerajaan pentadbiran Jepun atau kepada S. Ara. Hendaklah dinyatakan dengan jelas bahawa Terengganu mentaati perintah Maharaja Teino Heika tentang penyerahan tersebut tetapi Terengganu tidak bersetuju dengan memindahkan Terengganu kepada pentadbiran Thailand. Setiusaha Sulit merasakan berat untuk memanjangkan perkara ini kepada kerajaan pentadbiran Jepun kerana beliau sendiri sudah menerima surat daripada Perdana Menteri Tojo yang menyatakan perpindahan negeri Kedah, Perlis, Kelantan, dan Terengganu kepada kerajaan Thailand.<sup>15</sup>

Pada 18 Julai 1943 (18 Julai 2603), pukul 5.00 petang Setiausaha Sulit Sultan datang ke rumah S. Ara berbincang tentang perkara yang dibangkitkan oleh Sultan Ali. Dalam perbincangan itu Setiausaha Sulit Sultan menunjukkan surat daripada Mufti kepada Sultan Ali bertarikh 18 Julai 1943 (18 Julai 2603); "Pindahan Pentadbiran Negeri Terengganu dari Kerajaan *Dai Nippon* kepada Kerajaan Thailand, 17.7.2603" dan "Peringatan, 12.7.2603". Semua surat ini yang mengandung perasaan tidak puas hati perpindahan Terengganu kepada pentadbiran kerajaan Thailand dibaca oleh S. Ara. Walaupun S. Ara menyedari perkara ini tetapi memandangkan telah ada perintah daripada Perdana Menteri Tojo maka perkara ini didiamkan sahaja. Namun perhatian diambil, sekiranya negeri-negeri lain, Kedah, Perlis, dan Kelantan juga tidak berpuas hati dengan penyerahan pentadbiran kepada kerajaan Thailand maka Terengganu boleh berkerjasama dengan mereka. Sekiranya Terengganu sahaja maka bantahan tidak akan berkesan. Hasil perbincangan ini disembahkan oleh Setiausaha Sulit Sultan kepada Sultan Ali pada pukul 11.00 malam, 18 Julai 1943 (18 Julai 2603).<sup>16</sup>

Pada 18 Julai 1943 (18 Julai 2603), Mufti mengarang surat yang dialamatkan kepada *Syucokan* Terengganu untuk ditandatangani oleh Sultan Ali. Surat ini diserahkan pula kepada Setiausaha Sulit Sultan. Dalam surat ini dicatatkan seperti berikut:

1. Dengan beberapa hormat saya mendahuli ma'af kira-nya saya tergelinchir kata.  
Tuan, satelah saya menjunjong dengan ta'at akan perentah tinggi dari General Tojo di-dalam perkara serahan Trengganu ka-pada Kerajaan Thai maka saya telah tiba balik ka-Trengganu dengan ingatan bahawa saya akan memanjang-kan perentah tinggi itu ka-pada ra'ayat Trengganu, dan demikian-lah saya telah berbuat pada masa sekarang.
2. Maka pada hari ini 18.7.2603 saya terima sepuchok surat dari-pada Mufti Kerajaan Trengganu sebagimana yang di-kembar-kan bersama ini merupa-kan perasa'an orang ramai. Dan sabenar-nya saya sendiri pun menerima sungutan yang seperti itu juga, maka ini di-angkat-kan bagi ma'aloman Kerajaan.
3. Di-dalam pada itu saya dan ra'ayat Trengganu samua-sedia ta'at dan tetap menjunjong perentah tinggi ada-nya.<sup>17</sup>

Pada 21 Julai 1943 (21 Julai 2603), pukul 4.00 petang Setiausaha Sulit Sultan datang berjumpa S. Ara di pejabatnya. Dalam pertemuan ini S. Ara memaklumkan bahawa Tuan Yang Terutama tidak berhajat bertemu dengan Sultan Ali untuk berunding tentang perkara yang dibangkitkan itu. Juga dimaklumkan bahawa Sultan Ali mengambil berat di atas hal dan kemahuan rakyat serta memaklumkan perkara ketidakpuasan hati ini kepada kerajaan pentadbiran Jepun dan menyatakan bahawa ianya bukanlah mengingkari perintah Perdana Menteri Tojo. Namun dalam tindakan ini adalah lebih baik negeri Kedah, Perlis, Kelantan, dan Terengganu bersatu. Sekiranya sebuah negeri sahaja membuat bantahan maka ia tidak akan memberi kesan. Oleh itu adalah baik dihantar wakil kerajaan Terengganu ke negeri Kedah, Perlis, dan Kelantan untuk mendapat berita tentang perpindahan pentadbiran ini. Dengan itu pada pukul 5.00 petang, 21 Julai 1943 (21 Julai 2603), Setiausaha Sulit Sultan mengadap Sultan Ali

menyembahkan hasil rundingan beliau dengan S. Ara. Sultan Ali menitahkan supaya dipanggil pembesar negeri bermesyuarat pada malam itu juga. Dengan itu arahan dikeluarkan mesyuarat pada pukul 10.30 malam, 21 Julai 1943 (21 Julai 2603), untuk mengadakan di Telaga Panchur.<sup>18</sup>

Pada 21 Julai 1943 (21 Julai 2603), pukul 11.00 malam, mesyuarat diadakan di Telaga Panchur. Mesyuarat yang diketuai oleh Sultan Ali ini dihadiri oleh Tengku Seriwa Raja, Dato' Nara Diraja, Dato' Sangsuran, Dato' Bentara Rakna, Dato' Purba Wangsa, Dato' Balai, Haji Ali (Setiausaha Sulit Sultan), dan Tengku Bentara Dalam. Mesyuarat ini mengambil keputusan untuk mengajukan surat rayuan rakyat tentang rasa tidak puas hati terhadap pemindahan Terengganu kerajaan daripada Thailand kepada kerajaan pentadbiran Jepun sekiranya negeri-negeri lain, Kedah, Perlis, dan Kelantan membuat tindakan yang sama. Sebelum menghantar surat tersebut seorang-orang kepercayaan sultan hendaklah dihantar ke Kedah, Perlis, dan Kelantan untuk mendapat khabar mengenai sikap mereka ke atas perpindahan negeri masing-masing. Mesyuarat juga berpendapat sekiranya hanya sebuah negeri yang membuat bantahan maka bantahan itu tidak akan dilayan atau ditimbangkan oleh pihak berkuasa.<sup>19</sup> Pada 22 Julai 1943 (22 Julai 2603), Sultan Ali bercakap-cakap dengan wartawan Jepun dari Singapura, M. Kayujima di Padang Negara, dari pukul 1.00 tengah hari hingga pukul 2.00 petang.<sup>20</sup> Pada 26 Julai 1943 (26 Julai 2603), pukul 12.30 tengah hari Setiausaha, Sulit Sultan memaklumkan keputusan mesyuarat 21 Julai 1943 (21 Julai 2603) kepada S. Ara. S. Ara akan berbincang semula tentang perkara ini.<sup>21</sup>

Pada 1 September 1943 (1 Ku Gatsu 2603), Sumubu Terengganu menulis surat kepada Setiausaha Sulit Sultan menyatakan bahawa Sultan Ali dibenarkan memasang bendera pada kereta baginda, dan bendera itu hendaklah bermaksud sebagai tanda ketua keturunan sultan dan bukan sebagai tanda ketua yang berkaitan dengan jawatan sultan. Perkara ini dimaklumkan untuk perhatian *Kempetai* dan *Kembitai*. Permohonan untuk menaikkan bendera Sultan di Bukit Puteri tidak diluluskan oleh pentadbir Jepun.<sup>22</sup> Namun begitu Sultan Ali memohon lagi supaya pihak Jepun membenarkan tindakan menaikkan bendera di pekarangan istana baginda, di Kolam dan Telaga Panchur.<sup>23</sup>

Pada 9 Ogos 1943 (9 Ogos 2603) Tengku Bentara Dalam, Dato Nara Diraja, Dato' Sangsuran, Dato' Bentara Rakna, Dato' Bija Wangsa, dan Dato' Panglima Dalam, kesemuanya bekas pegawai kerajaan negeri Terengganu, dalam sepucuk surat kepada Setiausaha Sulit Sultan merayu agar Sultan Ali membawa surat rayuan mereka kepada kerajaan untuk mempertimbangkan bayaran elauan sara hidup mereka. Oleh sebab elauan mereka telah dibatalkan oleh kerajaan Jepun, mereka menghadapi masalah untuk menampung hidup masing-masing kerana mereka tidak berharta. Sebelum ini, pada 20 September 1942 (20 September 2602), mereka telah mengajukan surat kepada kerajaan *Dai Nippon* untuk mempertimbangkan pemberian semula elauan mereka, tetapi tidak mendapat jawapan. Melalui surat tersebut mereka berharap Sultan Ali akan memanjangkan hasrat mereka kepada kerajaan *Dai Nippon*.<sup>24</sup> Sebagai memenuhi hasrat Dato'-Dato', Sultan Ali bersetuju meranjangkan surat tersebut kepada S. Arai bersama-sama memo baginda bertarikh 14 September 1943 (14 September 2603) untuk dipertimbangkan.<sup>25</sup> Memo Sultan Ali kepada S. Arai yang dikembarkan dengan rayuan Dato'-Dato' hanya dihantar pada 20 September 1943 (20 September 2603).<sup>26</sup>

Pada 11 Ogos 1943 (11 Ogos 2603), Kabinet Thailand meluluskan perjanjian Thai-Jepun tentang perpindahan empat negeri Melayu dan dua negeri Shan.<sup>27</sup> Begitu juga dengan *Privy Council* Jepun meluluskan perjanjian Thai-Jepun pada 18 Ogos 1943 (18 Ogos 2603).<sup>28</sup> Dengan itu pada 20 Ogos 1943 (20 *Haci Gitsu* 2603) Kerajaan Siam dan Kerajaan Jepun menandatangani perjanjian di Bangkok; Thailand diwakili oleh Phibun Songkhram dan Jepun oleh Teiji Tsubokami, duta besar Jepun di Thailand.<sup>29</sup> Perjanjian ini mencatatkan bahawa kerajaan Jepun akan menyerahkan Kedah, Perlis, Kelantan, Terengganu, dan kawasan Kengtung dan Mongpan dalam wilayah Shan di Burma kepada Thailand.<sup>30</sup> Tentang kenapa Jepun menyerahkan Kedah, Perlis, Kelantan, dan Terengganu dapat dilihat pemberitahu kerajaan Terengganu bilangan 12, bertarikh 7 Julai 1943 (7 Julai 2603) yang berbunyi:

Sebabnya itu semata2 menurut perikatan persahabatan yang baik diantara[di antara] Negeri *Dai Nippon* dan Negeri Thailand, dan supaya membala budi kepadanya yang berushakan [berusahakan] dirinya kepada pekerjaan pendirian Lengkongan

Kema'moran[kemakmurian] Bersama Asia Timor Raya, dan lagi menurut semangat supahan[sumpahan] Nippon supaya menguatkan lagi diatas asas pekerjaan Pendirian Lengkongan Kema'moran Bersama Asia Raya.<sup>31</sup>

Alasan tersebut mencerminkan bahawa kerajaan Jepun memenuhi janji tahun 1941 dan sebagai tanda ucapan terima kasih kepada kerajaan Thailand kerana membenarkan kerjasama kepada Jepun ketika mereka melancarkan serangan ke atas Tanah Melayu. Dalam Perjanjian ini Thailand dan Jepun "...berazam dengan sekuat-kuatnya hendak berkerjasama dengan rapat menjalankan perperangan yang sama melawan Amerika Syarikat dan Empayar British hingga jaya dan menujuhkan lingkungan kemakmuran bersama Asia Timur Raya yang berdasarkan keadilan telah semuanya bersetuju atas perkara-perkara yang berikut":<sup>32</sup>

Fasal pertama *Nippon* mengiktiraf persatuan negeri-negeri Kelantan, Terengganu, Kedah, dan Perlis serta pulau-pulau yang di bawah perintah negeri-negeri itu ke dalam sempadan Thai.

Fasal kedua, *Nippon* mengiktiraf persatuan kawasan-kawasan Kentong dan Mongpan dalam negeri Shan ke dalam sempadan Thai. Fasal ketiga, *Nippon* akan memberhentikan pentadbiran dalam sempadan-sempadan yang tersebut dalam fasal-fasal pertama dan kedua dalam masa 60 hari dari tarikh mulanya berjalan kuat kuasa perjanjian ini.

Fasal keempat, had-had sempadan yang tersebut dalam fasal-fasal pertama dan kedua akan menurut had-had sempadan kawasan-kawasan itu pada tarikh Perjanjian itu ditandatangani.

Fasal kelima, keterangan yang lanjut berkenaan dengan pelaksanaan perjanjian ini akan diputuskan menurut rundingan di antara pihak-pihak berkuasa yang berkenaan dalam kedua-dua negeri yang tersebut (Nippon dan Thai).

Fasal keenam, kuat kuasa Perjanjian ini akan mula berjalan pada tarikh menandatangani Perjanjian ini.<sup>33</sup>

Pada 28 Ogos 1943 (28 Ogos 2603), Marquis Tokugawa melawat Terengganu. Kedatangannya disambut oleh Sultan Ali dan pegawai kerajaan Terengganu. Satu jamuan teh diadakan pada pukul 6.00 petang, 28 Ogos 1943 (28 Ogos 2603), di Padang Negara. Pada sebelah malamnya pula diadakan jamuan makan di Istana Badariah. Jamuan ini diserikan lagi dengan persembahan gamelan. Marquis Tokugawa tinggal beberapa hari di Terengganu.<sup>34</sup>

Pada 1 Oktober 1943 (1 Oktober 2603) beberapa orang pegawai Thai datang ke Terengganu menyiasat pentadbiran Terengganu. Berikutnya pada 6 Oktober 1943 (6 Oktober 2603), pegawai-pegawai Thai tiba di Terengganu.<sup>35</sup> Sultan Ali menyambut rombongan ini dengan memberikan jamuan di Istana Maziah pada 7 Oktober 1943 (7 Oktober 2603).<sup>36</sup> Pada 7 Oktober 1943 (7 Oktober 2603), pukul 5.00 petang, waktu Jepun, pegawai Thai menerima harta kerajaan yang diserahkan oleh pegawai Jepun. Upacara ini diikuti dengan jamuan teh oleh Sultan Ali di Padang Negara pada pukul 5.00 petang (waktu Jepun). Pada malamnya pula, pukul 8.30 malam Sultan Ali memberikan jamuan nasi kepada kira-kira 30 orang. Perbelanjaan jamuan teh dan nasi berjumlah \$608.16. Jamuan teh dengan berbagai-bagai jenis kuih; bagi jamuan nasi pula disediakan lauk daging, ikan, sup bersama-sama dua jenis kari (gulai), dan empat jenis sambal. Di samping itu disediakan juga air limau, puding, buah-buahan, dan kopi susu.<sup>37</sup> Pada 8 Oktober 1943 (8 Oktober 2603), pukul 10.30 pagi diadakan upacara di tugu peringatan orang-orang Jepun yang meninggal dunia; pukul 11.30 pagi diadakan pula sembahyang mengingati roh mereka yang meninggal dunia. Pada 10 Oktober 1943 (10 Oktober 2603), Syucokan memberikan jamuan makan tengah hari pada pukul 1.30 tengah hari kepada ketua-ketua kaum, pegawai Jepun, Thai, Melayu dan Sultan di Istana Maziah. Pada malamnya pula Sultan Ali membalias jamuan yang diberikan oleh Syucokan. Jamuan ini dihadiri juga oleh pegawai Jepun, Thai, dan Melayu.<sup>38</sup> Jamuan ini sebagai ucapan perpisahan kepada pegawai-pegawai Jepun yang akan meninggalkan Terengganu.<sup>39</sup>

Pada 15 Oktober 1943 (15 Oktober 2603), Gabenor dan pegawai-pegawai Thai tiba di Terengganu untuk mengambil alih teraju pentadbiran.<sup>40</sup> Pada 18 Oktober 1943 Terengganu, Kedah, Perlis, dan Kelantan diletakkan di bawah pentadbiran Thailand. Pentadbiran Tentera Thai di Kedah, Perlis, Kelantan, dan Terengganu di bawah Gabenor General dan tiap-tiap negeri, masing-masing di bawah Gabenor Thai.<sup>41</sup> Di Paya Bunga, Kuala Terengganu diadakan upacara rasmi bermula pentadbiran Thai di Terengganu pada 18 Oktober 1943 (18 Oktober 2603). Negeri Terengganu diserahkan oleh Kerajaan Jepun kepada Kerajaan Thai pada pukul 11.50 pagi, 18 Oktober 1943 (18 Oktober 2486).

## Pentadbiran, Peraturan, dan Pelaksanaan

Pada 15 September 1943, seiring dengan pelantikan Ketua dan Pentadbir tiap-tiap negeri Melayu Kedah, Perlis, Kelantan, dan Terengganu, Kerajaan Thai mengeluarkan pengisytiharan pentadbiran negeri Kedah, Perlis, Kelantan, dan Terengganu. Dalam pengisytiharan itu, keempat-empat negeri Melayu akan diletakkan di bawah pentadbiran Tentera Thai. Hal-ehwal pentadbiran akan diuruskan oleh seorang pentadbir. Ketua pentadbir pula secara langsung akan mengawasi pentadbiran di keempat-empat negeri. Pentadbiran tiap-tiap negeri pula akan dinasihati oleh Pegawai Pemerintah Tentera. Tiap-tiap pentadbir negeri diberi kuasa memilih corak pentadbiran masing-masing yang dirasakan paling sesuai dengan penduduk dan keadaan negeri tersebut. Penasihat pentadbir hendaklah membantu Ketua Pentadbir dalam pentadbiran, dan Ketua Pasukan Polis pula membantu Ketua Pentadbir dalam hal kepolisian.<sup>42</sup> Mereka yang dilantik ialah: Ketua bagi empat buah negeri, Mejar General Kamol Srabhaishiradhi Karan Jotikasathien; Kedah, Mejar Polis Chong Charaen; Penasihatnya, Kapten Momrajuorgse Chalermlarf Tharenog; Pemerintah Pasukan Polis, Kolonel Polis Chaiam Limjat dan Ketua Pesuruhjaya Perdagangan ialah Tavil Kuptarak. Bagi tiap-tiap negeri pula dilantik ketua pentadbir masing-masing; Perlis, Charn Na Songkhrma; Kelantan, *First Lieutenant* Charn Charanchaichakar dan Terengganu, Kolonel Prayoon Ratanakich.<sup>43</sup> Dewan Rakyat Thai yang bersidang meluluskan usul bahawa kerajaan Thai mempunyai kuasa melantik pegawai pentadbir empat buah negeri Melayu dan dua buah negeri Shan daripada anak tempatan. Langkah ini diambil untuk mengelakkan berlakunya kekecohan dalam pentadbiran kerana penduduk tempatan tidak biasa dengan pentadbiran Thai.<sup>44</sup> Walaupun pentadbiran tentera Thai mengambil alih teraju pemerintahan tetapi pihak Jepun masih berkuasa dalam bidang perusahaan, pengangkutan, dan keamanan. Polis Tentera Jepun boleh menangkap tanpa merujuk kepada pihak berkuasa Tentera Thai.<sup>45</sup>

Setelah pentadbiran tentera Thai mengambil alih teraju pentadbiran Negeri Terengganu pada 18 Oktober 1943 (18 Oktober 2486), pejabat Kerajaan Terengganu mengeluarkan surat pengisytiharan bilangan 1/2486, bertarikh 18 Oktober 1943 (18 Oktober 2486) yang ditandatangani oleh Kolonel

Prayoon Ratanakich, Gabenor Thai, Terengganu menyatakan penyerahan tersebut, dan menyeru semua kakitangan kerajaan meneruskan pekerjaan masing-masing seperti sediakala dan taat kepada segala arahan pihak berkuasa Thai. Jaminan diberikan bahawa kerajaan Thai tidak akan memecat mereka tetapi akan mengambil berat ke atas kebajikan mereka.<sup>46</sup> Pemerintah Tentera Thai, Nai Praphana Badalung, pemangku Gabenor Terengganu mengeluarkan arahan pada 19 Oktober 1943 (19 Oktober 2486) supaya bendera Thai dinaikkan di tiap-tiap Pejabat Kerajaan dari pukul 8.00 pagi hingga pukul 6.00 petang waktu Thai.<sup>47</sup> Pada 19 Oktober 1943 (19 Tulakhom 2486) Pesuruhjaya Tinggi Tentera mengeluarkan peraturan menetapkan kekuasaan negeri dan rakyat negeri Kedah, Perlis, Kelantan, dan Terengganu. Peraturan diedarkan dengan alasan untuk mewujudkan perjalanan pentadbiran dengan sempurna dan memberikan kesenangan kepada rakyat dengan kadar seberapa segera. Dalam hal ini, Pesuruhjaya Tinggi Tentera Thai berkuasa ke atas pentadbiran negeri Kedah, Perlis, Kelantan, dan Terengganu. Namun begitu beliau boleh memberikan kuasa kepada sultan dalam negeri masing-masing dalam bidang-bidang tertentu. Selain itu pegawai kerajaan atau mereka yang berkerja dengan kerajaan kini berkhidmat pula di bawah Pesuruhjaya Tentera Thai atau pegawainya. Sultan masih dikekalkan; dan jaminan keselamatan serta kesenangan diberikan kepada penduduk. Segala undang-undang yang digunakan sebelum ini akan diteruskan, melainkan yang bercanggah dengan faedah pentadbiran Tentera Thai, sama ada diberhentikan atau dipinda. Semua perkara yang berkaitan dengan agama akan dihormati dan tidak diganggu perjalanannya. Akhirnya peraturan ini memberikan kesempatan kepada penduduk tempatan membantu pegawai-pegawai awam dan tentera. Selain itu penduduk tempatan diharapkan juga menjaga keamanan dan tidak melakukan sesuatu yang bercanggah dengan perjalanan pentadbiran tentera Thai.<sup>48</sup>

Pegawai-pegawai tempatan yang bertugas pada masa pentadbiran Jepun masih bertugas masa pentadbiran Thai. Antaranya termasuklah Dato' Jaya Perkasa, Tengku Biji Wangsa, Tengku Paduka Raja, Tengku Pekerma Raja, Tengku Jaya Pekerma, Tengku Seri Akar Raja, Che Mohd. Hashim bin Dato' Dewangsa, Dato' Indera Pahlawan, Tengku Ibrahim bin Tengku

Lela, Dato' Sangsura Pahlawan, Engku Bija Sura, dan Che Mohd. Khalid bin Abdul Rahman.<sup>49</sup>

Pada 28 Oktober 1943 (28 Oktober 2486), Pejabat Maklumat yang mendapat perintah daripada Pemangku Gabenor, P. Nai Badalung memaklumkan kepada Setiausaha Sulit Sultan bahawa Gabenor Jeneral bagi empat buah negeri Melayu yang di bawah pentadbiran Thai akan datang ke Terengganu pada hari Jumaat 29 Oktober 1943 (29 Oktober 2486). Dalam kunjungan tersebut Gabenor General akan bertemu dengan sultan dan kerabat di Istana Kolam pada pukul 4.00 petang 29 Oktober 1943 (29 Oktober 2486). Sempena dengan kunjungan ke Istana Kolam bersama 20 orang pengiring, Pejabat Maklumat mengharapkan pihak sultan akan mengadakan jamuan teh. Pada pukul 7.00 malam pula Gabenor General menjemput Sultan dan Setiausaha Sulit Sultan ke Istana Maziah untuk menikmati jamuan sempena kedatangan Gabenor General ke Terengganu. Perhatian juga diberikan supaya Sultan mengucapkan selamat tinggal kepada Gabenor General yang akan pulang dari Terengganu pada 31 Oktober 1943 (31 Oktober 2486).<sup>50</sup> Pada 28 Oktober 1943 (28 Oktober 2486) juga, Pemangku Gabenor P. Nai Badalung mengeluarkan pengisytiharan melalui Pejabat Maklumat mengenai lawatan Gabenor General ke Kuala Terengganu pada 29 Oktober 1943 (29 Oktober 2486). Ketika lawatan ini, pada sebelah pagi 30 Oktober 1943 (30 Oktober 2486), Gabenor General bersama Pemangku Gabenor akan melawat tempat askar Thai, Pejabat Besar Kerajaan, Pelajaran, Odit, Ukur, Pejabat Tanah, Tanaman, Perhutanan, Mahkamah, Maklumat, dan Hospital. Pada sebelah petang pula, mulai pukul 2.30 petang Gabenor General akan melawat Pejabat Kerja Raya, Kastam, Bandaran, Kawalan Makanan, Pejabat Pos, dan akhirnya melawat bandar Kuala Terengganu. Ketua-ketua pejabat diarahkan menyambut kedatangan Gabenor General di pejabat masing-masing. Begitu juga ketua-ketua pejabat diminta mengucapkan selamat jalan kepada Gabenor General yang akan berangkat pulang dari istana Maziah pada pukul 6.30 petang, 31 Oktober 1943 (31 Oktober 2486).<sup>51</sup> Oleh masih didapati sebab penduduk Terengganu yang memanggil negeri dan orang Thai itu dengan panggilan negeri dan orang Siam, maka pejabat maklumat mengeluarkan pengisytiharan bilangan 4/2486, bertarikh 30 Oktober 1943 (30 Oktober 2486) menuntut supaya penduduk Terengganu

memanggil Negeri dan Orang Thai, kerana panggilan ini sudah lama diubah.<sup>52</sup>

Dalam pertemuan dengan Gabenor General pada 29 Oktober 1943 (29 Oktober 2486), Sultan Ali menyatakan kegembiraan kerana dapat berjumpa dengan Gabenor serta mengharapkan pegawai Thai dan tempatan dapat berkerjasama dan saling membantu supaya kemakmuran dan keamanan Terengganu dapat dikekalkan. Di samping itu Sultan Ali juga membangkitkan beberapa perkara untuk pertimbangan kerajaan Thailand, iaitu tentang pakaian dan mata pencarian anak negeri, keamanan Terengganu, pelajaran anak negeri, mengaturkan pekerjaan pejabat, perjalanan pejabat agama, dan adat istiadat raja.<sup>53</sup> Pada 30 Oktober 1943 (30 Oktober 2486), pukul 7.45 pagi bendera kerajaan Terengganu dikibarkan di Telaga Panchur dengan dihadiri oleh pegawai anak negeri dan 15 orang pegawai Thai. Upacara ini berakhir dengan jamuan minuman pagi.<sup>54</sup> Sultan Ali dalam satu ucapan ketika lawatan Gabenor General menyatakan bahawa sebagai ketua kerabat dan Melayu Terengganu baginda tanpa sebarang syak mengalu-alukan kunjungan Pesuruhjaya Agung Empat Buah Negeri (Gabenor Jeneral) ke Terengganu. Baginda juga menyatakan bahawa Terengganu sudah lama mempunyai hubungan persahabatan dengan kerajaan Thailand.<sup>55</sup> Ucapan ini kemudiannya diterjemahkan ke bahasa Inggeris untuk diserahkan kepada Gabenor General.<sup>56</sup>

Kemudian pada 1 November 1943 (1 November 2486) gelaran Gabenor General ditukarkan kepada Pesuruhjaya Tinggi Tentera Thai Bagi Empat Buah Negeri (*The Military High Commissioner of Four States*); di tiap-tiap negeri pula, jawatan Gabenor ditukarkan kepada Pesuruhjaya Tentera negeri masing-masing.<sup>57</sup> Empat buah negeri, Kedah, Perlis, Kelantan, dan Terengganu diletakkan di bawah pentadbiran Pesuruhjaya Tinggi Tentera (*Khaluang Thahan Besar*), Major General Kamol Srabhaisiradhikaran Jotikasathien; penasihatnya pula ialah Kapten Momrajuorgse Chalermlarf Tharenog.<sup>58</sup> Di tiap-tiap buah negeri dilantik Pesuruhjaya Tentera (*Khaluang Thahan Pracharm Rath*) untuk menguruskan pentadbiran negeri bagi membantu Pesuruhjaya Tinggi Tentera. Pentadbiran Kedah, Perlis, Kelantan, dan Terengganu ini di bawah jagaan Phibun Songkhram.<sup>59</sup>

Pada 1 November 1943 (1 November 2486) P. Nai Badalung, pemangku Pesuruhjaya Tentera Thai Terengganu mengeluarkan pengisytiharan bahawa mulai hari tarikh pengisytiharan tersebut, jawatan Gabenor Terengganu ditukarkan kepada Pesuruhjaya Tentera Thai.<sup>60</sup> Begitu juga jawatan Gabenor General bagi empat buah negeri ditukarkan kepada Pesuruhjaya Tinggi Tentera bagi empat buah negeri.<sup>61</sup> Pada 2 November 1943 (2 November 2486) Marshal P. Phibun Songkhram, Pemerintah Agung Tentera (*Military Commander-in-Chief*) mengeluarkan pengisytiharan tentang membawa atau menghantar masuk atau keluar wang kertas atau syiling kerajaan asing atau Thai dari atau ke Kedah (Saiburi), Perlis, Kelantan, dan Terengganu. Pengisytiharan itu berbunyi:

2. Di-tegah-kan sesiapa membawa atau menghantar masok ke-dalam empat buah jejahan iaitu Saiburi[Kedah], Perlis, Kelantan, dan Trengganu, akan mana2 wang tidak di-kirakan sama ada wang Kerajaan Thai atau wang Kerajaan Asing melain-kan orang2 yang telah mendapat surat kebenaran daripada pegawai2 yang berkuasa....
3. Di-tegah-kan sesiapa keluar atau menghantar keluar akan wang2 negri Asing daripada empat buah jejahan iaitu Saiburi, Perlis, Kelantan, dan Terengganu masok kepada Negri Thai melain-kan orang2 yang telah mendapat surat kebenaran daripada pegawai yang berkuasa....
5. Mana2 orang yang tidak mengikut atau bantah perentah2 ini akan di-hukom-kan dan wang2 di-jadi-kan rampasan.<sup>62</sup>

Walaupun demikian kepada mereka yang mempunyai surat perjalanan (*pasport*), tiap-tiap seorang boleh membawa bersama-samanya membawa masuk ke dalam negeri Saiburi (Kedah), Perlis, Kelantan, dan Terengganu atau ke negeri Thailand wang Kerajaan Negeri-Negeri Selat (*Straits Dollar*) atau wang *Nippon* tidak melebihi 400 ringgit atau bagi satu keluarga yang memakai satu surat perjalanan boleh membawa bersama-sama mereka jumlah wang yang tidak melebihi 1,000 ringgit. Begitu juga ditegah membawa wang kerajaan Thailand, kecuali mendapat surat kebenaran daripada pihak berkuasa ke dalam negeri Kedah, Perlis, Kelantan, dan Terengganu.<sup>63</sup> Pada 16 November 1943 (16 November 2486), Nai Praphan Na

Badalung, Pemangku Pesuruhjaya Tentera mengeluarkan pengisytiharan memansuhkan pengisytiharan bilangan 16, bertarikh 2 Ogos 1943 (2 Ogos 2486) yang menegah membuat manisan kelapa dan berkuat kuasa pada hari pengisytiharan ini dikeluarkan.<sup>64</sup> Memandangkan negeri Terengganu menghadapi kekurangan makanan, maka pada 2 Disember 1943 (2 Disember 2486) Pemangku Pesuruhjaya Tentera Terengganu, Nai Praphana Badalung mengeluarkan pengisytiharan melarang membawa keluar barang makanan dari negeri Terengganu. Sekiranya ada sesiapa yang melanggar peraturan ini, jika bersabit dengan kesalahan ini akan dihukum dengan beratnya.<sup>65</sup>

Pada 17 Disember 1943 (17 Disember 2486), Kerajaan Thai membuat persiapan untuk menyerahkan pentadbiran negeri Kedah, Perlis, Kelantan, dan Terengganu kepada sultan masing-masing. Sultan akan menjadi ketua negeri dan Tentera Thai sebagai Penasihat. Kerajaan Thai juga akan membentuk Sistem Perbandaran (*Municipal System*) dalam bandar besar tiap-tiap negeri.<sup>66</sup> Dalam masa pemerintah Tentera Thai Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri dikenali sebagai *Montri Sapha*. Sultan dalam Majlis Mesyuarat Kerajaan bersetuju membatalkan surat keterangan diri (*passport*) yang mereka dapat sejak beberapa tahun yang lalu sehingga 31 Disember 1943 (31 Disember 2486). Mulai 1 Januari 1944 (1 Januari 2487), surat keterangan diri yang baru dengan bayaran 2 ringgit boleh didapati di Pejabat Polis Besar, Kuala Terengganu. Surat kebenaran ini akan tamat pada tiap-tiap akhir tahun dan boleh diperbaharui semula pada awal Januari tiap-tiap tahun di Pejabat Besar Polis. Bagi mereka yang memiliki pasport dan ingin keluar dari negeri Terengganu dikehendaki mendapatkan surat kebenaran berjalan yang dikeluarkan oleh pegawai polis Thai di Pejabat Besar Polis, Kuala Terengganu tanpa sebarang bayaran. Surat kebenaran berjalan ini hanya dikeluarkan kepada mereka yang telah memiliki pasport sahaja dan menunjukkan pasport tersebut ketika memohon surat kebenaran berjalan. Sekiranya terdapat sesiapa yang keluar masuk negeri Terengganu tanpa surat kebenaran, apabila bersabit dengan kesalahan tersebut akan dikenakan hukuman menurut undang-undang pasport bilangan 4/1342. Berikutnya pengisytiharan bilangan 24/1350 bertarikh 30 Mac 1932 (21 Zulkaedah 1350) mengenai bayaran pasport terbatal.<sup>67</sup> Pada 20 Disember 1943 (20 Disember 2486) wang kiriman dilancarkan antara Terengganu dengan dengan

Kedah, Perlis, dan Kelantan serta negeri lain di Tanah Melayu. Wang kiriman telegraf pula antara Terengganu dengan Kelantan.<sup>68</sup>

Memandangkan sudah ada pegawai Thai yang menyewa bilik Hotel Terengganu dengan kadar 24 ringgit sehari semalam untuk lapan buah bilik; dan ini dirasakan akan membebankan belanjawan kerajaan, pada 25 Disember 1943 (25 Disember 2486) Setiausaha Kerajaan Terengganu mengajukan surat kepada Pemilik Hotel Terengganu Tengku Embong Fatimah binti Omar supaya membenarkan kerajaan menyewa semua hotel tersebut. Walaupun tidak dinyatakan jumlah sewa yang akan ditawarkan tetapi Setiausaha kerajaan memaklumkan bahawa Tengku Embong Fatimah telahpun menyewakan sebuah rumahnya di belakang hotel tersebut dengan kadar 85 ringgit sebulan. Di samping itu Setiausaha Kerajaan juga menyatakan bahawa segala perbelanjaan pelayan, tukang masak dan elektrik akan ditanggung oleh kerajaan.<sup>69</sup> Tengku Embong Fatimah menyatakan persetujuannya menyewakan Hotel Terengganu kepada kerajaan tetapi menimbulkan persoalan tentang kadar sewa bulanan yang akan ditawarkan nanti. Beliau menyatakan bahawa rumah di belakang hotel itu berbeda dengan Hotel Terengganu. Rumah tersebut belum sempurna siap dan disewakan sekadar tidak mahu rumah ditinggalkan kosong begitu sahaja. Beliau juga menyatakan bahawa tawaran sewa adalah sebagaimana yang telah diterima oleh kerajaan sebelum ini, iaitu 24 ringgit sehari semalam untuk 8 buah bilik. Beliau timbulkan perkara ini kerana pendapatan daripada Hotel Terengganu itu menjadi punca pendapatannya yang utama untuk menampung sara hidup keluarganya. Wang pencen yang beliau dapati tidak mencukupi; hanya boleh membeli beras, gula, dan minyak sahaja. Sementara itu harga barang meningkat hingga 50 kali ganda. Oleh itu Tengku Embong Fatimah mengharapkan pertimbangan yang adil dan murah daripada kerajaan kerana kalau kadar sewa tersebut lebih rendah daripada perjanjian yang sudah dibuat akan "...jatuh kepada kesusahan dan tiada cukup belanja pada masa ini sangatlah dibimbangkan hilang kelayakan dan maruah saya [Tengku Embong Fatimah] seorang daripada kerabat perempuan yang lemah".<sup>70</sup>

Setiausaha Kerajaan Terengganu memaklumkan kepada Tengku Embong Fatimah bahawa Hotel Terengganu akan disewa oleh kerajaan dengan kadar 200 ringgit sebulan dan pegawai Thai hanya akan menduduki Hotel Terengganu sehingga 31 Januari 1944 (31 Januari 2487). Selepas dari tarikh ini Hotel Terengganu tidak terikat lagi dengan kerajaan.<sup>71</sup> Cadangan sewa yang dikemukakan serta tanggungan pelayan, tukang masak dan elektrik oleh kerajaan ini diterima oleh Tengku Embong Fatimah.<sup>72</sup> Jumlah sewa Hotel Terengganu untuk bulan Oktober, November, Disember 1942 (2486), dan Januari 1943 (2487) sebanyak 666 ringgit dan 66 sen.<sup>73</sup>

Pada 26 Februari 1944 (26 Februari 2487/3 Rabiul Awal 1363) Setiausaha Kerajaan Terengganu mengeluarkan pengisytiharan bilangan 4/2487, berkenaan tentang sorok barang keperluan di Terengganu. Dalam pengisytiharan ini ahli-ahli perniagaan diingatkan supaya jangan menyorotkan kain baju dan barang keperluan supaya mereka yang berupaya dan berhajat boleh membeli barang tersebut. Tentang harga barang terserahlah kepada persetujuan antara pembeli dengan penjual. Barangsiapa yang mengingkari arahan ini akan dikenakan hukuman yang berat.<sup>74</sup>

Pada 1 Mac 1944 (1 Mac 2487) kerajaan Terengganu melancarkan *Post Office Saving Bank*. Pegawai kerajaan Terengganu khasnya dan orang ramai umumnya digalakkan menyimpan wang mereka pejabat pos. Jumlah simpanan hendaklah tidak kurang daripada satu ringgit dan tidak boleh melebihi 5,000 ringgit dalam satu kira-kira pada tiap-tiap seorang penyimpan. Namun demikian jumlah wang simpanan boleh ditambah dengan persetujuan Penguasa Pos. Para penyimpan tertakluk kepada undang-undang simpanan bank (*saving bank*) kerajaan Terengganu bilangan 1/1363, yang berkuat kuasa pada 21 Februari 1944 (21 Februari 2487/27 Safar 1363). Para penyimpan akan diberikan faedah sebanyak tiga peratus bagi simpanan yang melebihi satu ringgit. Dalam pada orang ramai diminta menghubungi Pejabat Bank Simpanan Pos di tempat yang berhampiran untuk mendapatkan maklumat dan keterangan lanjut.<sup>75</sup>

Pada masa pemerintahan Tentera Thai ini, sesiapa yang hendak keluar dari negeri Terengganu diwajibkan mengambil surat kebenaran atau pasport. Syarat ini adalah lanjutan daripada peraturan yang telah dijalankan selama ini pada masa

pentadbiran Tentera Jepun. Apabila Sultan Ali dan Tengku Ampuan Ainul Jamal berserta pengiring ingin berangkat ke Pekan dalam bulan Mei kerana menghadiri upacara pengurniaan gelaran Tengku Mahkota kepada Tengku Ahmad<sup>76</sup> mereka mendapatkan pasport terlebih dahulu. Mereka yang mengiringi Sultan Ali ke Pekan, Pahang ialah Tengku Seriwa Raja, Tengku Abdul Rahman Petra, Tengku Bentara Dalam, Tengku Su binti Osman, Dato' Panglima Dalam, Dato' Bentara Rakna, Haji Ali bin Omar, Che Abdul Ghani bin Ishak, Long bin Ibrahim, Tengku Chik bin Man, Hamid bin Abdullah, Jabar bin Abdullah, Latif bin Abdullah, Abdullah bin Salleh, dan Omar bin Awang.<sup>77</sup> Mereka yang mengiringi Tengku Ampuan Ainul Jamal ialah Che Piah binti Ali, Che Aminah binti Abu Bakar, Zaharah binti Awang Chik, Safiah binti Awang, Rabiah binti Haji Taib, Che Janib binti Awang Kechik, Maimunah binti Abdullah, Auni binti Abdullah, Hitam binti Abdullah, Janib binti Abdullah, Zabidah binti Abu Bakar, Kamaliah binti Ali, Fatimah binti Muhammad Ali, Hindun binti Ali, Sabariah binti Salleh, Siti Zainab binti Sheikh Abdul Kadir, Ismail bin Muhammad, Kasmas, Che Ali bin Long, Che Lehalah binti Muhammad Akib, Hamidah binti Hassan, Muzmi binti Hassan, dan Muhammad bin Ali.<sup>78</sup> Sultan Ali dan Tengku Ampuan Ainul Jamal serta para pembesar masing-masing menaiki kereta *Vauxhall* dan *Morris* ke Pahang.<sup>79</sup>

Pasport yang mereka gunakan adalah di dalam tulisan Jepun dan bahasa Melayu. Ianya pula ditandatangani dan dicapkan oleh Malai Gunseikanbu Terengganu Renrakusho. Dalam surat kebenaran atau pasport ini seseorang itu dikehendaki memenuhi maklumat seperti tempat tinggal, pekerjaan, nama, dan umur. Selain itu di dalam surat ini diperlukan juga menyatakan tujuan perjalanan, tempat berlepas, melalui, tempat yang dituju, tempoh, dan tarikh.<sup>80</sup> Surat kebenaran Sultan Ali semuanya dicatatkan dalam tulisan Jepun. Di dalamnya dicatatkan nama Sultan Ali bin Sultan Sulaiman dalam tulisan rumi dan jawi.<sup>81</sup>

Begitu juga ketika Sultan Ali dan rombongan berangkat ke Kelantan pada 26 Jun 1944 (26 Jun 2487), baginda dan ahli rombongan mendapatkan surat kebenaran. Surat kebenaran ini dikeluarkan dalam dua bahasa, Jepun dan Thai. Dalam perjalanan ke Kelantan itu, rombongan Sultan Ali singgah di Rumah Tumpangan di Besut. Keberangkatan Sultan Ali dan

akan santap di Rumah Tumpangan ini dimaklumkan kepada penjaga Rumah Tumpangan, Che Muda bin Muhammad Yusuf. Pegawai Daerah Besut, Che Abdul Rahman bin Haji Salleh, walaupun tidak dimaklumkan tentang keberangkatan Sultan, tetapi setelah mendapat tahu bahawa Sultan Ali akan berangkat ke Besut daripada Che Muda, mengarahkan Che Muda menyiapkan santapan tersebut. Pegawai Daerah dan masing-masing pegawai lain menjangkakan rombongan Sultan Ali berangkat pada pukul 10.00 pagi dan akan sampai ke Besut pada pukul 12.00 tengah hari. Pegawai Daerah menunggu kedatangan rombongan Sultan Ali pada 26 Jun 1944 (26 Jun 2487) hingga pukul 2.00 petang. Oleh kerana beliau terlibat sebagai hakim dalam perbicaraan, dan saksi yang datang dari jauh maka beliau tidak dapat menyambut kedatangan rombongan Sultan Ali yang tiba pada pukul 3.15 petang. Walaupun demikian setelah selesai perbicaraan, Pegawai Daerah dan Che Ismail, Pegawai Polis Daerah berangkat ke Rumah Tumpangan mengadap Sultan Ali.<sup>82</sup>

Di Rumah Tumpangan tersebut Sultan Ali dihidangkan dengan nasi, sayur, ikan, ayam, kuih, buah-buahan, dan minuman. Perbelanjaan persiapan santapan diraja ini adalah seperti dalam jadual VI.

Jadual VI  
Perbelanjaan Santapan Diraja Di Rumah  
Tumpangan Besut, 26 Jun 1944(26 Jun 2487)

Barangan	Harga (RM)
80 biji telur untuk membuat kuih	20.00
2 kati setengah gula pasir	25.00
1 kati gula kerana menggoreng kopi	10.00
Ikan-ikan dan sayur-sayuran	12.00
Rempah-ratus	23.00
Beras dua gantang	12.00
Tambang beca perg balik ke Kuala Besut	4.00
lima ekor ayam	25.00
Buah-buahan	6.00
Jumlah	137.00

Sumber: SUK, Tr., 21.1363, Penjaga Rumah Tumpang, Muda bin Muhammad Yusuf kepada Setiausaha Sulit, 28 Jun 2487.

Ketika berada di Kelantan, Sultan Ali akan tinggal di rumah yang disediakan oleh Sultan Ismail Kelantan.<sup>83</sup> Pesuruhjaya Besut mengajukan surat kepada Setiausaha Sulit Sultan menyatakan bahawa bagi pihak rakyat Besut beliau ingin meminta maaf atas sebarang kekhilafan dan kekurangan dalam persediaan keberangkatan Sultan Ali.<sup>84</sup>

Ketika pentadbiran Tentera Thai, terdapat Taman Hiburan di Kuala Terengganu yang dikendalikan oleh Show Beng Cheng dan Thai Sey Kay. Taman Hiburan Show Beng Cheng dibina lebih awal daripada Taman Hiburan Tai Say Kai. Mengikut peraturan yang ditetapkan oleh Pesuruhjaya Tentera Terengganu Taman Hiburan itu tidak boleh mengadakan permainan yang sama, supaya tidak timbul sebarang perselisihan antara kedua-dua pihak.<sup>85</sup> Tauke Toh Keng Toy atau kongsinya mendapatkan kebenaran membuka Taman Hiburan Tai Say Kai di Lot 709, Kampung Padang daripada Sultan Ali. Pada 27 Ogos 1944 (27 Ogos 2487) Sultan Ali<sup>86</sup> membuat surat perjanjian dengan Toh Keng Toy memberi kebenaran membuka Taman Hiburan tersebut dengan bayaran sewa 6,000 ringgit sebulan. Segala pembinaan rumah atau bangsal di dalam Taman Hiburan itu adalah dalam tanggungan Toh Keng Toy atau kongsinya.<sup>87</sup> Taman Hiburan ini dijangka akan dibuka pada 1 Disember 1944 (1 Disember 2487); tetapi pihak penaja ingin mencepatkan pembukaannya, iaitu pada 10 November 1944 (10 November 2487), maka pembinaan dan buruh dipertingkatkan.<sup>88</sup> Taman Tai Say Kai ini juga dikenali dengan nama *Happy World*.

Taman Hiburan *Happy World* mengemukakan sebelas perkara permainan yang akan dijalankan di dalam Taman Hiburannya. Permainan tersebut ialah Tikam 12 Meja (bermacam-macam permainan tikam), Hua Hway satu meja, Loteri Lumba Kuda, Tiankau satu meja (Kayu Hitam), Pakau satu meja, Cap Jiki satu meja, Bungan Empat satu meja, Mata Sepuluh satu meja, Kocok tiga meja, Mancuk empat meja dan Pair dua meja.<sup>89</sup> Daripada jumlah permainan yang dipohon hanya empat sahaja yang diluluskan oleh Ketua Polis Thai, Terengganu. Oleh sebab itu pihak *Happy World* memohon jasa baik Sultan Ali supaya memanjangkan harapan mereka kepada Ketua Pegawai Polis Thai, Terengganu supaya membenarkan permainan Tiankau atau Kayu Hitam. Sultan Ali memanjangkan perkara ini kepada Ketua Pegawai Polis Thai pada 14 November

1944 (14 November 2487). Dalam surat itu, Sultan Ali menyatakan bahawa permainan Kayu Hitam yang dipohonkan kebenaran itu hanya akan dimainkan oleh orang Cina sahaja dan akan diadakan di dalam sebuah bilik khas. Baginda menyokong permohonan permainan Tianshui atau Kayu Hitam ini diluluskan dengan alasan mereka telah banyak mengeluarkan wang dalam pembinaan Taman Hiburan itu. Sultan Ali menyatakan:

...judi Tianshui ini jika dibenarkan khas kepada orang2 China sahaja yang akan bermain dan dia akan mengadakan satu bilik khas bahagian ini, maka oleh di-timbangkan dia telah banyak mengeluarkan perbelanjaan kerana membuat *show* itu kuat lah sokonganbeta akan permohonan nya itu dan harap dengan pertolongan tuan memberi kabenaran khas meluluskan permainan judi Tianshui (kayu hitam) didalam *show* itu.<sup>90</sup>

Pesuruhjaya Polis Thai Terengganu, Major P. Kirtiputra membalas surat Sultan Ali yang memohon kebenaran permainan judi kayu hitam bertarikh 14 November 1944 (14 November 2487) pada 29 November 1944 (29 November 2487/ 29 Paresachikayon 2487) dengan menyatakan:

Di-nyata-kan ia-itu Kerajaan Thai tiada hendak mengada-kan peratoran bermain judi dalam negeri Trengganu dan telah pon saya ma'alom kepada pengtahuan tuan dan telah juga sembahkan kepada Sultan siap telah chukop faham. Tetapi sebagaimana pon jika Sultan niat sesunggoh hendak mengada-kan jenis judi yang di-nyata-kan itu pehak Kerajaan Thai tiada hendak mengalang-kan.<sup>91</sup>

Taman Hiburan Tai Say Kai yang baru berjalan telah mengangkat surat lagi kepada Sultan Ali memohon supaya baginda mempengaruhi Pesuruhjaya Polis Thai menahan kelulusan permainan judi yang diminta oleh Taman Hiburan Show Beng Cheng. Permohonan ini dibuat kerana pihak Taman Hiburan Tai Say Kai berpendapat beberapa permainan judi yang dipohon kelulusan oleh Taman Hiburan Show Beng Cheng sudah pun diadakan di Taman Hiburan Tai Say Kai. Juga adalah menjadi peraturan yang telah dinyatakan oleh Pesuruhjaya Polis Thai Terengganu bahawa permainan judi tidak boleh ada persamaan antara kedua-dua Taman Hiburan tersebut. Dengan itu pihak Taman Hiburan Tai Say Kai mengharapkan Sultan Ali mengambil perhatian supaya ketika memperbaharui lesen

nanti hendaklah dipastikan kedua-dua pihak tidak boleh memperbarui judi atau tikaman yang serupa.<sup>92</sup>

Kemudiannya Major P. Ratanakich, Pesuruhjaya Tentera Terengganu ditukarkan ke Bangkok. Pada 10 September 1944 (10 September 2487) Major P. Ratanakich dan isteri datang ke istana Kolam menghadap Sultan Ali dan Tengku Ampuan untuk mengucapkan selamat tinggal serta menyatakan pertukarannya ke Bangkok untuk memegang jawatan baru. Pada 10 September 1944 (10 September 2487) Sultan Ali menulis kepada Major P. Ratanakich mengucapkan selamat bertukar dan memegang jawatan baru di Bangkok.<sup>93</sup> Dalam surat ini Sultan Ali menyatakan:

... beta bagi pehak karabat2 Raja dan pegawai2 anak negeri tersangat2 lah berdukachita diatas pertukaran sahabat beta itu dengan mengtahui lah beta pada selama sahabat beta menjalankan perkerjaan2 pertadbiran didalam Negeri Terengganu ada lah didalam keadaan yang halu lagi bertimbang rasa demikianlah juga didalam perkara2 diri beta sendiri telah nyata lah kepada beta akan tulus ikhlas yang telah dipertunjukkan oleh sahabat beta kepada beta itu.<sup>94</sup>

Surat ini diserahkan kepada P. Nai Badalung di Pejabat Pesuruhjaya Tentera Terengganu untuk dihantar ke Bangkok.<sup>95</sup> Pada 14 November 1944 (14 November 2487), Major P. Ratanakich menjawab surat Sultan Ali ini dan mengucapkan terima serta mengharapkan baginda, kerabat dan pegawai kerajaan dalam keadaan sejahtera dan dilanjutkan usia.<sup>96</sup>

Pada 24 Oktober 1944 (24 Oktober 2487) Pesuruhjaya Tentera Thai Terengganu yang baru tiba di Kuala Terengganu. Pada pukul 4.00 petang, 25 Oktober 1944 (25 Oktober 2487) beliau bersama P. Nai Badalung dan jurubahasa menghadap Sultan Ali di istana Kolam. Dalam perbincangan itu Pesuruhjaya Tentera Thai menyatakan sekiranya ada kekasaran yang dilakukan oleh pihak pegawai Thai haraplah dimaafkan kerana kini dalam peperangan; serta meminta Sultan Ali membuat aduan supaya beliau boleh mengambil tindakan yang wajar. Sultan Ali pula menegaskan bahawa tidak ada sebarang kekasaran yang dilakukan dan meminta supaya Pesuruhjaya Tentera Thai membantu pegawai Melayu. Sultan Ali juga mengharapkan Pesuruhjaya Tentera Thai akan berunding terlebih dahulu dengan baginda sebelum mengeluarkan sesuatu

peraturan baru supaya ia nanti akan sesuai dengan rakyat Terengganu. Dalam perbincangan ini juga Pesuruhjaya Tentera Thai menjelaskan bahawa udara di Terengganu amatlah bagus dan juga bertanyakan Sultan Ali sama ada baginda akan berangkat ke Kelantan untuk menghadiri upacara pertabalan Sultan Kelantan. Sultan Ali menegaskan bahawa baginda tidak hadir, tetapi akan menghantar wakilnya.<sup>97</sup>

### Kedudukan Dan Kuasa Sultan

Kedudukan dan kuasa sultan mengalami perubahan pada masa pemerintahan Tentera Thai. Pada 19 Oktober 1943 (19 Oktober 2603), pukul 4.00 petang, Tuan Yang Terutama Gabenor Thailand Terengganu bersama 32 orang datang menghadap Sultan Ali di Telaga Panchur.<sup>98</sup> Dalam pertemuan ini Sultan Ali menimbulkan perkara tentang makanan, keamanan, agama, adat istiadat raja-raja, dan bendera untuk pertimbangan. Gabenor memberi jaminan bahawa beliau akan berunding dengan pihak berkuasa Thailand tentang makanan dan keamanan. Agama dan adat istiadat pula, pihak Thailand tidak akan mengganggunya. Begitu juga dengan bendera, Sultan Ali dibenarkan menaikkan bendera kerajaan negeri yang pernah digunakan oleh Sultan Zainal Abidin III di tiang, juga memasang bendera pada kereta baginda seminggu selepas perbincangan ini. Pertemuan ini berakhir pada pukul 5.00 petang. Pada 20 Oktober 1943 (20 Oktober 2603), pukul 7.30 pagi diadakan upacara menaikkan bendera di Padang Paya Bunga, Kuala Terengganu. Dalam upacara ini Sultan Ali disediakan sebuah kerusi dan meja khas. Pukul 9.00 pagi Gabenor dan pegawai Thai berangkat ke Telaga Panchur untuk bergambar bersama-sama Sultan Ali dan kerabat diraja serta Orang Besar Terengganu. Pukul 12.00 tengah hari Gabenor dan pegawai Thai berangkat pulang. Pada malamnya pula Gabenor mengadakan jamuan makan malam untuk Sultan Ali, kerabat Diraja, dan pengiring baginda di Istana Maziah.<sup>99</sup> Dalam jamuan ini Sultan Ali memberi ucapan seperti berikut:

Tuan Yang Terutama Governor dan sakalian yang hadzir.  
Saya dengan segala pengiring saya amatlah sukachita hadzir di majlis ini, dan saya menguchap trimakaseh [terima kasih].

Negeri saya ini telah di-adarkan [diedarkan] pula kepada Pentadbiran Kerajaan Thailand, ia-itu Kerajaan yang sudah biasa berhubung rapat dengan kita daripada zaman ninda kita lagi, ia-itu menjadi amat-lah shukor kita kepada Tohan [Tuhan], dan saya harap dapat berkerjasama diantara pegawai Thailand dengan pegawai2 kita bagi menjadikan ka-ma,moran [kemakmuran] dan ka-amanan di-Negeri ini. Demikian-lah saya ulang dengan uchapan trimakasih.<sup>100</sup>

Pada 11 Oktober 1943 (11 Oktober 2603), Sultan Ali berangkat ke Singapura untuk menerima bintang penghormatan *Third Class Order of the Sacred Treasure* daripada kerajaan Jepun.<sup>101</sup> Pada 14 Oktober 1943 (14 Oktober 2603) Sultan Ali berada di Singapura untuk menerima bintang tersebut. Bintang ini dianugerahkan oleh Tenno Heika kepada Sultan Ismail Kelantan, Sultan Badlishah Kedah, Raja Syed Hamzah Perlis dan Sultan Ali Terengganu.<sup>102</sup> Dalam istiadat yang berlangsung pada pukul 1.00 tengah hari, waktu Jepun, 15 Oktober 1943 (15 Oktober 2603), bintang-bintang dianugerahkan oleh Gunseikan kepada Sultan Kedah, Raja Perlis, Sultan Kelantan, dan Terengganu. Setelah selesai penganugerahan bintang-bintang tersebut kepada tiap-tiap sultan, Gunsei-kan pun berucap. Selepas itu Sultan Kedah, sebagai mewakili Sultan Kelantan, Terengganu, dan Raja Perlis memberikan ucapan balas. Kemudiannya Sultan berangkat berjumpa Gunsei-kan, Shimizu Kaka, Tarauchi dan Gunsei-kan, serta Fujimura.<sup>103</sup> Perbelanjaan minyak Sultan Ali berangkat ke Singapura berjumlah 125 ringgit dan 13 sen. Sultan Ali ke Singapura melalui Pahang dan Kuala Lumpur dan pulang ke Terengganu melalui Kuala Lumpur dan Pahang.<sup>104</sup> Sultan Ali pulang ke Terengganu pada 18 Oktober 1943 (18 Oktober 2603).<sup>105</sup>

Pada November 1943 Sultan Ali mendapat surat daripada bekas *Syucokan* Terengganu, M. Kuji Manabu yang bertugas di Singapura di pejabat Gunsei-kan. Dalam surat tersebut M. Kuji Menabu menyatakan ia menerima surat daripada Gunsei-kan pada 19 Oktober 1943 (19 Oktober 2603) tentang tugas baru di Singapura. Juga menyatakan pada 29 Oktober 1943 (29 Oktober 2603) beliau memegang jawatan di dalam Pejabat Gunsei-kan.<sup>106</sup> Sultan Ali pula dalam surat jawapan kepada M. Kuji Menabu bertarikh 22 November 1943 (22 November 2603), antaranya menyatakan:

Beta [Sultan Ali] tidak lupa akan budi ka-adilan sahabat beta diatas beta dan Negeri beta yang suda[h] di-jalankan tadbiran oleh sahabat beta dengan Aman dan Ma,amor itu, dan beta menguchapkan dengan banyak t[e]rima kaseh kepada sahabat beta.<sup>107</sup>

Pada 28 Oktober 1943 (28 Oktober 2486), Setiausaha Sulit Sultan mengajukan surat kepada Timbalan Gabenor Terengganu tentang percakapan dan persetujuan antara Gabenor dengan Sultan di Telaga Panchur pada 19 Oktober 1943 (19 Oktober 2486) membenarkan menaikkan bendera kerajaan Terengganu di perkarangan istana Sultan dan lambang kerajaan (*crown*) serta bendera pada kereta Sultan. Perkara ini diingatkan kerana tempoh tujuh hari selepas percakapan tersebut telahpun sampai<sup>108</sup> dan sebagaimana dijanjikan bendera tersebut boleh dinaikkan. Gabenor Terengganu yang merujuk kepada surat ini membenarkan bendera kerajaan Terengganu dikibarkan di perkarangan istana dan lambang kerajaan serta bendera boleh dipakai pada kereta Sultan. Surat jawapan ini ditulis dalam bahasa Thai dan disimpan di dalam peti Setiausaha Sulit Sultan.<sup>109</sup>

Pada 21 November 1943 (21 November 2486) Setiausaha Sulit Sultan mengemukakan anggaran perbelanjaan Pejabat Sultan untuk tahun 1944 (2487). Dalam butiran lapan, pelayan Sultan ditambah seorang untuk tahun 1943 (2487) supaya mereka dapat bergilir-gilir atau salah seorang daripada mereka diserang sakit. Butiran 10 pula, seorang tukang kebun ditambah menjadi tiga kerana dua orang yang sedia ada tidak dapat membersih kawasan istana dengan sempurna. Tentang butiran 13, perkara ahli nobat telahpun dimaklumkan oleh Sultan kepada Pesuruhjaya Tinggi Tentera Thai dan dipersetujui serta telah ada dalam pengetahuan Ketua Pejabat Khazanah.<sup>110</sup> Perbelanjaan yang dianggarkan seperti Jadual VII. Kakitangan Pejabat Sultan terdiri daripada dua puluh satu orang dan pendapatan bulanan mereka pada tahun 1943, antara 15 ringgit hingga 138 ringgit.<sup>111</sup>

Pada 27 November 1943 (27 November 2486) Pesuruhjaya Tentera Thai Terengganu memaklumkan kepada Sultan Ali bahawa kerajaan Tentera Thai bersetuju membenarkan penubuhan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Terengganu.<sup>112</sup> Dengan itu pada 28 November 1943 (28 November 2486) Sultan Ali mengeluarkan surat pemasyhuran memaklumkan kepada rakyat Terengganu bahawa baginda dengan persetujuan

PENTADBIRAN TENTERA JEPUN DAN THAI DI TERENGGANU, 1942-1945

Jadual VII

Anggaran Perbelanjaan Pejabat Sultan 1 Januari - 31 Disember 2487(1944)

No.	Butiran Perbelanjaan	Anggaran Setahun 1.1. - 31.12.2487 (Ringgit)
1	Duli Yang Maha Mulia Sultan	72,000.00
2	Setiausaha Sulit Sultan	1,656.00
3	A.D.C. Sultan	780.00
4	Setiausaha Tengku Ampuan	732.00
5	Penghulu Balai	660.00
6	Kerani Melayu	876.00
7	Pegawai Sultan 2 @ 288 ringgit	576.00
8	Pelayan Sultan 2 @ 240 ringgit	480.00
9	Penjawat 8: 1 lelaki @ 228 ringgit 5 lelaki @ 192 ringgit 2 perempuan @ 288 ringgit	1,764.00
10	Tukang Kebun 3: 1 @ 192 ringgit 2 @ 180 ringgit	552.00
11	Pemandu Kereta Sultan	468.00
12	Pelayan Pejabat	180.00
13	Ahli Nobat (2 tukang gendang, 1 peniup serunai, 1 peniup nafiri, 2 pemukul negara)	1,800.00
14	Elaun barang-barang mahal	792.00
15	Pengangkutan	1,000.00
16	Pelbagai	300.00
17	Sambutan bulan Ramadan, Hari Raya Puasa, Hari Raya Haji	1,200.00
18	Ulang Tahun al-marhum Sultan Sulaiman	200.00
19	Sambutan Hari Lahir Sultan	500.00
20	Sambutan Maulud dan Hadis	750.00
Jumlah		84,674.00

Sumber: SUK. Tr., 72/1362, Setiausaha Sultan kepada Ketua Khazanah, 21.11.2486, terlampiran "Anggaran Perbelanjaan Pejabat Sultan 2487".

Pesuruhjaya Tinggi Tentera Thai telah melantik Che Da Omar bin Mahmud, Dato' Jaya Perkasa sebagai Menteri Besar mulai 28 November 1943 (1 Zulhijah 1362/28 November 2486).<sup>113</sup> Surat tauliah perlantikan Dato' Jaya Perkasa yang ditandatangani dan dicap mohorkan oleh Sultan Ali bertarikh 1 Zulhijah 1362 (28 November 2486) berbunyi:

Ketahuilah bahawa kita al-Sultan Ali ibni almarhum Sultan Sulaiman Badrul Alam Shah Terengganu telah metauliah [mentauliah] dan menjadikan Dato' Jaya Perkasa (Che Da Omar bin Mahmud) Wazirul Azim (Menteri Besar) bagi kita. Maka berkuasalah Dato' Jaya Perkasa (Che Da Omar bin Mahmud) dengan secukup-cukup kuasa boleh menjalankan segala pekerjaan kerajaan dalam wazifah jawatan Wazirul Azim (Menteri Besar) yang kita tanggungkan atasnya pada masa ini dan lain-lain pekerjaan pada masa yang akan datangnya.

Demikianlah sah dan diturunkan sain tandatangan kita al-Sultan Terengganu adanya.<sup>114</sup>

Pada 28 November 1943 (28 November 2486/1 Zulhijah 1362) juga Sultan Ali melantik ahli Jemaah Menteri yang terdiri daripada Dato' Jaya Perkasa, Tengku Bija Wangsa, Tengku Pekerma Wira, Tengku Paduka Raja, dan Tengku Jaya Pekerma. Perlantikan ini dimasyhurkan oleh Sultan Ali dalam surat pemasyhuran bilangan 2/1362 bertarikh 28 November 1943 (28 November 2486).<sup>115</sup> Perlantikan mereka dinyatakan dalam tauliah Sultan Ali seperti berikut:

Ketahuilah bahawa kita al-sultan Ali ibni almarhum Sultan Sulaiman Badrul Alam Shah Terengganu telah menjadi (1) Dato' Jaya Perkasa (Che Da Umar bin Mahmud) (2) Tengku Paduka Raja (Ismail bin Zainal Abidin) (3) Tengku Bija Wangsa (Hitam bin Ali) (4) Tengku Jaya Pekerma (Abu Bakar bin Mustafa) (5) Tengku Pekerma Wira (Wok bin Zain) wazir dan menteri yang menolong bagi kita pada segala pekerjaan kerajaan dalam wazifah jawatan yang kita tanggungkan atasnya pada masa ini dan lain-lain pekerjaan yang akan datangnya, demikianlah kita nyatakan adanya.<sup>116</sup>

Pada 29 November 1943 (29 November 2486/2 Zulhijah 1362) dengan persetujuan Pesuruhjaya Tinggi Thai, Sultan Ali melantik ahli Mesyuarat Terengganu yang terdiri daripada Dato' Jaya Perkasa, Tengku Bija Wangsa, Tengku Pekerma Wira, Tengku Paduka Raja, Tengku Jaya Pekerma, Che Hashim bin Dato' Diwangsa, Dato' Indera Pahlawan, Dato' Sangsura Pahlawan, Tengku Seri Akar Raja, Che Yusof bin Long, Che Khalid bin Haji Abdul Rahman, Engku Bijaya Sura, Tengku Indera Segara, Tengku Asmara Raja, Tengku Sriwa Raja, Tengku Muda Muhammad, dan Haji Ali bin Omar. Perlantikan ini juga dimasyhurkan dalam surat pemasyhuran bilangan 3/1362 bertarikh 29 November 1943 (2 Zulhijah 1362/29 November

2486).<sup>117</sup> Pada 29 November 1943 (29 November 2486/2 Zulhijah 1362) juga Sultan Ali dengan persetujuan Pesuruhjaya Tinggi Tentera Thai melantik Tengku Bija Wangsa, Tengku Hitam bin Ali sebagai Setiausaha Kerajaan Terengganu. Perlantikan ini juga dimasyhurkan dalam surat pemasyhuran bilangan 4/1362 bertarikh 29 November 1943 (2 Zulhijah 1362/29 November 2486).<sup>118</sup> Surat Pemasyhuran Perlantikan ini dihantar oleh Sultan Ali kepada Pesuruhjaya Tinggi Tentera Thai pada 30 November 1943 (30 November 2486).<sup>119</sup> Dalam surat tauliah perlantikan Setiausaha Kerajaan Terengganu, Sultan Ali menurunkan tandatangan dan cop mohor baginda. Surat tauliah ini berbunyi:

Ketahui bahawa kita al-Sultan Ali ibni almarhum Sultan Sulaiman Badrul Alam Shah Terengganu telah maulihai [mentauliah] dan menjadikan Tengku Bija Wangsa (Hitam bin Ali) Setiausaha yang menolong bagi kita.

Maka berkuasalah Tengku Bija Wangsa (Hitam bin Ali) boleh menjalankan segala pekerjaan yang berkenaan dengan wazifah jawatan Setiausaha Kerajaan yang ditanggung atasnya pada masa ini dan akan datangnya.<sup>120</sup>

Pemerintah Tentera Thai telah memulihkan semula Majlis Mesyuarat Negeri bagi Kedah, Perlis, Kelantan, dan Terengganu, yang sebelum ini tidak bersidang pada masa pemerintah Tentera Jepun. Majlis Mesyuarat Kerajaan Terengganu dibentuk semula pada 14 Disember 1943 (14 Disember 2486).<sup>121</sup> Pada 14 Disember 1943 (14 Disember 2486), buat pertama kalinya Majlis Mesyuarat Negeri Terengganu bersidang sejak dimansuhkan selepas Jepun menjalankan pentadbiran di Terengganu. Pada 14 Disember 1943 (14 Disember 2486), pukul 9.00 pagi Ketua Istiadat Istana dan dua orang pegawai ditugaskan meletakkan gambar Raja dan Perdana Menteri Thailand dalam Dewan Mesyuarat di tempat yang telah ditetapkan. Pada pukul 9.15 pagi pula kerani mesyuarat akan meletakkan buku kedatangan di dalam dewan. Pukul 9.30 pagi perbarisan polis di hadapan tangga besar pejabat; pukul 10.00 pagi ahli mesyuarat datang ke dewan dan mengambil tempat masing-masing. Pada pukul 10.00 pagi Sultan Ali dengan diiringi oleh Pesuruhjaya Tentera Thai dan Menteri Besar berangkat dari Istana Kolam ke Pejabat Besar memeriksa pembarisan pasukan polis. Kemudiannya Sultan Ali berangkat ke Pejabat Menteri Besar dan seterusnya

ke Pejabat Pesuruhjaya Tentera Thai. Pada pukul 10.30 pagi Setiausaha Kerajaan datang ke Pejabat Pesuruhjaya Tentera Thai menjemput Sultan Ali, Pesuruhjaya Tentera, dan Dato' Menteri Besar ke Dewan Mesyuarat. Ketika Sultan Ali dan pengiringnya memasuki dewan tersebut semua yang hadir dikehendaki berdiri memberi hormat. Kemudian Pesuruhjaya Tentera, Sultan Ali, dan Menteri Besar memberikan ucapan masing-masing. Setelah selesai ahli mesyuarat mendaftar nama masing-masing di dalam buku kedatangan dan berikutnya mesyuarat bermula. Setelah mesyuarat selesai, ahli mesyuarat mengambil gambar kenangan sebelum bersurai.<sup>122</sup>

Dalam ucapan baginda semasa istiadat pembukaan Majlis Mesyuarat Negeri, Sultan Ali menyatakan kegembiraan baginda bagi pihak kerabat diraja dan anak negeri Terengganu dan bersyukur, serta mengucapkan terima kasih kepada kerajaan Thailand kerana bersetuju dan membenarkan penubuhan Majlis Mesyuarat Negeri. Kegembiraan Sultan Ali ini tergambar daripada ucapan baginda yang berbunyi:

Yang demikian lemahlah beta hendak menerangkan bagaimana kegemaran [kegembiraan] beta pada ketika menyambut dan sepanjang-panjang masa kemudian akan limpah keadilan dan timbang rasa yang begitu cemerlang melainkan tertanamlah kenang-kenangan ini dalam ingatan yang kebijakan juga selama-lamanya.<sup>123</sup>

Dalam ucapan ini juga Sultan Ali mengisyiharkan bahawa dengan persetujuan Pesuruhjaya Tinggi Thai dan keyakinan serta harapan yang diberikan kepada baginda, maka baginda mengangkat dan melantik mereka yang hadir dalam mesyuarat ini sebagai Ahli Jemaah Mesyuarat. Mereka yang dilantik ini diingatkan supaya memberikan fikiran yang bernas dan membicarakan perkara yang akan memberi kebijakan kepada negeri dan orang ramai sebagaimana yang dikehendaki oleh Undang-Undang Diri Kerajaan Terengganu. Kepada Ahli Mesyurat yang dilantik ini Sultan Ali berpesan:

Sebagaimana yang telah termaklum, iaitu masa ini ialah masa darurat maka kewajipan kita hendaklah kamu lebih akan segala tenaga kamu menyempurnakan tanggungan masing-masing dan hendaklah seboleh-bolehnya mencari jalan ikhtiar yang memadamkan segala kesusahan seumpamanya kekurangan dan tinggi harga makanan di dalam negeri dan menimbulkan

kesenangan bagi orang ramai pula maka haraplah beta supaya kamu berkerja sama dengan pegawai-pegawai kerajaan Yang Maha Mulia lagi Maha Besar Thai dengan segala daya upaya dengan tulus ikhlas mudah-mudahan dengan jalan inilah dapat kemajuan dalam tiap-tiap perkara.<sup>124</sup>

Dengan berpandukan kepada Fasal 28, Undang-Undang Diri Kerajaan Terengganu Jemaah Menteri dibentuk. Barisan Jemaah Menteri terdiri daripada Dato' Jaya Perkasa sebagai Menteri Besar, Tengku Bija Wangsa, Bendahari Negeri; Tengku Pekerma Wira, Pesuruhjaya Kemaman; Tengku Paduka Raja, Hakim Mahkamah Tinggi dan Tengku Jaya Pekerma, Pengawal Makanan. Juga berpandukan kepada Undang-Undang Diri Kerajaan Terengganu, fasal 37 Jemaah Mesyuarat Negeri perlu dibentuk untuk menasihati Sultan dan Jemaah Menteri dalam menguruskan pentadbiran negeri. Perlantikan Ahli Jemaah Mesyuarat pula berdasarkan kepada fasal 38, 39, dan 41. Fasal 38 memperuntukkan bahawa ahli Majlis Mesyuarat Negeri, menteri, pegawai atau ketua yang telah menjadi Ahli Kerajaan mestilah dilantik dengan nasihat Jemaah Menteri dari semasa ke semasa seorang yang mempunyai kebolehan dan kepakaran dalam merangka butiran peraturan dan penyelesaian dilantik sebagai Presiden Majlis. Fasal 39 menyatakan bahawa ahli Majlis Mesyuarat mestilah anak watan Terengganu dan tidak tertakluk kepada orang Melayu dan beragama Islam sahaja. Fasal 41 pula menyatakan mesyuarat Majlis Negeri hanya boleh dijalankan apabila tujuh orang ahli hadir, sekiranya ahli mesyuarat kurang daripada 16 orang; atau 15 ahli hadir, sekiranya jumlah ahli mesyuarat tidak melebihi 32 dan 31 orang ahli hadir, sekiranya jumlah ahli tidak kurang daripada 64 orang. Dengan berpandukan fasal 38 tujuh belas orang dilantik sebagai Ahli Jemaah Mesyuarat Negeri atau *Montri Sapha*. Mereka ialah Dato' Jaya Perkasa, Menteri Besar; Tengku Bija Wangsa, Bendahari Negeri; Tengku Pekerma Wira, Pesuruhjaya Negeri Kemaman; Tengku Paduka Raja, Hakim Mahkamah Tinggi; Tengku Jaya Pekerma, Pengawal Makanan; Che Hashim bin Dato' Diwangsa, Pesuruhjaya Tanah dan Galian; Dato' Indera Pahlawan, Penguasa Kastam; Dato' Sangsura Pahlawan, Pemungut Hasil Tanah, Kuala Terengganu; Tengku Seri Akar Raja, Oditor Negeri; Che Yusof bin Long, Presiden Lembaga Bandaran; Che Khalid bin Haji Abdul Rahman, Pegawai Tali

Air; Engku Bija Sura, Penjaga Harta Musuh; Tengku Indera Segara, Pesuruhjaya Polis; Tengku Ismara Raja, Hakim Kelas Satu; Tengku Seriwa Raja, Pengiring Sultan; Tengku Muda Muhammad dan Haji Ali bin Omar, Setiausaha Sulit Sultan.<sup>125</sup> Sultan Ali mengangkat Dato' Jasa Perkasa sebagai Naib Presiden dan Tengku Bija Wangsa sebagai Setiausaha Agung.<sup>126</sup> Presiden Mesyuarat Jemaah Negeri atau *Montri Sapha* ialah Sultan Ali.<sup>127</sup> Perlantikan Presiden dan Naib Presiden Montri Sapha ini berdasarkan peruntukan peraturan dua (2) "Memerintah Empat Buah Negeri". Kini perjalanan pentadbiran negeri Terengganu berlandaskan keputusan terbanyak dalam *Montri Sapha*. Presiden pula akan menurut keputusan suara terbanyak yang dicapai dalam keputusan *Montri Sapha*.<sup>128</sup> Sebagai memperingati pemulihian Majlis ini Setiausaha Kerajaan Terengganu mengeluarkan pengisyhtaran bahawa 14 Disember 1943 (14 Disember 2486) dan pada tiap-tiap 14 Disember sebagai hari kelepasan am; supaya menjadi kenang-kenangan kepada Terengganu.<sup>129</sup> Dalam upacara pembukaan Majlis Mesyuarat Negeri ini, P. Ratanakich, Pesuruhjaya Tentera Terengganu menganugerahkan kepada Sultan Ali wang sebanyak 5,000 ringgit; 3,000 ringgit sumbangan Marshal Phibun Songkhram, dan 2,000 ringgit sumbangan pegawai Thai untuk membantu mereka yang miskin.<sup>130</sup> Dalam surat baginda kepada Marshal Phibun Songkhram bertarikh 16 Disember 1943 (16 Disember 2486), Sultan Ali mengucapkan terima kasih kepada Marshal Phibun Songkhram dan pegawai Thai atas sumbangan mereka tersebut. Dalam surat itu Sultan Ali menyatakan:

Beta bagi pihak rakyat negeri Terengganu mengucap syukur di atas segala ingatan Seri Paduka Sahabat Beta [Marshal Phibun Songkhram] dan pegawai-pegawai Thai yang amat mengasihani dilimpahkan dengan kemurahan itu dan beta telah menghargakan dengan setinggi-tinggi dan dengan berbanyak-banyak terimah kasih.<sup>131</sup>

Dato' Jaya Perkasa Che Da Omar bin Mahmud mencadang supaya wang derma 5,000 ringgit itu dibahagikan seperti berikut: 2,200 ringgit untuk Kuala Terengganu, Marang, Hulu Terengganu, dan Batu Rakit; 1,500 ringgit untuk Kemaman, Kijal, Kemasik, dan Kerteh; 800 ringgit untuk Dungun dan Paka; bakinya 500 ringgit untuk Besut. Wang ini hendaklah

digunakan untuk membeli barang makanan, seelok-eloknya beras; sekiranya sukar, beli ubi. Makanan ini pula hendaklah dibahagikan kepada mereka yang benar-benar miskin dan juga orang tua. Supaya pembahagian nanti berlaku dengan adil, wang yang diperuntukan itu hendaklah diserahkan kepada Pegawai Daerah; beliau pun akan mendapatkan senarai nama orang yang layak mendapat sumbangan ini daripada penghulu dalam mukim masing-masing. Kadar pembahagian adalah terserah kepada budi bicara masing-masing.<sup>132</sup> Sultan Ali bersetuju dengan cadangan ini.<sup>133</sup>

Pada 3-4 Februari 1944 (3-4 Februari 2487/9-10 Safar 1363) Trengganu menyambut perayaan hari keputeraan Sultan Ali. Anggaran perbelanjaan upacara ini adalah seperti Jadual VIII. Setiausaha Sulit Sultan yang mendapat titah Sultan Ali memanjangkannya kepada pengetahuan Menteri Besar tentang perbelanjaan sambutan hari keputeraan baginda boleh diambil daripada jumlah anggaran belanjawan tahun 1944 (2487) bernilai 1,000 ringgit yang dikhaskan untuk sambutan perayaan ini.<sup>134</sup> Sambutan perayaan ini mendapat sumbangan daripada berbagai-bagi pihak. Misal daripada *The Yokohama Specie Bank Limited* berjumlah 200 ringgit;<sup>135</sup> daripada Pengurus sebuah Syarikat di Dungun sebanyak 200 ringgit<sup>136</sup> dan 100 ringgit daripada Konsul Jepun, S. Mathsuda.<sup>137</sup> Penghulu Mukim Bukit Besar, Zakaria bin Idris pula, dalam suratnya kepada Setiausaha Sultan menawarkan sumbangan permainan rodat, kumpulan Pasir Panjang. Dalam suratnya itu Penghulu Mukim Bukit Besar menyatakan:

Maka saya [Penghulu Mukim Bukit Besar] dengan sukacita akan persembahkan satu permainan rodat Pasir Panjang semalam pada malam Jumaat 4.2.87 itu pun jika tuan bersetuju dengan tulus ikhlas hati bagi orang-orang rodat akan persembahan yang tersebut itu dan jika tuan ada berasa [merasa] ikhlas makan [minum] air sejuk secawan pun saya banyak terima kasih.<sup>138</sup>

Jawatankuasa menyambut hari keputeraan Sultan Ali ini diketuai oleh Tengku Seriwa Raja. Jawatankuasa kecil menguruskan jamuan, mengeluarkan surat jemputan, dan menyediakan semua alatan diketuai oleh Tengku Seriwa Raja dan penolongnya, Dato' Sangsuran. Jawatankuasa menghias dan menerima tamu diketuai oleh Tengku Bentara Dalam dan

Jadual VIII  
Anggaran Butir-Butir Perbelanjaan Hari Keputeraan  
Sultan Ali, 3 Februari 1944 (9 Safar 1363/3 Februari 2487)

No.	Butiran	Perbelanjaan (Ringgit)
1	Jamuan pagi; kopí susu dengan kek atau akok berlauk untuk 150 orang	100.00
2	Hadiah mengaji Quran di makam almarhum untuk 40 orang @ 50 sen	20.00
3	Sembahyang hajat dan doa selamat di masjid, 100 orang @ 50 sen	50.00
4	Jamuan teh petang di Padang Negara untuk 75 orang dan perlawanan golf: teh susu, kek satu pinggan 12 keping - tiga jenis dan buah-buah, @ 1 ringgit dan 50 sen berjumlah 112 ringgit; air limau untuk permainan golf 12 ringgit dan 50 sen	125.00
5	Jamuan malam, 50 orang @ 8 ringgit: air limau, sup. ikan, daging, nasi, kari, puding atau kueh, buah-buah dan kopí	400.00
6	Permainan malam, ronggeng - upahnya 30 ringgit; ahli muzik 10 orang @ 2 ringgit berjumlah 20 ringgit; jogel gamelan - 14 orang @ 2 ringgit berjumlah 28 ringgit; minuman 22	100.00
7	Perbelanjaan runcit	75.00
Jumlah		870.00

Sumber: SUK. Tr., 2/1363, "Anggaran Perbelanjaan Menyambut Hari Keputeraan Sultan Ali", 9 Safar 1363 (3 Februari 2487)

penolongnya, Dato' Panglima Dalam dan Dato' Penghulu Balai. Jawatankuasa permainan diketuai oleh Tengku Abdul Rashid dan penolongnya, Tengku Mustafa Ismail. Jawatankuasa kewangan pula diketuai oleh Haji Ali bin Omar dan penolongnya, Che Mat bin Haji Omar. Sempena sambutan hari keputeraan ini, hari Khamis dan Jumaat 3-4 Februari 1944 (8-9 Safar 1363/3-4 Februari 2487) dijadikan hari kelepasan am. Upacara sambutan hari keputeraan ini bermula dengan perhimpunan kerabat diraja, pegawai, dan ahli jemputan di Istana Kolam pada pukul 9.00 pagi, Khamis 3 Februari 1944

(8 Safar 1363/3 Februari 2487). Pada 9.05 pagi Sultan Ali berangkat keluar ke Majlis; diikuti dengan ucapan terima kasih oleh Pesuruhjaya Tentera: berikutnya ucapan Menteri Besar sebagai mewakili kerabat diraja, pegawai-pegawai, dan orang ramai. Selepas itu pemangku mufti, Haji Wan Abdul Rahman membaca doa selamat. Kemudiannya mereka yang hadir menikmati minuman dan besurai. Pada pukul 1.00 tengah hari mengaji al-Quran di makam almarhum dan diikuti dengan sembahyang hajat dan doa selamat di Masjid Abidin di bawah kelolaan Setiausaha Pejabat Agama. Pada pukul 8.00 malam majlis makan malam di Istana Kolam dan disertai dengan pertunjukan di balai. Pada hari Sabtu 5 Februari 1944 (11 Safar 1363/5 Februari 2487), pukul 4.30 petang diadakan perlawanan golf.<sup>139</sup> Sempena perayaan ini, tiga malam diadakan pertunjukan. Dalam sambutan perayaan ini tiga tin minyak tanah telah dipinjam daripada peruntukan sembilan tin yang diberikan kepada istana kolam untuk memasang lampu.<sup>140</sup>

Sempena hari keputeraan Sultan Ali beberapa orang isteri banduan memohon Sultan mengampunkan suami masing-masing yang terlibat dalam kecurian kanun pidana fasal 380 dan kes jenayah (bunu) kelas II, fasal 304 Kanun Pidana.<sup>141</sup> Dato' Menteri Besar, Che Da Omar bin Mahmud mengesyorkan supaya permohonan isteri Ismail bin Awang diberi perhatian dan beliau berpendapat bahawa Sultan Ali tidak akan berhalangan untuk memberi ampun dalam mesyuarat *Montri Sapha* menurut fasal 126 peraturan penjara tahun 1357(1938/1939).<sup>142</sup> Perkara ini dibawa ke dalam mesyuarat *Montri Sapha* pada hari Isnin, 3 April 1944 (3 April 2487) dan diraikan permohonan itu. Keputusan ini diangkatkan oleh Menteri Besar kepada Pesuruhjaya Tentera Thai<sup>143</sup> dan beliau bersetuju.<sup>144</sup> Sultan Ali juga bersetuju dengan keputusan *Montri Sapha* memberi ampun kepada Ismail bin Awang.<sup>145</sup> Dengan itu pada 10 April 1944 (10 April 2487), pukul 10.05 pagi Penolong Ketua Penjara membawa Ismail bin Awang ke hadapan Setiausaha Kerajaan Terengganu, Tengku Hitam. Di sini Tengku Hitam memaklomkan kepada Ismail bin Awang bahawa Sultan Ali telah mengampuni beliau.<sup>146</sup> Pada 18 April 1944 (18 April 2487) Ismail bin Awang dibebaskan daripada tahanan penjara.<sup>147</sup>

Pada 7 Mac 1944 (7 Mac 2487) Sultan Ali mengajukan surat kepada Pesuruhjaya Thai Terengganu dengan merujuk kepada perbincangan baginda dengan Pesuruhjaya Thai di

kediamannya pada 20 Januari 1944 (20 Januari 2487) tentang kedudukan dan gaji Dato' Jaya Perkasa dan Tengku Bija Wangsa. Dalam suratnya ini, Sultan Ali mencadangkan supaya gaji Dato' Jaya Perkasa, Naib Presiden *Montri Sapha* dibayar sebanyak 1,000 ringgit dan Tengku Bija Wangsa, Setiausaha Agung *Montri Sapha* sebanyak 575 ringgit sebulan mulai tarikh 1 Januari 1944 (1 Januari 2487). Pada ketika ini Tengku Bija Wangsa mendapat gaji bulanan sebanyak 550 ringgit<sup>148</sup> dan Dato' Jaya Perkasa sebanyak 650 ringgit sebulan.<sup>149</sup> Perkara gaji ini dirujuk kepada Pesuruhjaya Tinggi Thai. Pada 28 Mac 1944 (28 Mac 2487) Pesuruhjaya Thai menjawab perkara ini melalui *radiogram* seperti berikut:

Jawatan Mentri Besar dahulu itu pehak Kerajaan hendak jadi-kan Penesihat[Penasihat] Negeri atau pun apa2 jawatan dan boleh-lah di-beri gaji jawatan Menteri Besar dahulu dengan shara1 hendak-lah mengator-kan pekerjaan beri sempurna mengikut perotoran Negeri. Gaji Vice-President, Montri Spa, tidak payah di-adakan oleh kerana tiada banyak kerja, Ahli2 Meshuarat itu kebanyak-kan-nya pegawai yang telah berjawatan tidak payah mengada-kan gaji lagi. Jika berhajat kepada orang yang tiada berjawatan boleh-lah jadi-kan jawatan khas dengan tiada bergaji, bahgian Setia Usaha Meshuarat hendaklah mendapat gaji Setia Usaha Kerajaan yang sedia ada itu di-persetuju-kan.<sup>150</sup>

Sultan Ali bersetuju dengan cadangan Pesuruhjaya Tinggi Thai supaya Dato' Jaya Perkasa dijadikan sebagai Penasihat Negeri mengetuai Pegawai Tadbir serta menguruskan perjalanan pentadbiran mengikut peraturan negeri dan begitu juga dengan kedudukan Setiausaha Kerajaan.<sup>151</sup> Pesuruhjaya Tentera Terengganu pula menyatakan bahawa mengikut peraturan empat buah negeri, jawatan Menteri Besar yang dipakai dahulu dalam kerajaan Terengganu dibatalkan dan sebagai ganti dilantik Presiden dan Naib Presiden *Montri Sapha*. Walaupun merujuk nasihat Pesuruhjaya Tinggi Tentera tetapi Pesuruhjaya Tentera Terengganu hanya mencadangkan supaya Dato' Jaya Perkasa dilantik sebagai Penolong Penasihat dan dibayar gaji bulanan sebanyak 800 ringgit. Padahal Pesuruhjaya Tinggi Tentera mengesyorkan Dato' Jaya Perkasa dilantik sebagai Penasihat Negeri. Namun begitu Pesuruhjaya Tentera Terengganu berharap mendapat maklum balas cadangannya itu sama ada wajar atau bercanggah dengan peraturan negeri

sebelum perkara ini dibincangkan dengan *Montri Sapha*.<sup>152</sup> Pada 6 Ogos 1944 (6 Ogos 2487) Sultan Ali mengajukan surat kepada Pesuruhjaya Tentera Terengganu menyatakan cadangan Pesuruhjaya Tentera Terengganu ini tidak dapat diterima oleh baginda. Baginda menjelaskan bahawa perkara ini telahpun ditetapkan berpandukan *radiogram* Pesuruhjaya Tinggi Tentera bertarikh 28 Mac 1944 (28 Mac 2487); surat baginda bertarikh 14 Mei 1944 (14 Mei 2487) kepada Pesuruhjaya Tentera Terengganu. Di samping itu baginda juga telah memaklumkan kepada Dato' Jaya Perkasa dan pegawai Terengganu bahawa jawatan yang dipersetujui ialah Penasihat Negeri dengan gaji jawatan Menteri Besar, iaitu 1,000 ringgit. Dengan itu Sultan Ali menyatakan:

3. Maka pada fikiran dan timbanganku beta cadangan yang baharu ini jadi berlawanan dengan peraturan dan ketetapan dahulu ...
4. Oleh yang demikian beta berduakacita sekiranya perlantikan yang telah sudah diperbuat ini jadi berubah dan harap tuan bersetuju jua menurut yang telah ditentukan dahulu itu....<sup>153</sup>

Apabila Pesuruhjaya Tentera Terengganu menerima surat ini, beliau menyatakan di dalam suratnya bertarikh 10 Ogos 1944 (10 Ogos 2487) kepada Sultan Ali bahawa sememangnya ada cadangan Penasihat Negeri tetapi tidak ditetapkan gajinya. Di samping itu Pesuruhjaya Tentera menyatakan yang beliau tidak dapat mengesan surat yang memaklumkan jawatan Penasihat Negeri dan gaji kepada Dato' Jaya Perkasa. Oleh sebab jawatan Penasihat dan gajinya belum ada di dalam pentadbiran Terengganu maka Pesuruhjaya Tentera mencadangkan membawa perkara ini dalam mesyuarat *Montri Sapha* supaya tidak bercanggah dengan peraturan pemerintah empat buah negeri yang dikelolakan oleh Pemerintah Tertinggi (*Supreme Commander*). Beliau juga meminta segala pertimbangan dan keputusan *Montri Sapha* dimaklumkan dengan kadar seberapa segera kepadanya.<sup>154</sup> Dengan itu perkara ini dibawa kepada mesyuarat *Montri Sapha* pada 22 Ogos 1944 (22 Ogos 2487). Mereka yang hadir dalam mesyuarat ini ialah Haji Wan Long, Che Yusof bin Long, Tengku Ismail, Haji Ali bin Omar, Tengku Wok bin Zain, Tengku Chik Abu Bakar, Tengku Wok Mahmud, Syed Aqil, Wan Muda bin Ali, dan Tengku Hitam bin Ali menurunkan tandatangan ke atas ketetapan mesyuarat *Montri Sapha* yang berbunyi:

Pada 22 haribulan Ogos tahun 2487 [22 Ogos 1944] Selasa telah berhimpun ahli-ahli *Montri Sapha* kerana menimbangkan perkara jawatan penasihat dan skim gajinya.

Mesyuarat bersetuju mengesahkan jawatan Penasihat Negeri bagi Dato'Jaya dan gajinya ditimbalangkan 1,000/ ringgit sebulan dimulakan daripada 1.1.87 [1.1.1944].<sup>155</sup>

Keputusan mesyuarat *Montri Sapha* ini dimaklumkan kepada Pesuruhjaya Tentera Terengganu.<sup>156</sup>

Pada 14 Mei 1944 (14 Mei 2487/22 Jamadil Awal 1363) Sultan Ali melantik Dato' Jaya Perkasa Che Da Omar bin Mahmud, Menteri Besar, dan Naib Presiden *Montri Sapha* sebagai ganti baginda mengendalikan mesyuarat *Montri Sapha*. Dalam surat tauliah Sultan Ali tentang perlantikan ini berbunyi:

Bahawa kita al-Sultan Ali ibni almarhum al-Sultan Sulaiman Badrul Alam Syah Presiden *Montri Sapha* Terengganu menurut kuasa yang dinyatakan di dalam perkara 2 pemasyhuran oleh tempat pekerjaan yang sehabis tinggi yang telah dimasyhurkan di dalam Warta Kerajaan bilangan 9 bertarikh pada 9 haribulan Mac tahun 2487[9 Mac 1944] di dalam perkara 2 itu maka dengan surat ini kita kuasakan kepada Dato' Jaya Perkasa Che Da Omar bin Mahmud Naib Presiden *Montri Sapha* bagi ganti kita.

Demikianlah sah dan nyatanya dimeteraikan mohor cap dan sain kita di atas ini adanya.<sup>157</sup>

Pada 8 Mac 1944 (8 Mac 2604), pukul 10.00 pagi Setiausaha Sulit Sultan berjumpa dengan Ruwanaka di Pejabat Polis Tentera. Dalam pertemuan ini Setiausaha Sulit Sultan diarahkan memaklumkan kepada Setiausaha Kerajaan bahawa pada 10 Mac 1943 (10 Mac 2487) ialah hari kebesaran tentera, iaitu perdamaian antara Jepun dengan Rusia. Manakala pada 29 April 1944 (29 April 2604) pula adalah hari ulang tahun kemenangan ke atas Singapura. Sempena hari ini arahan hendaklah dikeluarkan supaya semua pejabat dan rumah menaikkan bendera *Yunimaru* dan Thai. Sesiapa yang melanggar arahan ini akan diambil tindakan. Dalam perkara ini Setiausaha Kerajaan diarahkan membuat laporan tentang pengingkar atau menelefon kepada Pejabat Polis Tentera.<sup>158</sup>

Pada 18 Mac 1944 (18 Mac 2604) Setiausaha Sulit Sultan menulis surat kepada Ketua Pejabat Rennaksho memohon kelulusan membeli minyak benzon dan minyak hitam untuk kenaikan Sultan Ali yang akan membuat lawatan ke Jajahan

Hulu Terengganu dalam bulan Mac (*San Gatsu*); Jajahan Besut hingga ke Kota Bahru dalam bulan April (*Si Gatsu*); Jajahan Timur—Dungun, Paka, Kemasik, Kemaman, dan hingga ke Pekan dalam bulan Mei (*Go Gatsu*) untuk memberi syarahan menggalakkan tanaman dan ternakan kepada penduduk negeri. Jumlah minyak benzon yang dipohon untuk lawatan ini sebanyak 40 gelen dan minyak hitam sebanyak tujuh gelen. Bagi perjalanan ke Jajahan Hulu Terengganu yang melibatkan 80.5 kilometer (50 batu), pergi-balik dan tiga buah kereta memerlukan 10 gelen minyak benzon dan satu gelen minyak hitam; ke Jajahan Besut hingga Kota Bahru yang melibatkan tiga buah kereta dan perjalanan pergi-balik berjumlah 341.2 kilometer (212 batu) memerlukan 40 gelen minyak benzon dan dua gelen minyak hitam; dan akhirnya perjalanan ke Jajahan Timur hingga ke Pekan yang melibatkan empat buah kereta dan perjalanan 482.8 kilometer (300 batu) pergi-balik memerlukan 130 gelen minyak benzon dan tujuh gelen minyak hitam.<sup>159</sup>

Dalam lawatan tersebut Sultan Ali memberi ucapan dengan menggalakkan penduduk tempatan bercucuk tanam dan memelihara ternakan dan memberi taat setia dan bekerjasama dengan kerajaan. Sultan Ali menyeru antara lainnya:

...walaupun kita tidak berputus-putus pergantungan kita akan beras-beras dan lain-lain makanan yang datang daripada luar dengan harga-harga yang rendah, tetapi sebaliknya jangan sekali-kali kita lupa akan segala perusahaan kita di dalam negeri kita sendiri maka sudahlah tentu pada sedikit masa yang telah lalu iaitu beras-beras yang dibawa daripada luar dengan keadaan harga yang terlampau tinggi yang tiada mampu oleh orang-orang yang miskin tetapi dengan bantuan padi-padi dan segala jenis ubi-ubi, dan lain-lainnya yang diusahakan di dalam negeri kita sendiri itu telah menjadi pertolongan yang amat besar kepada kita sekalian.<sup>160</sup>

Oleh sebab itu Sultan Ali menggesa supaya menjalankan ikhtiar yang berterusan untuk menambahkan hasil keluaran tanaman. Selain itu Sultan Ali juga menggalakkan pendudukan tempatan membiakkan ternakan seperti ayam, itik, kambing, biri-biri, kerbau, lembu, dan ikan paya. Binatang ternakan ini bukan sahaja boleh dimakan dagingnya, tetapi boleh menolong (seperti

kerbau dan lembu) mengusahakan tanaman dan najisnya boleh dijadikan baja tanaman yang diusahakan.<sup>161</sup>

Pada 13 Julai 1944 (13 Julai 2487) Sultan Ali mengutuskan telegram mengucapkan tahniah di atas hari jadi Perdana Menteri Thailand, Phibun Songkhram serta mendoakan semoga dipanjangkan usia.<sup>162</sup> Phibun Songkhram mengucapkan terima kasih di atas kiriman ucapan Sultan Ali kepadanya.<sup>163</sup>

Pada 29 Julai 1944 (29 Julai 2487) Setiausaha Sulit Sultan mengangkat anggaran perbelanjaan istana Sultan untuk tahun 1945 (2488) kepada Ketua Khazanah Negeri Terengganu. Anggaran tersebut termasuklah gaji Sultan dan pegawai kerajaan serta perbelanjaan lain yang bersangkutan dengan istana Sultan. Perbelanjaan yang dianggarkan itu adalah seperti Jadual IX.

Berkenaan butiran 2, yang melibatkan cadangan gajinya sendiri, iaitu bertambah daripada 1,656 ringgit setahun pada tahun 1944 (2487) kepada 2,220 ringgit setahun pada tahun 1945(2488), Setiausaha Sultan menyatakan:

...saya tersangat berduakacita hendak memasukkan pada butir itu kerana mendapat diri saya sendiri yang sangat tidak layak saya membuat cadangan itu kerana boleh menjadi suatu fikiran orang kepada saya maka sepatutnya saya meninggalkan kosong sahaja tetapi tentulah tidak nampak sempurna... sungguhpun demikian saya memohon maaf jika terkhilaf cadangan itu kerana saya belum ketahui apa-apa cadangan kerajaan.<sup>164</sup>

Butiran 6 pula, dua orang kerani, Che Mahmud bin Haji Omar dicadangkan supaya gajinya dinaikkan 6 ringgit, daripada 49 ringgit kepada 55 ringgit sebulan; juga Tengku Mustaffa bin Ismail dicadangkan supaya gaji tahun 1945 (2488) dinaikkan 6 ringgit kepada 30 ringgit sebulan. Begitu juga dengan butiran 11, cadangan juga dibuat supaya gaji pemandu dinaikkan 6 ringgit daripada 39 ringgit pada tahun 1944(2487) kepada 45 ringgit sebulan pada tahun 1945(2488). Butiran 13 ialah perkara baru, tetapi perkara nobat adalah tradisi dalam kesultanan Terengganu. Tentang lawatan, butiran 14, anggaran perbelanjaan ditambah 500 ringgit daripada 1,000 ringgit pada tahun 1944 (2487) kepada 1,500 ringgit pada tahun 1945 (2488) supaya Sultan boleh menambahkan lawatan ke daerah-daerah di Terengganu atau luar dari Terengganu. Walaupun demikian, tambahan belanja lawatan ini tidak melebihi perbelanjaan pada

**PENTADBIRAN TENTERA JEPUN DAN THAI DI TERENGGANU, 1942-1945**

**Jadual IX**  
**Anggaran Perbelanjaan Duli Yang Maha Mulia Sultan Bagi**  
**Tahun 1945 (2488)**

Butiran	Jenis Perbelanjaan	Anggaran (Ringgit) Gaji
1	Duli Yang Maha Mulia Sultan	72,000.00
2	Setiausaha Sulit DYM Sultan	2,220.00
3	Jururing DYM Sultan	900.00
4	Setiausaha DYMM Tengku Ampuan	840.00
5	Penghulu Balai	720.00
6	2 Orang Kerani Melayu Kelas III	960.00
7	2 Orang Pegawai Raja @ 288 ringgit	576.00
8	2 Orang Pelayan DYMM Sultan @ 240 ringgit	480.00
9	8 Orang Penjawat: 1 @ 228 ringgit; 5 @ 192 ringgit; 2 orang perempuan @ 228 ringgit	1,764.00
10	3 Orang Tukang Kebun: 1 @ 192 ringgit; 2 @ 180 ringgit	552.00
11	Drebar Motokar	468.00
12	Pelayan Opis	192.00
13	Elaun barang-barang mahal	1,800.00
Jumlah		83,472.00
Lain-Lain Belanja		
14	Melawat	1,500.00
15	Berbagai-hagai	300.00
16	Belanja Bulan Puasa, Raya Puasa dan Raya Haji	1,500.00
17	Haul Almarhum Sultan Sulaiman	200.00
18	Hari Jadi DYMM Sultan	1,000.00
19	Maulud Nabi dan Hari Awal Tahun	750.00
20	Pasangan	1,000.00
21	Motokar	
22	Nobat	
Jumlah belanja tiap-tiap tahun		6,250.00
Jumlah Perbelanjaan DYMM Sultan		89,722.00

Sumber: SUK. Tr., 24/1363. Anggaran Bagi Tahun 2488.

tahun 1941. Perbelanjaan butiran 16, 17, 18, dan 19 masing-masing ditambah untuk diselaraskan dengan kenaikan harga barang. Butiran 20, 21, 22, dan 23, walaupun boleh dikatakan

cadangan baru tetapi pada tahun 1941 perkara ini dibiayai oleh kerajaan.<sup>165</sup> Jumlah anggaran perbelanjaan tahunan Duli Yang Maha Mulia Sultan bagi tahun 1945 sebanyak 89,722 ringgit, iaitu bertambah sebanyak 5,048 ringgit berbanding dengan tahun sebelumnya, 1944, yang hanya berjumlah 87,674 ringgit. Tambahan perbelanjaan ini merangkumi gaji dan pelbagai. Pada tahun 1945, perbelanjaan gaji meningkat 83,472 ringgit; bertambah sebanyak 2,748 ringgit berbanding dengan tahun sebelumnya, 1944, hanya berjumlah 80,724 ringgit. Penambahan belanjawan ini kerana adanya cadangan kenaikan gaji pegawai-pegawai tertentu. Manakala perbelanjaan pelbagai sebanyak 6,250 ringgit pada tahun 1945, bertambah sebanyak 2,300 ringgit berbanding dengan sebelumnya, pada tahun 1944 yang hanya berjumlah 3,950 ringgit.<sup>166</sup>

Langkah Setiausaha Sulit Sultan mengangkat terus anggaran perbelanjaan, termasuk cadangan tambahan anggaran perbelanjaan menyebabkan Setiausaha Kerajaan menegurnya. Teguran ini timbul apabila Sultan Ali meminta Setiausaha Kerajaan menyemak sama ada anggaran Pejabat Sultan untuk tahun 1945(2488) itu ada dimasukkan atau tidak tentang perbelanjaan Nobat. Apabila tidak menerima sebarang cadangan anggaran perbelanjaan tersebut; serta mendapat tahu yang Setiausaha Sulit menghantar terus kepada Ketua Khazanah, Setiausaha Kerajaan memaklumkan kepada Setiausaha Sulit bahawa langkahnya menghantar terus cadangan tambahan dan anggaran perbelanjaan kepada Ketua Khazanah adalah bercanggah dengan peraturan. Sepatutnya Setiausaha Sulit mengajukan terlebih dahulu kepada Setiausaha Kerajaan dan meminta agar mengambil langkah semula mengikut saluran. Juga Setiausaha Kerajaan menegur Pejabat Sultan kerana beliau gagal menghubungi pegawai atau kerani pejabat itu, walaupun pada suatu ketika beliau menghubunginya pada pukul 10.20 pagi.<sup>167</sup>

Pada 8 Ogos 1944 (8 Ogos 2487) Sultan Ali mengajukan surat kepada Dato' Jaya supaya merundingkan kenaikan pangkat dan gaji Tengku Paduka Raja, Hakim Besar dan Tengku Jaya Pekerma, Ketua Khazanah dengan pangkat Kelas A satu dan gaji mereka menurut skim tersebut. Baginda juga meminta supaya dipertimbangkan kenaikan pangkat dan gaji Setiausaha Sulit baginda, Haji Ali bin Omar kepada pangkat pegawai Kelas II dan gajinya menurut skim.<sup>168</sup> Pada 9 Ogos 1944 (9 Ogos

2487), pukul 2.30 petang Sultan Ali datang ke Pejabat Pesuruhjaya Tentera Thai berunding tentang cadangan kenaikan pangkat dan gaji ini. Dalam perbincangan ini Pesuruhjaya Tentera Thai mencadangkan supaya Sultan Ali menulis perkara tersebut kepada supaya ia boleh dirundingkan di kalangan pegawai Thai. Dengan itu pada 10 Ogos 1944 (10 Ogos 2487), Sultan Ali merujuk kepada perbualannya dengan Pesuruhjaya Tentera Thai pada 9 Ogos 1944 (9 Ogos 2487), mengajukan surat supaya Tengku Paduka Raja, Hakim Besar dan Tengku Jaya Pekerma, Ketua Khazanah Besar dinaikkan pangkat masing-masing ke kelas A satu dan diberikan gaji setaraf dengan kedudukannya. Keperluan ini adalah terdesak kerana harga barang-barang keperluan mahal.<sup>169</sup> Permohonan Sultan Ali ini mendapat persetujuan Pesuruhjaya Tentera Thai. Persetujuan ini dimaklumkan oleh Pesuruhjaya Tentera, P. Ratanakich kepada baginda Sultan Ali dalam pertemuan di Istana Kolam pada 10 September 1944 (10 September 2487). Dengan itu pada 17 September 1944 (17 September 2487) Sultan Ali menulis surat kepada Pemangku Pesuruhjaya Tentera Thai supaya mengedarkan perkara yang telah diluluskan itu dengan kadar segera supaya dapat disahkan dalam mesyuarat *Montri Sapha*.<sup>170</sup> Pada 22 Oktober 1944 (22 Oktober 2487) Sultan Ali memaklumkan kepada Dato' Jaya Perkasa bahawa baginda telahpun memanjangkan akuan kenaikan gaji dan pangkat ini kepada Pesuruhjaya Tentera Thai.<sup>171</sup> Pada 5 Februari 1945 (5 Februari 2488/22.2.1364), Setiausaha Kerajaan, Tengku Hitam memaklumkan kepada Setiausaha Sulit Sultan, Haji Ali bin Omar yang ia dinaikkan pangkat menjadi Pegawai Tadbir Kelas III merangkap pemangku Pegawai Kelas II. Kenaikan ini bermula pada 1 Januari 1945 (1 Januari 2488) daripada kelas III kepada pegawai kelas II. Gaji bulanan kini bertambah dari 180 ringgit kepada 210 ringgit. Selain itu satu mata kenaikan gaji akan diberikan mulai 1 Julai 1945 (1 Julai 2488).<sup>172</sup>

Pada 22 Ogos 1944 (22 Ogos 2487) Sultan Ali mengajukan surat kepada Setiausaha Agung *Montri Sapha* bahawa Tengku Indera Ismail, Pesuruhjaya Polis tidak memenuhi jemputan baginda dan menyifatkan Tengku Indera tidak menghormati jemputan baginda. Sultan Ali juga menggesa Setiausaha Agung *Montri Sapha* mengambil perhatian bahawa pukulan genta terlalu laju jaraknya antara satu pukulan dengan pukulan lain dan begitu juga dengan pukulan goncang terlalu cepat. Baginda

mengharapkan pukulan genta dan goncang ini hendaklah dipalu mengikut kebiasaan yang lepas—masa pemerintah Almarhum Sultan Sulaiman Badrul Alam Syah.<sup>173</sup> Dengan itu Setiausaha Kerajaan memanggil Tengku Indera, Pesuruhjaya Polis ke Pejabat Setiausaha pada petang 23 Ogos 1944 (23 Ogos 2487) untuk mendapatkan penjelasan. Dalam huraiannya Tengku Indera memaklumkan ketika mendapat titah Sultan Ali pada 21 Ogos 1944 (21 Ogos 2487), beliau terpaksa ke Bukit Payung untuk menyelesaikan kes polis di sana. Berkenaan pukulan genta pula sudah dimaklumkan oleh Setiausaha Kerajaan kepada pemukulnya. Terdapat perbedaan pukulan genta sekarang dengan dahulu kerana pemukulnya ialah orang baru dan belum lagi mahir. Pemukul sebelum ini telahpun berhenti.<sup>174</sup>

Pada 17 Oktober 1944 (17 Oktober 2487) Pesuruhjaya Tentera Terengganu mengajukan surat kepada Sultan Ali menyatakan bahawa Pesuruhjaya Tentera Kelantan mempersilakan baginda menghadiri upacara kemahkotaan Sultan Kelantan<sup>175</sup> yang akan berlangsung pada hari Selasa 31 Oktober 1944 (15 Zulkaedah 1363/31 *Tulakhom* 2487), pukul 9.45 pagi di dalam istana balai besar.<sup>176</sup> Dalam surat jawapan baginda kepada Pesuruhjaya Tentera Terengganu bertarikh 26 Oktober 1944 (26 Oktober 2487), Sultan Ali menyatakan bahawa baginda tidak dapat hadir kerana keuzuran. Dengan itu wakil baginda, Tengku Bija Wangsa dan Tengku Pekerma akan hadir dalam upacara tersebut.<sup>177</sup> Begitu juga Sultan Ibrahim mengutuskan surat kepada Sultan Ali bertarikh 9 Oktober 1944 (9 *Tulakhom* 2487) mempersilakan baginda menghadiri upacara kemahkotaan Sultan Ibrahim di Kelantan.<sup>178</sup> Sebagaimana jawapan kepada Pesuruhjaya Tentera Terengganu, kepada Sultan Ibrahim juga Sultan Ali menyatakan bahawa baginda tidak dapat hadir kerana keuzuran dan akan menghantar wakil, iaitu Tengku Bija Wangsa dan Tengku Pekerma ke majlis istiadat pertabalan itu.<sup>179</sup>

Pada 28 Oktober 1944 (28 Oktober 2487) pegawai dari Gunsei-kan datang mengadap Sultan Ali menyatakan bahawa bintang *Kyoku San To* yang hendak dianugerahkan oleh kerajaan Jepun kepada baginda telahpun sampai. Oleh itu ketetapan dibuat bahawa upacara penganugerahan bintang tersebut akan dilangsungkan di Istana Badariah, Pejabat *Renraku-syo* pada hari Isnin, pukul 10.00 pagi, 30 Oktober 1944 (30 Oktober 2487). Pada pukul 9.00 pagi, 30 Oktober 1943

berkumpul ahli *Montri Sapha*, ketua pejabat, dan dato'-dato' di Istana Kolam. Pada pukul 9.45 pagi, Duli Yang Maha Mulia Sultan Ali dan pengiring berangkat ke Istana Badariah bersama-sama pegawai Jepun, Thai dan Pesuruhjaya Tentera Terengganu. Upacara penganugerahan bintang tersebut berlangsung pada pukul 10.10 pagi.<sup>180</sup>

Pada 23 November 1944 (23 November 2487/8.12.1363), Sultan Ali mengajukan surat kepada Dato' Jaya memaklumkan bahawa baginda mendapat maklumat yang harga beras di Terengganu terlalu mahal dan ini akan menyusahkan rakyat. Begitu juga baginda difahamkan bahawa telah ramai rakyat Terengganu yang menahan kelaparan. Segala perkara ini menyebabkan Sultan Ali merasa sedih atas kesusahan rakyat Terengganu. Dengan itu Sultan Ali mengharapkan Dato' Jaya mengambil beberapa langkah seperti:

... membuka suatu rundingan dengan saudagar-saudagar beras atau orang kaya-kaya supaya dapat diberi ihsan pertolongan kepada orang-orang rakyat negeri iaitu janganlah dijual berasnya dengan tersangat tinggi harganya tolonglah dia membuat kebijikan kepada rakyat negeri supaya tidak mengambil untung di atas harga beras itu. Inilah satu pertolongan yang sangat besar kepada segala rakyat negeri itu. Jika dapat Dato' ikhtiarkan bermesyuarat dengan saudagar itu kita fikir boleh memberi kesan dan kita sedia membantu Dato' di atas perkara itu mudah-mudahan rakyat negeri kita mendapat sedikit kesenangan.<sup>181</sup>

Dengan itu Dato' Jaya mendapatkan maklumat daripada saudagar beras tentang harga beras pada ketika ini. Daripada siasat yang didapati, harga beras di Senggora ialah seperti Jadual X. Walaupun demikian harga beras yang dijual pada ketika ini adalah 500 ringgit dan 525 ringgit sepikul; iaitu harga beras yang dibeli dahulu. Dato' Jaya dalam minitnya kepada Sultan Ali mencatatkan ucapan terima kasih atas peringatan pada harga beras yang tinggi dan perlu mengambil langkah untuk kebijikan rakyat. Oleh sebab harga beras sudah demikian, Dato' Jaya berpendapat sukar untuk mendapatkan persetujuan peniaga beras untuk menurunkan harganya, kerana ini akan merugikan perniagaan mereka; kecuali tindakan undang-undang diambil untuk mengawal harga ini. Sekiranya kawalan harga diambil saudagar beras akan mengalami kerugian. Dengan itu saudagar akan memberhentikan perniagaan beras

Jadual X  
Harga Beras Di Senggora (Akhir 1943/2487)

Butiran	Harga (Ringgit)
1 pikul beras 78 kop = 100 ringgit ditukar 16.50, kop 78 kop	473.00
Kos Pengangkutan 1 pikul	80.00
Perbelanjaan tarik masuk 1 pikul	1.00
Cukai 1 pikul	.25
Upah kuli [buruh] angkat 1 karung	1.00
<b>Jumlah</b>	<b>555.25</b>

Sumber: SUK. Tr., 44/1363, "Ingatan", 26.12.2487.

dan ini tidak akan dapat memenuhi matlamat menambahkan beras di dalam negeri Terengganu. Dato' Jaya berpendapat kawalan yang dilakukan oleh Pejabat Kawalan Makanan adalah munasabah. Namun begitu pelaksanaan catuan menghadapi masalah kerana kesukaran mengangkut dan pemilihannya yang melewati hingga ke kawasan pedalaman. Dato' Jaya melahirkan betapa sukarnya untuk mengatasi masalah yang dibangkitkan oleh Sultan Ali; misalnya bagaimana hendak membantu nelayan yang pendapatannya satu ringgit daripada penjualan empat ekor ikan selar kuning untuk membeli segantang beras yang berharga 32 ringgit segantang. Oleh sebab keadaan ini Dato' Jaya memaklumkan kepada Sultan Ali bahawa pegawai negeri tidak mempunyai sebarang cara untuk menyelesaikan masalah harga beras yang tinggi ini.<sup>182</sup> Sultan Ali yang melihat catatan Dato' Jaya ini tidak memberi sebarang ulasan dan hanya mencatatkan bahawa baginda telah melihat.<sup>183</sup>

Pada 14 Disember 1944 (14 Disember 2487) satu perhimpunan diadakan di Istana Kolam yang dihadiri oleh Sultan Ali, Pesuruhjaya Tentera Thai dan ahli *Montri Sapha* untuk menyambut ulang tahun penubuhan *Montri Sapha*. Pada hari tersebut, pukul 9.30 pagi semua ahli *Montri Sapha* hadir di Istana Kolam. Pada pukul 10.00 pagi Sultan Ali memasuki majlis dan memberi ucapan. Selepas itu ucapan balas diberi oleh Pesuruhjaya Tentera Thai.<sup>184</sup> Dalam ucapan itu Sultan Ali menyatakan:

Dengan beberapa kegemaran kita datang mengunjungi Tuan Yang Terutama Bagi pihak kerajaan Thailand yang telah memandang kepada negeri dan kebangsaan kita dan dengan limpah mengasihani yang ihsan telah menubuhkan balik dan melantik kita sekalian bagi Jemaah *Montri Sapha* maka yang demikianlah menjadi kenang-kenangan yang amat besar kepada kita.

Dengan pimpinan Tuan Yang Terutama kita sekalian telah berazam dengan bersungguhnya dan ikhlas mengerja kepada negeri untuk memajukan segala cita-cita Tuan Yang Terutama seberapa yang berupaya. Maka dengan segala pertadbiran yang telah diatur maka nampaklah kepada kita di dalam tiap-tiap perkara adalah berkebijakan dan berfaedah kepada negeri.

Dengan sifat kita sekalian pegawai-pegawai anak negeri mengucap kesyukuran dan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bagi pihak Yang Maha Mulia lagi Maha Besar Baginda dan kerajaan Thailand yang meletakkan pentadbiran pemerintahan negeri kepada negeri ini dengan halus yang amat memuaskan hari serta berterima kasih kepada pegawai-pegawai kerajaan Thailand dan Tuan Yang Terutama sendiri kerana telah menunjuk suci ikhlas kepada kita sekalian dalam sebarang perkara. Kita memohon kepada Tuhan mudah-mudahan kerajaan Thailand dengan kemajuan yang bertambah-tambah serta berkekalan selama-lamanya amin.<sup>185</sup>

Pada 11 Januari 1945 (11 Januari 2488) Sultan Ali menulis surat kepada Dato' Jaya menyatakan bahawa perbelanjaan hari keputeraan baginda tahun 1945 sewajarnya antara 15,000 ringgit dengan 16,000 ringgit. Perkara ini sudahpun dimaklumkan oleh Sultan Ali kepada Pesuruhjaya Tentera Thai dalam pertemuan di Istana Kolam pada petang 10 Januari 1945 (10 Januari 2488). Dato' Jaya dititahkan merundingkan cadang belanjawan ini dan memaklumkan kepada baginda.<sup>186</sup> Pada 22 Januari 1945 (22 Januari 2488) Pesuruhjaya Tinggi Tentera Thai, Mejor General C. Pairirayodet yang berpusat di Kedah mengutuskan radiogram kepada Pesuruhjaya Tentera Terengganu supaya menyampaikan ucapan selamat ulang tahun keputeraan Sultan Ali bagi pihak Pesuruhjaya Tinggi Tentera dan pegawai; semoga dilanjutkan usia dan memerintah negeri Terengganu dengan aman dan sentosa.<sup>187</sup> Dengan itu Pesuruhjaya Tentera Terengganu mengajukan ucapan tersebut sempena sambutan ulang tahun keputeraan Sultan Ali pada 23 Januari 1945 (23 Makrakhom 2488).<sup>188</sup> Sultan Ali membalias surat ini dengan menyatakan ucapan terima kasih pada 3

Februari 1945 (3 Februari 2488).<sup>189</sup> Dalam sambutan perayaan hari keputeraan itu beberapa orang perseorangan dan syarikat memberikan persembahan. Persembahan wang datangnya daripada tauke-tauke Besut, Dungun, Kemaman, dan Kuala Terengganu. Sultan Ali menerima persembahan wang sebanyak 400 ringgit daripada Tauke Awang (Soo Chiu Hwa), Tauke Gian, Lim Wei Chiang, dan Tan Soon Huat; Pengurus Bank Watanabe mempersesembahkan 500 ringgit, iaitu 300 ringgit kepada Sultan Ali dan 200 ringgit kepada putera-puteri baginda. Sultan Ali meminta Dato' Jaya Perkasa membuat senarai mereka yang memberikan persembahan supaya baginda boleh mengucapkan terima kasih kepada penyumbang.<sup>190</sup> Dato' Jaya Perkasa memaklumkan kepada Sultan Ali pada 22 Februari 1945 (22 Februari 2488) bahawa beliau bersama jawatankuasa akan membuat senarai tersebut.<sup>191</sup>

Pada awal Februari 1945 Dato' Jaya Che Da Omar bin Mahmud menulis surat kepada Pesuruhjaya Tentera Terengganu bahawa sebagaimana yang telah dimaklumi dan dibincangkan dengan Pesuruhjaya Tinggi Tentera yang datang melawat Terengganu, satu upacara istiadat pertabalan Sultan Ali akan diadakan dalam bulan Mei 1945 (Paresphakhom 2488). Perkara pertabalan ini sudah dinyatakan kepada pegawai-pegawai tinggi anak negeri dan mereka tidak ada halangan. Dato' Jaya menyedari bahawa upacara pertabalan yang akan diadakan ini sangat lewat kerana Sultan Ali dilantik menjadi Sultan Terengganu pada 25 September 1942 (15 Ramadan 1361/25 September 2602). Tentang kelewatan ini Dato' Jaya menegaskan:

Di dalam pekerjaan yang dicadangkan ini [pertabalan] sudahlah juga saya menyatakan kepada pegawai-pegawai tinggi anak negeri maka saya faham tiadalah galangan supaya disempurnakan. Maka tuan [Pesuruhjaya Tentera Terengganu] sedialah termaklum semenjak Yang Maha Mulia dilantik menjadi sultan pada tarikh 15 Ramadan 1361 (25 September 2602) dan nyatalah telah tersangat berlewat ditabalkan akan tetapi telah sedialah juga dalam timbalan tuan bagaimana besarnya pekerjaan ini yang di dalamnya mengandung pekerjaan-pekerjaan makan minum dan bersuka ria pada hal dalam masa darurat seperti ini tidak munasabah diadakan pekerjaan ini yang demikian selululah ditawakaf (?). Maka sekarang oleh sebab negeri Kelantan telah menyempurnakan pekerjaan itu di dalam masa darurat ini maka

negeri Terengganu patut menyempurnakan juga dengan seberapa daya menurut kadar dan kelayakan negeri Terengganu sahaja.<sup>192</sup>

Oleh sebab menyedari bahawa pertabalan ini ialah suatu upacara yang besar maka Dato' Jaya Perkasa menjemput Penolong Pesuruhjaya Tentera menjadi salah seorang anggota jawatankuasa pertabalan, di samping ahli lain seperti Setiausaha Agung *Montri Sapha*, Ketua Khazanah, Pesuruhjaya Polis, dan Ketua Pelajaran. Jawatankuasa ini akan mengenai perbelanjaan dan atur cara pertabalan. Begitu juga Dato' Jaya agak bimbang untuk mengadakan upacara pertabalan dalam bulan Mei 1945 (*Paresphakhom* 2488) kerana kesuntukan masa, dan memerlukan belanja yang besar.<sup>193</sup> Pelawaan Dato' Jaya ini dipersetujui oleh Penolong Pesuruhjaya Tentera Terengganu.<sup>194</sup> Cadangan menubuhkan jawatankuasa hari pertabalan ini direstui oleh Sultan Ali.<sup>195</sup> Dato' Jaya Perkasa meminta pandangan Sultan Ali mengenai belanjawan hari pertabalan,<sup>196</sup> tetapi Sultan Ali menyerahkan perkara ini kepada kebijaksanaan Dato' Jaya.<sup>197</sup>

Pada 10 Mac 1945 (10 Mac 2488) Dato' Jaya Perkasa menjemput Sultan Ali melawat Pejabat *Montri Sapha* untuk melihat perjalanan pejabat tersebut, dan juga dengan harapan bahawa kunjungan itu akan dapat memuaskan hati pegawai dan rakyat negeri. Walaupun Dato' Jaya mencuba seboleh upaya menjalankan pentadbiran tetapi beliau merasakan akan ada beberapa perkara yang tidak disetujui oleh Sultan Ali. Namun demikian Dato' Jaya menyatakan bahawa sebagai wakil khas Sultan yang mengurus pentadbiran negeri, beliau menjalankan tugasnya dengan ikhlas tanpa mementingkan faedah dirinya sendiri; tetapi menyedari bahawa kesalahan dan kesilapan tidak boleh dielakkan.<sup>198</sup>

Dato' Jaya yang berasa tidak sihat telah datang ke *Town Dispensary* dan hospital pada 6 Jun 1945 (6 Jun 2488) kerana mengidap penyakit susah bernafas, sakit buah pinggang, serban (semut-semut), perjalanan darah jantung tidak menentu, dan kembung perut. Dengan itu Dato' Jaya diberi cuti selama 28 hari.<sup>199</sup> Pada 15 Jun 1945 (15 Jun 2488) Dato' Jaya tidak dapat memasuki pejabat kerana keuzuran. Beliau menghidap sakit kepala, lelah, pemandangan kurang jelas, dan darah tinggi. Namun begitu dalam pertemuannya dengan beberapa pegawai kerajaan pada 18 Jun 1945 (18 Jun 2488), iaitu setelah empat

hari tidak memasuki pejabat, Dato' Jaya meminta maaf kerana tidak dapat ke pejabat tetapi akan mencuba menyelesaikan beberapa perkara mustahak di rumahnya.<sup>200</sup>

Pada 24–25 Jun 1945 (24–25 *Mitunayon* 2488) Terengganu bercuti selama dua hari kerana menyambut hari kebesaran kerajaan Thai. Pada 25 Jun 1945 (25 Jun 2488) Sultan Ali mengadakan jamuan sempena sambutan ini dengan menjemput pegawai Melayu, Jepun, dan Thai menikmat jamuan di Istana Kolam.<sup>201</sup> Perbelanjaan jamuan ini sebanyak 2,150 ringgit.

Jadual XI

Perbelanjaan Jamuan Hari Kebesaran Thai Di Istana Kolam Pada 25 Jun 1945/2488

Bil.	Perkara	Harga (Ringgit)
1	Kepada Che Liah kerana jamuan nasi cara Melayu	1,500.00
2	Sotong kering dan lain bersama-sama minuman	100.00
3	Kacang Goreng	40.00
4	Pertukaran beras barat [Thai] dengan beras nombor 1	50.00
5	Tambang kereta lembu dan teksi [beca] kerana mengangkat kerusi dan meja	65.00
6	Beli paku kerana perhiasan bendera-bendera Thai	5.00
7	5 orang joget @ 35 ringgit	175.00
8	Che Jusuh dan Harun @ 35 ringgit	70.00
9	2 orang Gong dan Gendang @ 20 ringgit	40.00
10	Che Hamid Mandolin	15.00
11	Bayaran cuci kain meja dan 20 helai kain serbet ( <i>napkin</i> )	90.00
Jumlah		2,150.00

Sumber: SUK. Tr., 22/1364, Perbelanjaan kerana jamuan Selamat Hari Kebangsaan Thai Pada 25 Jun 2488.

Oleh sebab peruntukan yang diluluskan oleh Sultan Ali sebanyak 2,100 ringgit; manakala perbelanjaan pula 2,150 ringgit, maka perbelanjaan kekurangan 50 ringgit.<sup>202</sup> Pesuruhjaya Tinggi Thai yang berpusat di Saiburi (Kedah) menghantar kawat kepada Pesuruhjaya Tentera Terengganu supaya menyampaikan ucapan terima kasih kepada Sultan Ali

kerana mengadakan jamuan sempena hari kebesaran Thai tersebut.<sup>203</sup>

Pada 28 Jun 1945 (28 Jun 2488) dan 3 Ogos 1945 (3 Singhakhom 2488), Pegawai Perubatan Terengganu, T.A. Menon merawat Dato' Jaya. Dato' Jaya didapati mengidapi pelbagai penyakit, sakit belakang, penglihatan kurang jelas, kencing manis, dan darah tinggi. Berbangkit daripada masalah kesihatan ini Pegawai Perubatan Terengganu memperakukan Dato' Jaya diberi cuti dan dibebaskan daripada tanggungan tugas selama sebulan lagi.<sup>204</sup>

Pada 11 Julai 1945 (11 Julai 2488) Dato' Jaya Perkasa mengajukan surat kepada Sultan Ali dan juga kepada Pesuruhjaya Tentera Terengganu. Dalam suratnya kepada Sultan Ali, Dato' Jaya menyatakan keuzurannya, meminta rehat dan bebas daripada tugas selama dua atau tiga minggu supaya dapat berubat dan menurut nasihat doktor dengan betul. Oleh sebab beliau bercuti, Dato' Jaya mempersesembahkan kepada Sultan Ali supaya melantik pengganti beliau sebagai Naib Presiden untuk mengurus pentadbiran *Montri Sapha* dan calonnya terserah kepada Sultan Ali.<sup>205</sup> Sultan Ali menjawab surat Dato' Jaya ini pada 12 Julai 1945 (12 Julai 2488) dan meluluskan permohonan cuti Dato' Jaya. Sultan Ali berpendapat jawatan Naib Presiden layak disandang oleh Tengku Wangsa disebabkan ke kananannya. Namun begitu baginda masih meminta pandangan Dato' Jaya. Sultan Ali menyedari pelantikan Tengku Wangsa nanti hanyalah sementara kerana Dato' Jaya masih lagi menyandang jawatan tersebut. Sultan Ali menyatakan bahawa baginda telah beberapa kali hendak melawat Dato' Jaya tetapi tidak dapat kerana baginda sendiri diserang sakit pinggang dan bimbang lawatan baginda akan menyusahkan Dato' Jaya. Namun begitu Sultan Ali menyatakan bahawa baginda akan melawat Dato' Jaya dalam tempoh beberapa hari lagi.<sup>206</sup> Dato' Jaya juga mengajukan surat kepada Pesuruhjaya Tentera Terengganu memohon cuti rehat.<sup>207</sup> Permohonan cuti Dato' Jaya diperkenankan oleh Pesuruhjaya Tentera.<sup>208</sup> Pada 17 Julai 1945 (17 Julai 2488) Pegawai Perubatan Terengganu yang merawat Dato' Jaya berpendapat bahawa beliau belum lagi cukup sihat dan memerlukan masa lagi untuk berehat. Dengan itu Pegawai Perubatan memperakukan supaya Sultan Ali memperkenankan cuti lagi kepada Dato' Jaya selama dua atau tiga bulan lagi.<sup>209</sup>

Pada 14 Julai 1945 (14 Julai 2488) Sultan Ali mengutuskan surat kepada Pesuruhjaya Tentera mengucapkan selamat bertukar kepada ketua pasukan tentera Thai bahagian selatan yang akan memegang jawatan baru yang lebih tinggi daripada jawatannya sekarang. Baginda juga akan menyampaikan ucapan selamat tinggal Ketua Pasukan Tentera Bahagian Selatan kepada pegawai-pegawai dan saudagar-saudagar Terengganu.<sup>210</sup>

### Penerapan Nilai-Nilai Thai

Sepertimana pentadbiran tentera Jepun, pentadbiran tentera Thai juga melaksanakan dasar menerapkan nilai-nilai Thai dalam pentadbiran. Pada 24 Oktober 1943 (24 Oktober 2486) Pejabat Maklumat mengedarkan siaran supaya ketua-ketua pejabat yang belum memiliki bendera Thai yang besar untuk pejabat masing-masing melaporkan kepada Pejabat Maklumat dengan segera.<sup>211</sup> Kerajaan tentera Thai juga meminda waktu pejabat Terengganu. Pada 20 Oktober 1943 (20 Oktober 2486), P. Nai Badalung, pemangku Gabenor Terengganu mengeluarkan pengisytiharan bilangan 2, tentang waktu pejabat. Dalam pengisytiharan ini waktu masuk pejabat, hari Sabtu hingga Rabu pada pukul 9.00 pagi; keluar pada 12.00 tengah hari; masuk bekerja semula pada pukul 14.00 (2.00) petang dan tamat pejabat pada pukul 16.00 (4.00) petang waktu Thai. Pada hari Khamis, waktu masuk kerja pukul 8.00 pagi dan tamat pejabat pada pukul 12.00 tengah hari waktu Thai. Hari Jumaat kekal sebagai hari kelepasan am.<sup>212</sup>

Selain itu hari kebesaran Thai disambut di Terengganu, misalnya pembentukan kerajaan berperlembagaan (Hari Kebangsaan Thailand) dan hari jadi Raja Thailand. Pada 4 Disember 1943 (4 Disember 2486), P. Nai Badalung mengeluarkan pengisytiharan cuti kelepasan pada 9, 10, dan 11 Disember 1943 (9, 10 dan 11 Disember 2486) kerana menyambut ulang tahun Negeri Thailand menuju kerajaan Berperlembagaan. Selama tiga hari ini, semua pejabat dan rumah di Terengganu diarahkan menaikkan bendera Thai.<sup>213</sup>

Dalam persiapan menyambut Hari Kebangsaan Thai ini, semua pejabat diarahkan menaikkan bendera Thai pada petang 8 Disember 1943 (8 Disember 2486). Rumah-rumah penduduk

Terengganu dikehendaki menaikkan bendera Thai pada 9 Disember 1943 (9 Disember 2486). Bendera yang dinaikkan ini hendaklah dikibarkan selama tiga hari. Pada 10 Disember 1943 (10 Disember 2486), pukul 12:00 tengah hari hendaklah diadakan sembahyang di masjid dan di surau memohon kepada Tuhan menambah kemajuan dan kekal kerajaan berperlembagaan Thai. Pada pukul 2.00 petang pula, semua pegawai Thai dan anak negeri serta saudagar dan rakyat berhimpun di Istana Maziah. Dalam perhimpunan ini Sultan Ali dan pegawai Jepun dijemput hadir, dan Pesuruhjaya Tentera Thai Terengganu akan berucap. Selepas itu mereka menikmati minuman teh. Pada pukul 3.30 petang diadakan permainan sukan di Padang Paya Bunga. Pada pukul 6.00 petang pegawai-pegawai Thai menikmati jamuan dan diadakan permainan di antara mereka. Dalam sambutan 10 Disember 1943 (10 Disember 2486), pegawai-pegawai Thai diarahkan memakai pakaian seragam lengkap; sekiranya tidak mempunyai pakaian seragam lengkap mereka bolehlah memakai pakaian seragam biasa; manakala pegawai anak negeri memakai pakaian mengikut adat resam bagi masing-masing bangsa. Pakaian untuk pukul 6.00 petang hanya pakaian seragam biasa sahaja. Jajahan lain, kecuali Jajahan Kuala Terengganu boleh mengikuti atur-cara ini sekadar yang boleh.<sup>214</sup>

Pada 14 September 1944 (14 September 2487) Pejabat Setiausaha Kerajaan mengeluarkan pengisytiharan bilangan 10/2487 memaklumkan supaya pegawai-pegawai kerajaan, rakyat, saudagar-saudagar dalam negeri Terengganu menaikkan bendera Thailand selama dua hari 20 – 21 September 1944 (20 dan 21 *Kanyayun* 2487/20 – 21 September 2487) sempena menyambut hari jadi Raja Thailand yang jatuh pada 20 September 1944 (20 *Kanyayun* 2487/20 September 2487).<sup>215</sup> Sempena hari jadi Raja Thailand ini, Sultan Ali mengutuskan telegram ucapan tahniah serta doa semoga dipanjangkan usia, sihat, dan kejayaan yang berkekalan.<sup>216</sup> Penghantaran telegram ini diurus oleh Dato' Jaya Perkasa. Pada 20 September 1944 (20 September 2487), pukul 9.45 pagi satu istiadat menyambut hari jadi Raja Thailand diadakan di Pejabat Tentera Thai.<sup>217</sup> Walaupun cadangan ada dibuat bahawa Sultan Ali akan mengucapkan kesyukuran bagi pihak kerabat diraja dan anak negeri pada 20 September 1944 (20 September 2487) tetapi ucapan ini tidak dibaca.<sup>218</sup> Setiausaha Sulit Raja Thailand

mengutuskan telegram kepada Pesuruhjaya Tentera Terengganu untuk menyatakan bahawa Raja Thailand telahpun menerima ucapan tahniah Sultan Ali dan meminta Pesuruhjaya Tentera Terengganu menyampaikan ucapan terima kasih dan doa selamat ke atas Sultan, kerabat diraja, dan rakyat negeri Terengganu.<sup>219</sup> Dengan itu pada 25 September 1944 (25 September 2487) P. Nai Badalung, Pesuruhjaya Tentera Terengganu mengutuskan surat dan melampirkan telegram daripada Setiausaha Sulit Raja Thailand kepada Sultan Ali untuk pengetahuan baginda.<sup>220</sup>

Kerajaan Tentera Thai Terengganu juga menyambut tahun baru. Pada 28 Disember 1944 (28 *Tanwakhom* 2487), Pejabat Pesuruhjaya Tentera Thai Terengganu mengeluarkan atur-cara sambutan tahun baru 1945 (2488). Pesuruhjaya Tentera meminta semua bangunan pejabat kerajaan, rumah pegawai, perniagaan, dan orang ramai mengibarkan bendera Thai selama tiga hari, 31 Disember 1944 (31 *Tanwakhom* 2487), 1-2 Januari 1945 (1-2 *Mokrakhom* 2488). Sempena menyambut tahun baru ini cuti kelepasan am diisyiharkan selama tiga hari tersebut. Semua surau dan masjid diminta memukul geduk (beduk), pukulan biasa sebanyak tiga kali pada 31 Disember 1944 (31 *Tanwakhom* 2487), pukul tepat 24.00 (12.00) tengah malam. Pada pukul 16.30 Sami Thai akan membaca doa di Kemp Tentera Thai; upacara ini untuk pengawai Thai sahaja. Pada 1 Januari 1945 (1 *Mokrakhom* 2488), pukul 8.00 – 10.00 pagi Pesuruhjaya Tentera Thai akan menerima dif-dif yang berhajat untuk datang melawat dan mendengar ucapan di kediamannya. Pada pukul 10.00 pagi Sami Thai membaca doa dan jamuan diadakan untuk pegawai Thai sahaja. Kiera dilantik menjadi penyambut tamu di kediaman Pesuruhjaya Tentera pada hari sambutan tahun baru, 1 Januari 1945 (1 *Mokrakhom* 2488).<sup>221</sup>

Dengan itu pada 30 Disember 1944 (30 *Tanwakhom* 2487) Pejabat Setiausaha Kerajaan Terengganu mengeluarkan pengisytiharan bilangan 20/2487 yang menyatakan bahawa pada 31 Disember 1944 (31 *Tanwakhom* 2487) dan 1-2 Januari 1945 (1-2 *Mokrakhom* 2488) diisyiharkan sebagai hari kelepasan am. Dalam tiga hari kelepasan itu semua bangunan pejabat kerajaan, rumah pegawai, rumah perniagaan, dan rumah orang ramai dikehendaki menaikkan bendera Thai. Pada 31 Disember 1944 (31 *Tanwakhom* 2487), tepat pukul 12.00 malam, dikehendaki surau-surau dan masjid-masjid memukul geduk,

pukulan biasa sebanyak tiga kali.<sup>222</sup> Pada 1 Januari 1945 (1 Januari 2488), pukul 7.00 pagi Pesuruhjaya Tentera dan Penolongnya datang mengadap Sultan Ali di Istana Kolam mengucapkan selamat tahun baru. Mereka dijamu sarapan pagi dan pada pukul 7.30 pagi mereka berangkat pulang. Pada pukul 9.00 pagi, ahli Montri Sapha datang mengadap Sultan Ali di Istana Kolam, kemudiannya mengiringi Sultan Ali, kira-kira 20 orang ke kediaman Pesuruhjaya Tentera untuk mengucapkan selamat tahun baru. Rombongan ini berangkat ke tempat askar Jepun, Kempetai iaitu Pejabat Tentera Polis. Pada pukul 1.00 tengah hari rombongan ini pulang ke Istana Kolam dan bersurai.<sup>223</sup> Pada 4 Januari 1945 (4 *Mokrakhom* 2488) Pemangku Pesuruhjaya Tentera Terengganu, P. Nai Badalung mengutuskan surat ucapan selamat tahun baru kepada Sultan Ali dengan menyatakan:

Dalam masa tahun baharu ini saya sampai-kan satingga2 uchapan saya kapada tuan waris2 dan pegawai2 dalam ini negeri bolihlah mendapat keselamatan dan kesumpena'an[kesempurnaan] tiap2 perkara. Sepaya[Supaya] menjadi upaya merentah ra'ayat yang bolih mendapat sekalian chita2 selama2-nya.<sup>224</sup>

### Berakhirnya Pentadbiran Tentera Thai

Pentadbiran Thai di Terengganu berakhir setelah Jepun menyerah kalah kepada Pihak Berikat pada 15 Ogos 1945. Serentak dengan penyerahan Jepun, Tanah Melayu diletakkan di bawah Pentadbiran Tentera British. Berikutnya, melalui pengisytiharan, Pemerintah Tertinggi Kuasa Berikat (*Supreme Allied Commander*) memberikan kuasa perundang-undangan, pentadbiran, tanggungjawab perundang-undangan ke atas rakyat dan harta di Tanah Melayu kepada *General Officer Commanding the Military Force Malaya* dan beliau pula memberikan kuasa lagi kepada *Chief Civil Affairs Officer*. Untuk membantu pentadbiran Tanah Melayu, tiap-tiap negeri diletakkan di bawah pentadbiran *Senior Civil Affairs Officer*.<sup>225</sup> Dalam pengisytiharannya bertarikh 1 Oktober 1945, *General Officer Commanding Military Force Malaya* memberikan wibawa, kuasa, dan kuasa kehakiman penuh kepada Ketua Pegawai Hal-Ehwal Awam (*Chief Civil Affairs Officer*) mengendalikan pemerintahan tentera bagi pihaknya ke atas

rakyat Tanah Melayu; yang berikutnya mempunyai kuasa melantik seseorang untuk menjalankan kuasa dan kuasa kehakiman yang difikirkan sesuai. Pentadbiran Tanah Melayu dibahagikan kepada dua *division*. Yang pertama ialah Semenanjung Tanah Melayu—mengandung Pulau Pinang, Melaka, Perak, Selangor, Negeri Sembilan, Pahang, Johor, Kedah, Kelantan, Terengganu, dan Perlis. Keduanya Singapura, mengandung *Settlements of Singapore*. Tiap-tiap *division* ini ditadbirkan oleh Timbalan Ketua Pegawai Hal-Ehwal Awam (*Deputy Chief Civil Affairs Officer*). Timbalan Ketua Pegawai Hal-Ehwal Awam mengurus pentadbiran tentera berlandaskan pengisytiharan, undang-undang, perintah, dan arahan Ketua Pegawai Hal Ehwal Awam; memenuhi keperluan Pemerintah Tentera Laut, Darat, dan Udara yang bermarkas di kawasannya tentang keselamatan dan menjamin keselamatan. Untuk matlamat pentadbiran, Timbalan Ketua Pegawai Hal Ehwal Awam boleh mengeluarkan surat pengisytiharan membentuk *Region*, Daerah dan sub-Daerah di dalam *division* masing-masing yang difikirkan sesuai. Di tiap-tiap *Region*, Daerah, dan sub-Daerah, Timbalan Ketua Pegawai Hal Ehwal Awam boleh melantik Pegawai Hal Ehwal Awam (*Civil Affairs Officers*).<sup>226</sup> Dengan itu pada 9 Oktober 1945, Timbalan Pegawai Hal Ehwal Awam mengeluarkan surat pengisytiharan memaklumkan bahawa Semenanjung Tanah Melayu dibagi kepada sembilan *Region*. *Region 1*, Kedah dan Perlis; *Region 2*, Pulau Pinang dan Province Wellesley; *Region 3*, Perak; *Region 4*, Selangor; *Region 5*, Negeri Sembilan dan Melaka; *Region 6*, Johor; *Region 7*, Kelantan; *Region 8*, Terengganu dan *Region 9*, Pahang.<sup>227</sup>

*Senior Civil Affairs Officer* Terengganu mencapai persetujuan dengan Dato' Menteri Besar untuk melaksanakan penyatuan tiga pejabat, iaitu Pejabat Setiausaha Kerajaan, Menteri Besar, dan Penasihat British. Pejabat ini nanti akan dibahagi kepada dua bahagian. Pertama akan menjalankan pekerjaan dalam bahasa Melayu; keduanya dalam bahasa Inggeris. Bagi melancarkan perjalanan pentadbiran kedua-dua bahagian ini, seorang kerani besar akan dilantik untuk mengurus segala perjalanan supaya tidak terjadi sebarang perselisihan. Segala fail akan terlebih dahulu melalui beliau. *Senior Civil Affairs Officer* mencadangkan M.S. Zachariah menjadi Kerani Besar. Pentadbiran yang diurus dalam bahasa Melayu, antaranya tentang pegawai, kerani, ketua pejabat dan

jajahan; dalam bahasa Inggeris pula tentang Pentadbiran Tentera. Pentadbiran baru yang dicadangkan ini akan bermula pada 1 Januari 1946.<sup>228</sup> Pada 5 Januari 1946, Kerani Besar, M. S. Zachariah mengemukakan cadangan perjalanan dalam pejabat yang digabungkan itu supaya ia dapat berjalan dengan lancar.<sup>229</sup> Beliau mengesyorkan pelantikan beberapa orang kerani dengan tugas masing-masing; tiga orang kerani perhubungan; seorang kerani menjaga rekod, kerani am, kerani taip, kerani peribadi, dan stenografi. Cadangan M.S. Zachariah yang diajukan melalui Setiausaha Kerajaan, Menteri Besar disetujui oleh *Senior Civil Affairs Officer* pada 15 Januari 1946 dan meminta supaya dilaksanakan.<sup>230</sup>

# 4

## Kesimpulan

TERENGGANU DALAM TEMPOH 1942–1945 DITADBIRKAN oleh dua kuasa tentera, iaitu Pentadbiran Tentera Jepun, (1942–1943) dan Pentadbiran Tentera Thai, (1943–1945). Sepanjang tempoh pemerintahan kedua-dua tentera ini, Terengganu mengalami berbagai-bagai perubahan. Pentadbiran Jepun mengekalkan Sultan di atas takhta kerajaan, berkuasa dalam adat—istiadat dan agama Islam sahaja. Majlis Mesyuarat Negeri tidak berfungsi; semua pegawai Melayu diletakkan di bawah kekuasaan pentadbiran Jepun. Segala undang-undang dan peraturan yang sebelumnya diserapkan sebagai undang-undang dan peraturan pentadbiran tentera Jepun. Penjepunian dilaksanakan ke atas pentadbiran Terengganu; waktu dan hari kelepasan negeri berdasarkan hari kelepasan Jepun. Begitu juga, bahasa Jepun digalakkan dipelajari oleh pegawai-pegawai tempatan. Bendera Terengganu dan bendera Sultan tidak boleh dinaikkan.

Apabila kerajaan Thai menjalankan pentadbiran di Terengganu, mengambil teraju pentadbiran yang diserahkan oleh Pentadbiran Tentera Jepun, Sultan Terengganu dibenarkan semula berkuasa, dengan Pesuruhjaya Tentera Thai Terengganu sebagai Penasihat. Kebenaran juga diberikan kepada Sultan mengibarkan bendera kerajaan di kediaman dan di kereta baginda. Majlis Mesyuarat Negeri yang tidak berfungsi pada masa pentadbiran Jepun telah dipulihkan kembali, tetapi dengan nama *Montri Sapha*. Sultan Ali dilantik sebagai Presiden

dan Dato' Jaya Perkasa Che Da Omar bin Mahmud sebagai Timbalan Presiden.

Pentadbiran Jepun dan Thai di Terengganu berakhir pada tahun 1945, setelah Jepun menyerah kalah; dan pentadbiran negeri dikendalikan oleh *Senior Civil Affairs Officer*. Dalam jangka masa 1942-1945, galakan dan perangsang diberikan oleh pentadbiran Jepun, Thai dan Sultan Ali kepada rakyat supaya berusaha menambahkan hasil pertanian bagi mengatasi kekurangan makanan. Oleh sebab zaman peperangan, maka usaha-usaha yang dijalankan tidak membawa kejayaan.

Sepanjang pentadbiran Sultan Ali, (1942-1945), baginda menunjukkan sikap positif menyokong pentadbiran Jepun. Baginda berusaha untuk mengelakkan perpindahan pentadbiran Terengganu kepada kerajaan Thai pada tahun 1943. Namun dengan sedar baginda menyatakan bahawa Terengganu bukanlah berhajat menentang arahan yang telah dibuat oleh Perdana Menteri Jepun General Tojo tentang perpindahan itu.

Apabila British berkuasa semula di Terengganu, Sultan Ali diturunkan dari takhta kerajaan Terengganu pada 16 Disember 1945 (12.1.1364). Dengan itu takhta kerajaan Terengganu diduduki oleh bapa saudara baginda, Tengku Ismail ibni Sultan Zainal Abidin III. Sultan Ismail ditabalkan dan dimahkotakan pada 6 Jun 1949 dengan gelaran Sultan Ismail Nasiruddin Syah.<sup>1</sup>

## Nota

### 1 Pentadbiran Terengganu Sebelum 1942

1. Berdasarkan duit emas Terengganu yang mencatatkan tahun hijrah 1120, bersamaan 1708 serta nama Sultan Zainal Abidin. *Terengganu Currency Heritage*. Kuala Lumpur: Bank Negara Malaysia, 1995, 22.
2. Orang Bugis di bawah pimpinan Daeng Parani, Daeng Marewah, Daeng Chelak, Daeng Kemas dan Daeng Menambun terlibat dalam politik Johor pada tahun 1720-an setelah Raja Sulaiman ibn Sultan Abdul Jalil Riayat Syah IV menjemput mereka membantu menentang Raja Kechil (yang mendakwa bahawa ia adalah putera Sultan Mahmud yang dibunuh oleh Megat Seri Rama pada tahun 1699 di Kota Tinggi; menyerang dan menawan Johor pada tahun 1718 serta menduduki takhta kerajaan Johor dengan gelaran Sultan Abdul Jalil Rahmat Syah, 1718-1722). Setelah Raja Kechil dikalahkan Raja Sulaiman diisytiharkan sebagai Sultan Johor dengan gelaran Sultan Sulaiman Badrul Alam Syah dan Daeng Marewah dilantik sebagai Yamtuan Muda Johor. Mengikut persetujuan, pentadbiran kerajaan Johor adalah di bawah kendalian Yamtuan Muda dan jawatan ini akan hanya diwarisi oleh orang Bugis.
3. Raja Ali Haji. *Tuhfat al-Nafis*. Singapura: Malaysia Publication, Ltd., 1975, 70.
4. Sultan Abdul Jalil Riayat Syah IV menduduki takhta kerajaan Johor pada tahun 1699 menggantikan Sultan Mahmud mangkat dijulang yang dikatakan tidak mempunyai waris pengganti. Sebelum itu baginda adalah Bendahara Johor

menggantikan ayahandanya, Tun Habib Abdul Majid (Bendahara Padang Saujana) yang meninggal dunia pada tahun 1697.

5. V. Matheson (ed.). *Tuhfat al-Nafis*. Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti Sendirian Berhad, 1982, 95.
6. Sila lihat Muhammad Saleh bin Haji Awang, Haji Dato'. *Sejarah Darul Iman Hingga 1361H=1942M*. Kuala Terengganu: Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Terengganu, 1992, 97-105.
7. Ibid., 113-115.
8. Ibid., 113.
9. M.C. ff. Sheppard. "A Short History of Trengganu." *JMBRAS*, Vol. 22, Pt. 3, 1949, 20.
10. Abdullah Zakaria bin Ghazali. "Keadaan Politik dan Sosioekonomi Terengganu Pada kurun ke-19." Abdullah Zakaria bin Ghazali (Penyunting). *Terengganu Dahulu Dan Sekarang*. Kuala Lumpur: Persatuan Muzium Malaysia, 1984, 40.
11. Sultan Daud hanya memerintah kira-kira 40 hari.
12. Apabila Sultan Daud mangkat pada tahun 1831, Yang Dipertuan Muda Tengku Omar dilantik sebagai Sultan Terengganu. Pada tahun yang sama Sultan Omar diturunkan dari takhta kerajaan Terengganu oleh bapa saudaranya, Tengku Mansur dalam satu pertempuran.
13. Mengenai perselisihan dan perebutan takhta kerajaan ini, sila lihat, Haji Muhammad Saleh bin Haji Awang. *Terengganu Dari Bentuk Sejarah Hingga Tahun 1918*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors, 1978, 156-161. M.C. ff. Sheppard. 'A Short History of Trengganu.' 27-28. Haji Munib Sheppard, "Baginda Omar the Conqueror." *Malaysia in History*, Vol. 12, No. 1, October 1968, 34-37. Haji Buyong Adil. *Sejarah Terengganu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1974, 68-69.
14. M. C. ff. Sheppard. "A Short History of Trengganu", 29.
15. Setelah memerintah Terengganu selama tiga puluh tujuh tahun Baginda Omar mangkat pada tahun 1876. Jenazah baginda dimakamkan di dalam kawasan Masjid Abidin.
16. Tengku Ahmad ialah anak saudara Baginda Omar, putera Yang Dipertuan Muda Tengku Mahmud. Baginda dilantik menjadi Sultan kerana Baginda Omar tidak mempunyai putera.
17. Khoo Kay Kim. "Trengganu and Kelangan in the 19th Century", *The South East Asian Review*. Vol. 1, No.1, August 1976, 41.
18. Haji Buyong Adil. *Sejarah Terengganu*, 137.

19. Mengenai pembahagian kawasan ini sila lihat C.O. 273/351, John Anderson kepada Pejabat Tanah Jajahan, No. 303, 22 Februari 1909, terlampir Laporan W. L. Conlay, "Extracts from the journal of the British Agent Trengganu for the period 11th July to 31st August 1909", No. 53/09, 8 September 1909. (Seterusnya diringkaskan sebagai C.O. 273/351, laporan W. L. Conlay, 7 September 1909).
20. Tengku Khajki, keturunan Terengganu dan Johor.
21. Sultan Ali ialah putera Sultan Husin, Johor. Memerintah Johor pada tahun 1835–1877.
22. Syed Abu Bakar berkahwin dengan anak saudara Sultan Zainal Abidin III.
23. Abdul Rahman berasal daripada Budak Raja tetapi telah berjasa kepada Sultan Zainal Abidin III. Beliau dan Budak Raja lain: Pak Mat Biang, Haji Ibrahim dan Wan Awang (kemudian bergelar Dato' Panglima Dalam) berjaya membunuh Tengku Long yang lebih terkenal dengan nama Engku Molek atas perintah Sultan Zainal Abidin III. Abdul Rahman bin Ishak ini kemudiannya dianugerahkan gelaran Dato' Seri Lela Diraja. (Sila lihat Encik Sulong bin Zainal. "Dato' Sri Lela Diraja Viceroy of Kemaman." *Malaysia in History*, Vol. 12, No. 1, October 1968, 16).
24. C.O. 273/351, laporan WL. Conlay, 7 September 1909.
25. M. C. ff. Sheppard. "A Short History of Trengganu", 47.
26. C.O. 273/351, laporan W. L. Conlay, 7 September 1909.
27. Dato' Mata-Mata disandang oleh Che Ali bin Muhammad. Sebelum memegang jawatan ini beliau adalah Budak Raja. Bapanya, Che Muhammad adalah Dato' Mata-Mata di masa pemerintahan Baginda Omar. Apabila ayahandanya meninggal dunia, jawatan tersebut disandang oleh Che Ali. (Y.T.M. Tengku Ahmad Ibn Sultan Zainal Abidin. "Dato' Mata-Mata." *Malaysia in History*, Vol. 12, No. 1, October 1968, 33).
28. Mengenai Haji Ngah Muhammad bin Yusof sila lihat Abdullah Zakaria bin Ghazali. "Haji Ngah Mohamed bin Yusof - Dato' Seri Amar Diraja Terengganu." *Jurnal Sejarah*, Persatuan Sejarah Universiti Malaya, Jilid XIV, 1976/1977.
29. C.O. 273/351, laporan W. L. Conlay, 7 September 1909.
30. Mengenai Engku Syed Abdul Rahman sila lihat Mohammad bin Abu Bakar. "Sayid Abdul Rahman bin Muhammad al-Idrus (Tukku Paloh)." *Islam Di Malaysia*. Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia, 1980, 34–51.
31. Untuk keterangan tentang bunga emas sila lihat Abdullah Zakaria bin Ghazali. "Bunga Emas: Satu Tinjauan Dalam

- Hubungan Terengganu-Siam." *Malaysia in History*. Vol. 21, No. 1, June 1978, 32-35.
32. M. C. ff. Sheppard. "A Short History of Trengganu", 51-52.
  33. C.O. 273/351, laporan W. L. Conlay, 7 September 1909.
  34. W.G. Maxwell and W.S. Gibson. *Treaties and Engagement Affecting the Malay States and Borneo*. London: James Truscott, 1924, 88.
  35. C.O. 273/354, Pejabat Luar kepada Pejabat Tanah Jajahan, No. 3343/09, 17 September 1909 (conf.), lampiran 6, dalam No. 1, Beckett kepada Prince Devowongse, 27 Jun 1909.
  36. C.O. 273/354, Pejabat Luar kepada Pejabat Tanah Jajahan, No. 3343/09, 17 September 1909 (conf.), lampiran 7, dalam No. 1, Prince Devawongse kepada Beckett, 29 Jun 1909.
  37. C.O. 273/351, laporan W. L. Conlay, 8 September 1909.
  38. C.O. 273/352, Pesuruhjaya Tentera Laut kepada Pejabat Tanah Jajahan, No. M-11506, 22 Oktober 1909, terlampir "Letter of Proceeding", No. 24, 25 Oktober 1909.
  39. Tentang perbincangan ini, sila lihat Abdullah Zakaria bin Ghazali. "Kekacauan dan Kebangkitan Terengganu 1921-1928." (Tesis M.A. Jabatan Sejarah Malaya, Universiti Malaya, 1976), 87-97.
  40. WG. Maxwell and W. S. Gibson. *Treaties and Engagements Affecting the Malay States and Borneo*, 112-114. *Undang-Undang Bagi Diri Kerajaan Negeri Terengganu*. Kuala Lumpur: 1973, jawi, 16.
  41. *Dairi Dato' Seri Amar Diraja*.
  42. E. Thio. *British Policy in the Malay Peninsular 1880-1910*. Vol. I, Kuala Lumpur: University of Malaya Press, 1969, 234.
  43. R. Braddell. *The Legal Status of Malay States*. Singapore: Malayan Publishing House Limited, 1931, 27. E. Thio. *British Policy in the Malay Peninsular 1880-1910*, 234.
  44. *Undang-Undang Bagi Diri Kerajaan Negeri Terengganu*. Kuala Lumpur: 1973, 3.
  45. Ibid., 4; 6.
  46. Ibid., 16.
  47. Alwee bin Jantan. "Trengganu 1945-1957: A Study in Political Development." Academic Exercise, Department of History, University of Malaya, Singapore, 1958, 10.
  48. Ibid. Lihat juga *Undang-Undang Bari Diri Kerajaan Negeri Terengganu*. 13.

49. J. de Vere Allen, "Ancient Regime in Trengganu 1909-1919." *JMBRAS*. Vol. 41, Pt. 1, 48.
50. SUK. Tr. 422/1334, Sir Arthur Young kepada Sultan Zainal Abidin III, (di bahagian tarikh telah rosak).
51. Temuramah Haji Hitam bin Ngah Muhammad, 27 April 1978. Lihat juga SUK. TR. 83/1334, Setiausaha Kerajaan kepada Yang Dipertuan Muda, 23.3.1334.
52. *UFMS. AR*. "The Trengganu Annual Report for the year 1913." Kuala Lumpur: Federated Malay States Governement Printing Office, 1914, 265.
53. Chan Su-Ming. "Kelantan and Trengganu 1909-1939." *JMBRAS*. Vol.38 Pt. 1, 1965, 183. R. Emerson. *Malaysia: A Study in Direct and Indirect Rule*, Kuala Lumpur: University of Malaya Press, 1964, 265.
54. Chan Su-ming. "Kelantan and Trengganu 1909-1939". 186.
55. *ART 1915*, 6.
56. Ibid., 11.
57. Chan Su-ming. "Kelantan and Trengganu 1909-1939". 185.
58. *Report of the Commission to enquire into certain matters relating to the State of Trengganu, 1918*. I.
59. Ibid.
60. Ibid., 34.
61. W. G. Maxwell and W. G. Gibson. *Treaties and Engagements Affecting the Malay States and Borneo*. 114.
62. MBOF. Tr. 229/1338, Sir Arthur Young kepada Sultan Muhammad, 16 Jun 1919.
63. MBOF. Tr. 229/1338, Sir Arthur Young kepada Sultan Muhammad ibn Almarhum Sultan Zainal Abidin, 30 Mei 1919.
64. Ibid.
